

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Shah Alam, Selasa 13 April 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(PUAN TIMBALAN SPEAKER)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR**

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

**TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismilahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Doa.

**TUAN SPEAKER :** Salam Sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Kedua Belas.

Tahun 2010 merupakan genap 2 tahun selepas Pilihanraya Umum pada tahun 2008. Sepanjang tempoh tersebut, rakyat dapat menyaksikan bagaimana kesepaduan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam menzahirkan usaha untuk memberikan khidmat yang terbaik sejajar dengan amanah yang diberikan oleh rakyat. Kepimpinan yang jujur, ikhlas dan berintegriti menjadi asas dalam usaha membangunkan sumber-sumber negeri untuk memewahkan dan memakmurkan rakyat secara keseluruhan.

Dewan pada kali ini menerima kemasukan semula 4 orang Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri yang telah tamat tempoh penggantungan pada 16 Januari 2010 iaitu:-

- (i) YB Dato' Marsum bin Paing (ADUN Kawasan Dengkil),
- (ii) YB Dato' Hj. Warno bin Dogol (ADUN Kawasan Sabak),
- (iii) YB Dato' Mohamed Idris bin Abu Bakar (ADUN Kawasan Hulu Bernam); dan
- (iv) YB Tuan Mohd. Isa bin Abu Kasim (ADUN Kawasan Batang Kali).

Adalah diingatkan bahawa YB Ahli-ahli Dewan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kewibawaan Dewan dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan dan tidak membuat apa-apa tindakan atau membuat kenyataan yang menghina Dewan. Dewan adalah forum politik yang tertinggi di dalam sistem Kerajaan di mana semua perkara yang berhubung dengan Dewan dan Jawatankuasa Dewan harus di bawa dan dibicarakan di Dewan oleh Ahli Dewan dan bukan di luar Dewan.

Saya berharap semua pihak mengambil perhatian dan melihat penggantungan 4 orang YB Ahli-ahli Dewan Negeri tersebut sebagai satu iktibar untuk panduan masa hadapan.

Saya juga ingin memaklumkan Dewan bahawa YB Dr. Cheah Wing Yin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama tidak dapat hadir pada persidangan kali ini kerana masih menerima rawatan akibat kemalangan jalan raya dan saya telah membenarkan permohonan cuti sakit tersebut. Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Kedua. Membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:-

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2010
  - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun berakhir 31 Disember 2008.
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2010
  - Sijil dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2010
  - Penyata Kewangan Lembaga Muzium Selangor Bagi Tahun 2008.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2010
  - Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor (PAC) Bagi Tahun 2007.
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2010
  - Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama, 2010 Bagi Kerajaan Negeri Selangor.
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2010
  - Enakmen Perbekalan Tambahan 2010
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2010
  - Laporan Terhadap Tanah-tanah Milik Yayasan Basmi Kemiskinan Negeri Selangor

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-Pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Terima kasih, Tuan Speaker.  
Soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : LAWATAN KERJA AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

1. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
  - a) Menyeneraikan segala lawatan kerja yang telah diadakan oleh seluruh Ahli MMKN sejak Mac 2008 sehingga kini.
  - b) Apakah pulangan (TOR) yang didapati daripada lawatan yang telah dibuat? Nyatakan secara spesifik?
  - c) Siapakah operator yang mengatur segala penerbangan Kerajaan negeri Selangor dan "benefit" yang diterima?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Speaker, terima kasih atas soalan dari YB Taman Medan mengenai lawatan kerja Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Soalan itu tepat. Ada dua hal saya perhatikan lawatan, satu, lawatan kerja: dua, lawatan sambil belajar. Lawatan sambil belajar tidak lagi digalakkan oleh Kerajaan Negeri tetapi lawatan kerja digalakkan. Untuk menyeneraikan lawatan, saya rasa saya boleh menghantar senarainya untuk tujuan secara ringkas kepada Dewan. Pertama, saya mengadakan dua lawatan, satu mengikuti DYMM Sultan untuk ke Stamford University Hospital dan lawatan itu kerana DYMM Sultan mengadakan pembedahan dan saya dapat melawat Baginda Sultan. Di samping itu, semasa lawatan di sana saya juga telah membuat dua tugas iaitu melawat *Silicon Valley* dan memerhati cara mengatur pembangunan perumahan untuk masyarakat termiskin di Southern California dan hasil daripada kerja itu saya telah melawat lagi sekali ke *Silicon Valley* dalam masa 3 hari iaitu untuk membawa Plak and Play iaitu Syarikat yang mengaturkan semua bentuk *venture capter* untuk saintifik *Research and Technological Enovation* untuk di bawa ke Shah Alam dan Negeri Selangor. Alhamdulillah perkara ini sudah dapat dimeterikan dan satu perjanjian mengenai Plak and Play sudah juga dilakukan dan PKNS dan ICT di bawah Syarikat Air Berhad telah menandatangani satu perjanjian dengan Plak and Play.

Puan Teresa Kok telah juga melawat ke Taiwan dan ke Singapura untuk mengadakan perjumpaan dengan penganalisis pelaburan termasuk Rosseshalle dan juga Namura Securities dan Syarikat-syarikat pelaburan *again.... holdings* dan beliau juga sempat mengiringi DYMM Tuanku Sultan bagi melihat kejohanan Bola Sepak Sultan Singapore Cup. Dato' Hassan Ali telah melawat Singapura dan mengadakan lawatan ke Timur Tengah. Saudara Yaakob Sapari telah ada misi Perdagangan ke Bandung dan Jakarta dan juga Perdagangan ke Yiwu dan Hangzhou, China. Puan Rodziah Ismail, dapat membuat lawatan ke Bandar Aceh dan ke Singapura dan juga lawatan kerja kuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi ke Bangkok, Thailand. Dr. Xavier Jayakumar, telah mengikuti Program Pravasi Bharatiya Divas Convention di New Delhi dan juga telah pergi ke Balikpapan, Indonesia untuk melihat kesan Industri Burung Walit terhadap pembiakan nyamuk Aedes.

YB Dr. Hajah Halimah Ali, telah menghadiri mesyuarat dan *conference* tahunan *Islamic World Academy Of Sciences* di Kazan, Tartastan, Russia dan melawat Bandar Aceh. Tuan Iskandar



bin Abdul Samad melawat ke Singapura untuk mengkaji aspek pengurusan dan penyenggaraan projek perumahan rakyat dan perumahan bertingkat. Tuan Ronnie Liu telah pergi ke India untuk menghadiri Program Pravasi Bharatiya Divas di New Delhi dan bersama dengan Dr. Xavier untuk mengkaji bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengawal panduan Industri Burung Walit di Selangor. Puan Elizabeth Wong sebagai EXCO mengenai Pelancongan telah mengikuti beberapa program pelancongan termasuk Aran Travel Market di Dubai dan membuat promosi pelancongan di Shanghai dan membuka gerai untuk produk-produk pelancongan di Singapura dan juga mengikuti Malaysia *Travel Fair 2008* di Singapura dan mengadakan perjumpaan bersama Agensi Pelancongan di Korea dan juga Lawatan Rasmi ke Aceh. Beliau juga telah mengikuti satu program mengenai Asia *Incentive and Meeting Exhibition* di Melbourne, Australia.

Soalan yang kedua yang ditanya, apakah pulangan yang didapati daripada lawatan yang dibuat? Nyatakan secara spesifik. Dokumen-dokumen mengenai '*report*' mengenai lawatan yang sudah diadakan Menteri Besar telah memberikan jawapan mengenai hasil lawatan Menteri Besar dan ini akan dibukukan dan diserahkan kepada Taman Medan.

Siapakah operator yang menghantar segala penerbangan di negeri Selangor dan *benefit* yang diterima? Kita sudah membuat keputusan bahawa usaha mengenai perjalanan luar negeri oleh Ahli-ahli EXCO dan untuk semua kakitangan warga kerja Negeri Selangor diutamakan melalui Tourism Selangor. Tourism Selangor diminta untuk membelikan tiket-tiket dan juga mengaturkan semua bentuk perjalanan yang dibuat. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mendapat perangkaan dan akaun perjalanan tersebut dan mengambil kira tentang kosnya dan mengambil kira tentang kecekapan Tourism Selangor mengendalikan perjalanan tersebut berbanding dengan sektor-sektor swasta yang bersaing dengannya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, Soalan Tambahan mengenai jawapan yang diberikan oleh YAB Tan Sri dengan mengenai lawatan kerja dengan lawatan sambil belajar, sila perelaskan dengan detail apa itu perbezaan antara lawatan kerja dengan lawatan sambil belajar dan apakah kriteria yang harus dipatuhi. Sekian, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ada kalanya saya dapati pemimpin-pemimpin negeri juga mengadakan lawatan dan membawa bersama-sama rakan-rakan dari pihak warga kerajaan dan dari rakan-rakan dari kumpulan politik untuk menyertai lawatan-lawatan tersebut. Untuk mereka ini antara alasan yang diberikan ialah untuk lawatan sambil belajar. Tetapi kita dapati lawatan sambil belajar tidak memberi kesan sangat positif untuk menentukan keberkesanan lawatan-lawatan tersebut. Lawatan sambil belajar ini ialah juga pernah dilakukan sebelum 2008, iaitu selain ahli-ahli keluarga rakan-rakan juga bersama. Jadi dengan cara ini keberkesanan lawatan tersebut diragukan.

Kedua, dalam teknologi moden ini penyediaan untuk lawatan sangat perlu: Pertama, kita perlu hanya hendak melihat, katalah satu Bandar Santiago. Dengan melawat kita boleh melalui Internet, kita boleh tahu keadaan-keadaan tersebut

Kedua dengan '*video conferencing*' yang sangat murah harganya sekarang, boleh dilakukan sebelum lawatan itu dibuat. Jadi maknanya '*preparation*' untuk lawatan itu dilakukan, tapi lawatan untuk melancong ataupun sambil belajar itu digalakkan dengan hanya mereka membayar sendiri bukan melalui pembiayaan Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, kita tidak

galakkan Ahli-ahli EXCO atau pemimpin negeri untuk membawa kumpulan-kumpulan di bawah asas lawatan sambil belajar.

**TUAN SPEAKER :** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih, Tuan Speaker, setakat ini pihak kerajaan tidak masih belum memberi peluang kepada ADUN-ADUN biasa untuk membuat lawatan kerja luar Negara, adakah kemungkinan mereka ini akan diberi peluang untuk melawat lawatan kerja untuk kepentingan khidmat mereka di kawasan masing-masing, jika tidak mengapa dan jika ya agaknya bila.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih banyak Yang Berhormat Bang. saya ingat kita terima permohonan ADUN-ADUN untuk membuat lawatan kerja. Kita boleh terima dan kita boleh tentukan sama ada dia sesuai atau tidak. Saya hendak cadangkan ADUN-ADUN untuk membuat persediaan bagaimana lawatan itu akan dapat memberikan kebaikan. Sebagai contoh, ADUN di undang untuk menyampaikan kertas kerja di 'Conferency' Dewan di satu tempat di Kanada. Dengan cara itu, atas undangan kerajaan Kanda, dan beliau juga diberi tambahan peruntukan untuk lawatan di sana. Maknanya beliau ada kerja di sana.

Kedua, ADUN berkenaan boleh jadi ingin melihat kilang yang telah dibuat di kawasan tersebut tetapi diberitahu, bagaimana kilang itu dapat diperbaiki dan kalau benar-benar ia sesuai, maka kerajaan negeri boleh menimbangkan untuk lawatan bersama-sama dengan Menteri Besar 10 hingga 15 orang. Boleh jadi tidak diterima kerana tidak sempat. Menteri Besar ada kerja, jadi lawatan sambil bekerja ini, '*very specific*'

**TUAN SPEAKER :** Teratai

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, Soalan saya soalan nombor 2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : DRAF RANCANGAN TEMPATAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah PBT sudah mengemukakan draf rancangan dan berapakah belum lagi?
  - b) Berapakah kos yang terlibat dalam mendrafkan rancangan tempatan. Sila senaraikan secara terperinci.
  - c) Sila nyatakan syarikat-syarikat yang terlibat. Kalau draf itu tidak lengkap bolehkah kerajaan tolak draf rancangan tempatan dan buat semula lagi?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Teratai mengenai Rancangan Tempatan. Sehingga kini kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah mempunyai Rancangan Tempatan atau Draf Rancangan Tempatan. Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan 13 Rancangan Tempatan pada tahun 2007, 2008 dan 2009, di antaranya :

1. Pengubahan (1) Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1
2. Rancangan Tempatan Kajang
3. Rancangan Tempatan Cheras
4. Rancangan Tempatan Kuala Selangor, Warisan Alam
5. Rancangan Tempatan Banting-Telok Datok
6. Rancangan Tempatan Daerah Sabak Bernam
7. Rancangan Tempatan Serendah-Hulu Yam
8. Rancangan Tempatan Rawang-Kuang
9. Rancangan Tempatan Morib-Tanjung Sepat
10. Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor
11. Rancangan Tempatan Bangi-Semenyih-Beranang
12. Rancangan Tempatan Daerah Klang
13. Rancangan Tempatan Daerah Sepang

Dua (2) Draf Rancangan Tempatan iaitu DRT MBSA 2020 dan DRT MPSJ juga 2020 telah mendapat kelulusan pewartaan oleh MMKN ke 9 pada 10 Mac 2010 dan sedang di peringkat proses pewartaan.

Manakala bagi DRT MBPJ 2020 Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam telah bersidang pada 1 Mac 2010 dan 8 Mac 2010. Seterusnya Laporan DRT Akhir sedang disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri dan seterusnya diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan pewartaan.

Selain itu, Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi lima (5) Draf Rancangan Tempatan telah diadakan secara serentak dari 3 November 2009 hingga 2 Disember 2009 dan dilanjutkan hingga 31 Disember 2009. Program Publisiti tersebut telah dilanjutkan untuk kali kedua hingga 31 Januari 2010. Kelima-lima DRT ataupun Draf Rancangan Tempatan tersebut ialah MPAJ 2020, MPS 2020, MPKj 2020, Kuala Langat 2020 dan Daerah Hulu Selangor 2020.

Kesemua Lima (5) Draf Rancangan Tempatan tersebut sedang di peringkat penyediaan Laporan Bantahan Awam untuk diangkat kepada Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam.

Pembiayaan kos bagi penyediaan Draf Rancangan Tempatan adalah melalui pendekatan '*matching fund*' iaitu perkongsian kos di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia membiayai 2/3 daripada kos keseluruhan penyediaan DRT. Manakala Kerajaan Negeri Selangor membiayai sejumlah 1/3 daripada kos keseluruhan tersebut.

Di peringkat Negeri kos bagi PBT yang bertaraf Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran ditanggung oleh PBT itu sendiri. Bagi PBT bertaraf Majlis Daerah, kos adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Secara terperinci saya secara ringkas:-

- i. Draf Rancangan Tempatan MBSA kosnya RM 1.9 juta
- ii. Draf Rancangan Tempatan MPAJ kosnya RM 1.4 juta
- iii. Draf Rancangan Tempatan MPKj kosnya RM 1.1 juta
- iv. Untuk Kuala Langat RM 907,000.00
- v. Untuk Daerah Hulu Selangor kosnya RM 939,000.00

Syarikat-syarikat yang menyediakan Draft Rancangan Tempatan adalah firma perunding perancang Bandar profesional yang berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM), *Malaysian Institute of Planners* (MIP) dan Kementerian Kewangan Malaysia. Proses pemilihan firma perunding diuruskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia melalui prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia di dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding 2006. Proses tersebut melibatkan pemilihan di peringkat senarai pendek firma, penilaian Teknikal dan kewangan prima dan juga rundingan kos bersama prima yang dipilih. Firma-firma perunding yang terpilih bagi draft tempatan adalah seperti berikut:

- i. Untuk Draft Rancangan Tempatan MBSA 2020 dan MPSJ 2020 dan MPPJ 2020 nama Syarikat ialah **Perunding Asnahtech Consult**.
- ii. Untuk MPAJ 2020 dan MPS 2020 nama syarikat ialah **Perunding Urban Research Associates Sdn. Bhd.**
- iii. Untuk Draft Rancangan Tempatan MPKj 2020 nama **Syarikat Perunding Encironmental Planning Group Sdn. Bhd**
- iv. Untuk Draft Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 nama **Syarikat Perunding ANZ Planner** dan,
- v. Untuk Draft Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 **Perunding Analisis Town Planning Consult**.

Mengikut peruntukan Seksyen 15 Akta 172, Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) akan menimbangkan kelulusan DRT iaitu Draft Rancangan Tempatan. Setelah memuktamadkan Draft Rancangan Tempatan berdasarkan keputusan JPN iaitu Jawatan Perancang Negeri, Draft Rancangan Tempatan akan di angkat bagi pertimbangan dan kelulusan Pihak berkuasa Negeri untuk pewartaan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB** : Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER** : Ya, Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : *Local Agenda 21*. Program untuk merancang dan mengurus kawasan persekitaran ke arah pembangunan mapan. Dalam mewujudkan Draft Rancangan Tempatan sejauh manakah program *Local Agenda* yang mana satu diterapkan dan sekiranya dalam proses merancang tidak dilaksanakan apakah rancangan Kerajaan untuk melibatkan masyarakat dalam *Local Agenda 21* dalam pengurusan pelaksanaan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker sebenarnya *Local Agenda 21* adalah satu konsep *international* yang telah diterima oleh Kerajaan Malaysia beberapa tahun yang lalu dan semua 12 PBT di Selangor telah menerima dan telah menggunakan *Local Agenda 21*. Dan pada masa dahulu Kerajaan Pusat melalui KPKT ada menyalurkan satu Dana untuk mempromosikan dan juga melaksanakan *Local Agenda 21*. Dan semangat *Local Agenda 21* yang penting ialah semua dasar, semua polisi, semua projek dan program yang akan dilaksanakan di satu-satu Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran atau Bandaraya mesti mengadakan *consultation* atau perundingan dengan penduduk-penduduk setempat. Itulah semangat yang paling penting dalam konsep *Local Agenda 21*. Tetapi malangnya sejak Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa

di Negeri Selangor Dana ataupun saluran kewangan daripada Kerajaan Pusat telah dihentikan tanpa alasan dan oleh sebab itu Kerajaan Negeri sedang mengkaji bahawa kita akan selain daripada memberi arahan kepada setiap PBT untuk menyediakan satu bajet untuk mempromosikan dan juga melaksanakan *Local Agenda 21* dan Kerajaan Negeri sendiri akan di bawah portfolio saya akan juga mengkaji bagaimana kita menyediakan bajet di bawah portfolio saya supaya *Local Agenda 21* boleh dipulihkan lagi kerana kita Kerajaan Negeri memang mementingkan penyertaan atau *consultation* atau perundingan di antara penduduk satu tempat dengan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker soalan

**TUAN SPEAKER :** Teratai

**YB PUAN LEE YING HA :** Ya. Tuan Speaker sebelum saya masuk soalan tambahan saya rasa ada sebahagian soalan belum dijawab lagi iaitu kalau Draf Rancangan Tempatan itu tidak lengkap bolehkan Kerajaan tolak Draf Rancangan Tempatan dan membuat semula lagi itu belum dijawab lagi. Dan soalan tambahan saya ialah apakah peranan ADUN dalam Draf Rancangan Tempatan itu. Adakah ADUN boleh tentukan yang mana kita rasa kena tukar ataupun macam pembangkang sahaja kita bagi cadangan tetapi dengan siapa yang tentukan selepas itu.

**YBTUAN LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker memang di dalam proses semua Draf Rancangan Tempatan memang ada proses untuk pendengaran awam juga bantahan termasuk peluang kepada ADUN-ADUN yang berkaitan tetapi prosesnya sama di bawah satu jawatankuasa untuk mengendali pendengaran awam. Dan memang dalam pengalaman kita pada masa yang lampau memang ada perubahan dibuat apabila bantahan diterima oleh awam jadi proses ini telah diadakan dan masa untuk dipaparkan pun telah dipanjangkan oleh Kerajaan yang baru dan satu langkah satu pendekatan yang baru oleh Kerajaan yang baru ialah pada masa lampau semua Draf Rancangan Tempatan adalah sangat-sangat tebal dan pre-kos atau dijual kepada orang awam dengan harga sehingga kalau tidak silap saya sehingga RM500 satu naskhah sebab dia tebal. Dan Kerajaan baru telah mengambil langkah iaitu semua Draf Rancangan Tempatan boleh diadakan dalam Internet. Jadi orang awam tidak perlu lagi membeli draf itu terus pergi ke Internet dan boleh *download* dan boleh membaca dan meneliti dan lepas itu memberi cadangan Kerajaan tempatan yang berkaitan. Jadi memang boleh ditolak sama sekali kalau Kerajaan Negeri mendapati draf rancangan itu adalah *totaling or point* ataupun tidak sesuai tetapi kalau tidak sebegini jadi perubahan sudah cukup. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker maaf..

**TUAN SPEAKER :** Ya

**YB PUAN LEE YING HA :** Soalan belum dijawab lagi. Apakah peranan ADUN dalam draf rancangan ini.

**YBTUAN LIU TIAN KHIEW :** Seperti biasalah seperti orang awam yang lain termasuk ADUN pun ada peluang untuk bersama-sama pergi pendengaran awam tak ada ..... pada peringkat ADUN.

**TUAN SPEAKAR :** Meru

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN :** Tuan Speaker Soalan No. 3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI**

3. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah masalah-masalah yang sebenarnya dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah terbengkalai di Taman Desa Kencana di DUN Meru yang merana kerana menunggu terlalu lama dan di masa yang sama terpaksa membayar bulanan di bank-bank?
  - b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?
  - c) Apakah langkah-langkah sesuai yang perlu diambil oleh pihak pembeli khususnya di Desa Kencana untuk menyelesaikan kemelut yang telah lama melanda mereka?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih kepada Meru. Tuan Speaker saya ingin menjawab soalan tersebut bersama-sama dengan soalan No.85 Kota Damansara, soalan No. 94 Sekinchan, soalan No. 117 Kuang dan soalan No. 177 Sg.Pelek serta soalan No. 250 Sri Muda.

Berkenaan dengan Projek Taman Desa Kencana ia adalah antara projek-projek terbengkalai yang masih belum disiapkan lagi. Buat makluman Yang Berhormat masih terdapat 134 projek terbengkalai atau 480,590 unit setakat ini yang masih belum lagi disiapkan. Walau bagaimanapun daripada tempoh Mac 2008 hingga Januari 2010 jumlah projek terbengkalai yang berjaya disiapkan di bawah Kerajaan yang baru dan telah diserahkan kunci adalah sebanyak 20 projek atau 7,779 unit. Berbalik kepada Meru terdapat 3 lokasi projek terbengkalai yang dimaksudkan lokasinya adalah di Jalan Dusun, Jalan Kopi dan Jalan Belimbing. Siap satu projek terdapat lebih kurang 35 atau 38 unit kediaman. Pemaju asalnya ialah **BIL ALIH Sdn Bhd** dan **ARITS Sdn Bhd** dan pemaju telah menghadapi masalah dari segi kewangan dan masalah pengurusan projek. Itu sebab projek itu lambat. Projek ini telah diletakkan di bawah *task force* projek terbengkalai di bawah YB Hulu Kelang dan *task force* ini telah mendapatkan sebuah kontraktor penyelamat yang bernama **SAMA SEJATI SDN. BHD**. Dan alhamdulillah kontraktor ini telah menjalankan kerja-kerja dan telah mendapati bahawa pembeli perlu *top up* (dengan izin) menambah daripada 25 ribu hingga 30 ribu setiap unit. Ini disebabkan kenaikan harga barangan binaan sejak projek ini dilancarkan. Dan kontraktor penyelamat telah bersetuju untuk menyiapkan projek ini dan di Jalan Belimbing dan mendapatkan *top up* ini setelah projek itu siap. Sekarang ini statusnya 85 peratus dan persetujuan telah dicapai bersama pembeli-pembeli. Adalah diharapkan sekiranya strategik ini berjaya ia akan memberi keyakinan kepada pembeli-pembeli di projek yang berdekatan di Jalan Dusun dan di Jalan Kopi untuk bersetuju kepada cara penyelesaian ini. Ingin saya di sini melaporkan tentang prestasi *task force* ini seperti mana yang terlibat di dalam Projek Desa Kencana ini bahawa syarikat-syarikat yang bekerjasama dengan *task force* ini sedang atau telah mengkaji 103 projek terbengkalai yang melibatkan 44 ribu dan 480 unit dari jumlah itu 25 projek atau 95 ribu unit sama ada telah diletakkan pada bawah pemaju kontraktor yang baru atau telah dimulakan semula telah dipulihkan. Setakat ini 390 unit 360 unit daripada 30 projek telah siap iaitu di Saujana Putra , UK Bestari dan di Puncak Jalil dan kita menyangka bahawa untuk tahun ini sebanyak 2,400 unit

di bawah *task force* ini akan disiapkan sebelum akhirnya tahun 2010. Jelas disini bahawa cara penyelesaian projek terbengkalai adalah berfungsi beberapa cara iaitu pemantauan rapi atau melalui *task force* atau melalui pengambilan alih atau rampasan tanah seperti di Bukit Botak dan juga di Alam Perdana. Berbalik kepada soalan asal Meru apa yang dilakukan oleh pembeli untuk menyelesaikan masalah mereka atau meringankan mereka. Mereka boleh membincang kontraktor penyelamat. Dan Kerajaan Negeri sebenarnya menerusi Lembaga Perumahan Tanah Selangor boleh mengeluarkan surat pengesahan bahawa projek itu terbengkalai. Kalau dikeluarkan surat tersebut maka pembeli boleh menstrukturkan semula pinjaman mereka bersama bank-bank. Jika pembeli telah di senarai hitamkan oleh bank-bank oleh kerana berhenti membayar insurans pinjaman satu cara adalah bagi pemaju penyelamat membeli balik rumah-rumah tersebut supaya pembeli terkeluar dari senarai hitam. Bagi yang tidak boleh mendapat pinjaman bank Kerajaan Negeri telah mengenal pasti bank-bank yang tertentu kita telah berbincang dengan mereka yang boleh menawarkan bagi mereka yang tidak mempunyai slip gaji seperti penjaja atau peniaga. Pinjaman di bawah skim ini telah dilanjutkan sehingga umur 65 tahun bagi umurnya yang telah lanjut pinjaman 2 generasi telah juga ditawarkan. Ini saya menekankan dan memberi tahu kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa projek Desa Kencana yang terbengkalai ini adalah bersama dengan projek-projek lain di Negeri Selangor yang terbengkalai memerlukan lebih RM5 bilion untuk menyelesaikan atau hendak *back out* 5 bilion (dengan izin). Buat masa ini pemulihan adalah secara *financing* (dengan izin). Iaitu dibiayai oleh swasta Kerajaan Negeri belum lagi membayar secara langsung pemulihan projek-projek terbengkalai tetapi anak syarikat negeri iaitu PKNS sekarang ini terlibat di dalam memulihkan projek terbengkalai selain daripada Mutiara atau yang dinamakan atau dikenali sebagai Bukit Botak. Terima kasih.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Ada 2 soalan tambahan. Yang pertama adakah Kerajaan Negeri mencadangkan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pemaju-pemaju projek terbengkalai ini agar menjadi iktibar atau pengajaran kepada pemaju-pemaju yang lain supaya masalah lain sama tidak berulang lagi di masa akan datang. Yang keduanya adakah Kerajaan Negeri Selangor berkemampuan untuk meminda bahagian dari terma-terma termaktub di dalam SMP .....(dengan izin) yang jelas selama ini lebih memihak kepada pemaju daripada memihak kepada pembeli.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih kepada Yang Berhormat menjawab soalan yang pertama kita sebenarnya Kerajaan Negeri .....*party agreement* (dengan izin) kita tiada *Local Agenda 21* ianya ditandatangani antara pembeli dan juga pemaju. Apa yang oleh kita buat yang kita laksanakan bahawa sekarang ini kita mewajibkan semua syarikat-syarikat pemaju yang hendak membuat permohonan untuk membuat kebenaran merancang supaya menyenaraikan nama pengarah-pengarah mereka. Sekarang ini kalau hendak buat permohonan kebenaran merancang dan kena senaraikan nama pengarah-pengarah mereka. Dengan itu kita boleh menghukum mana-mana pengarah-pengarah yang tidak menyelesaikan projek-projek mereka yang terbengkalai.

Dari segi SNP ataupun Perjanjian Jual Beli ataupun Yang Berhormat, kita tahu bahawa untuk menukarnya kita perlu pertukaran di peringkat pusat. Apa yang diperlukan sekarang ini mungkin kita boleh bawak kepada Ahli-Ahli Parlimen kita untuk menekan atau membawa di Parlimen supaya dapat ditukar SNP ini supaya lebih mesra kepada pembeli dan adil, lebih adil. Bukan lah kita cakap kita hendak berat sebelah kepada pembeli dan mengetepikan pemaju

tetapi ianya perlu lebih mesra dan lebih adil tapi setakat ini itulah caranya dengan kita membawa dan kita membawa isu ini ke Parlimen melalui Ahli-Ahli Parlimen kita ataupun Insya-Allah kita akan tukar apabila Pakatan Rakyat mengambil alih Putrajaya Insya-Allah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Terima kasih Tuan Speaker. Baru-baru ini ada aduan yang dikemukakan oleh rakyat terutama sekali di kawasan saya iaitu aduan berkenaan dengan pendaftaran berkenaan borang Lembaga Perumahan yang telah pun dijual antara RM 250.00 ke RM 500.00 RM 600.00. Jadi kita nak tahu apakah sebenarnya prosedur yang boleh digunakan untuk mendaftarkan mereka ini kerana kebanyakan mereka ini adalah dari penduduk-penduduk yang sepatutnya rumah mereka siap tetapi oleh sebabkan terbelengkalai mereka menyewa dan bila ada tawaran-tawaran sebegini mereka cepat terpengaruh. Jadi apakah penjelasan yang boleh diberikan. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dewan yang mulia. Saya sebenarnya telah membuat satu kenyataan akhbar bahawa harga borang ini hanya RM 2.00 dan ianya boleh diperolehi daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan juga Pejabat-pejabat Daerah. Dan saya telah membuat kenyataan bahawa kita tidak melantik pihak ketiga untuk menjualnya kepada sesiapa sebab saya tahu ada yang mendakwa bahawa mereka boleh proses mempercepatkan mendapat rumah kos rendah. Sebenarnya yang menentukan adalah Kerajaan Negeri iaitu peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menentukan siapa yang layak atau siapa yang diberikan rumah kos rendah. Ianya bukan dilakukan oleh mana-mana syarikat. Pemaju boleh membina rumah tetapi kita *control*, dengan izin. Kita kawal siapa yang boleh membeli rumah sebab kita tidak mahu ianya disalahgunakan di mana orang yang tidak layak dapat membeli rumah yang dikhususkan untuk mereka-mereka berpendapatan rendah. Saya telah menggesa, saya telah membuat *statement* dalam banyak akhbar di mana sesiapa yang didapati menjual RM 200.00 atau RM 300.00 saya difahamkan sehingga RM 300.00 sekeping dan menjanjikan gerenti dapat buat laporan kepada pihak Kerajaan Negeri, kepada saya ataupun kepada pihak Polis sebab ini adalah satu jenayah. Terima kasih.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Cempaka selaku EXCO yang bertanggungjawab projek terbelengkalai. Soalan saya pada sidang yang lepas telah dimaklumkan satu kertas kerja tentang projek Bukit Botak akan dibentangkan tapi sampai sekarang tak nampak lagi. Yang kedua bilakah projek Bukit Botak ini akan diselesaikan sebenarnya kerana dah terlalu lama dan soalan saya kalau sekiranya contoh kontraktor yang telah kononnya menipu atau terbelengkalai projek Bukit Botak dan Del Puri Corporation telah pun kita kenal pasti ahli lembaga Pengarah kerana kenapa sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil untuk membuktikan bahawa sebenarnya mereka telah menyelewengkan projek tersebut. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih Taman Templer. Sebenarnya Bukit Botak ini kalau kita baca surat khabar dah selesai dah, dah lama dah. Kita telah turun dan bertemu penduduk-penduduk dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri dan kita telah membentangkan menyelesaikan kepada mereka dan mereka telah diberikan pilihan-pilihan apa yang mereka perlu pilih dan ramai dan saya rasa mereka semua telah buat pilihan, *almost*, hampir semua telah buat pilihan-pilihan iaitu itulah penyelesaiannya di mana kita menawarkan rumah kepada mereka untuk membeli. Rumah itu kita gerenti harganya RM



170,000.00 tetapi kita juga dengan harga RM 99,000.00 di mana mereka mendapat lebih ataupun keuntungan lebih RM 70,000.00. Berkenaan dengan Del Puri Corporation Sdn. Bhd, pemaju yang sekarang ini berada di Del Puri Corporation Sdn. Bhd adalah berlainan daripada pemaju yang memajukan projek tersebut ketika ianya terbengkalai. Kita nak selesaikan masalah penduduk Bukit Botak ini ataupun Selayang Mutiara ini sebelum kita mengambil tindakan selanjutnya sebab keutamaan kita adalah menyelesaikan masalah mereka dan ianya sekarang ini di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan kita bersedia untuk membuka tender memanggil tender untuk projek ini bila-bila masa sahaja, telah siap segalanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ialah berapakah projek rumah terbengkalai di DUN Sungai Pelek dan Daerah Sepang yang telah dibantu oleh Kerajaan...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat yang itu mintak statistik dah cakap...

**YB TUAN YAP EE WAH :** Tak, tak ada belum habis saya tanya.

**TUAN SPEAKER :** Nanti, nanti dulu, soalan tu bila tanya dalam statistik tanya dalam soalan bertulis, tak adil untuk EXCO, bukan saya nak masuk campur, ini EXCO bukan komputer, tekan keluar semua data, kena lah adil soalan tu. Baik, soalan A saya tak benarkan. Keduanya.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Berapakah yang sudah dibantu sejak tahun 2008 sehingga sekarang.

**TUAN SPEAKER :** Mana adil, mana adil Yang Berhormat.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Dalam soalan saya yang di belakang ada, dia gabungkan semua soalan itu, Yang Berhormat jawab semua soalan itu dia gabungkan.

**TUAN SPEAKER :** Baik gabungkan, saya benarkan.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Tadi Yang Berhormat jawab...

**TUAN SPEAKER :** Ya la, saya benarkan. Ok, teruskan.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Soalan saya yang itu lah, berapa kah, berapa projek rumah terbengkalai di DUN Sungai Pelek dan Daerah Sepang yang telah dibantu oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 sehingga sekarang. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih kepada Sungai Pelek, kalau kita lihat bahawa jumlah projek terbengkalai di Sepang kalau ikut PBT, lapan projek yang masih terbengkalai ataupun melibatkan tiga ribu sembilan ratus empat puluh satu unit. Buat masa ini yang siap belum ada lagi yang di kawasan Sepang yang siap tetapi ada projek-projek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa ianya adalah terbengkalai saya faham projek itu projek mana. Ianya bukan diakibatkan terbengkalai tetapi adalah masalah pecah sempadan.

Itu sebab ianya tidak ada hak milik. Bukan masalah terbengkalai yang dibangkitkan di Taman Murni Sepang.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Contoh.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Yang dibangkitkan oleh Taman Murni Sepang yang dibangkitkan di dalam soalan Yang Berhormat adalah masalah tanah bukan masalah projek terbengkalai. Masalah tanah di mana tidak dilakukan pecah sempadan, itu sebab penduduk tidak dapat hak milik. Terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Memang Yang Berhormat, Taman Murni sudah lama diduduki bukan soal terbengkalai, geran individu yang saya tanya dalam soalan saya pasal Taman Murni itu, projek yang terbengkalai, rumah yang terbengkalai itu di tempat yang lain di Salak, di Bandar Baru Salak Tinggi, so yang Taman Murni itu kalau tak silap saya tak tanya geran saya tanya projek terbengkalai. Saya tanya geran individu di Taman Murni sudah rasa saya lebih daripada sepuluh tahun duduk di sana masih tak dapat geran kerana tanah punya pasal. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Itu soalan ke suatu kenyataan. Kalau soalan adalah bermakna di kawasan Sepang dan sebagainya kita ada dua cara, kita ada *task force* yang melihat dari projek ke projek yang sepertimana saya maklumkan tadi ada seratus lebih projek yang termasuk di dalam kawasan Sepang sekali, ada projek-projek yang kita lihat yang kita kaji dulu adakah kontraktor-kontraktor penyelamat yang boleh menyelamatkan projek-projek tersebut atau menerusi pemantauan untuk mempercepatkan projek tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Soalan tambahan ke ataupun nak ubah.

**TUAN SPEAKER** : Soalan.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Soalan. Tuan Speaker, soalan nombor empat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SISTEM TENDER TERBUKA UNTUK PEMBELIAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PBT**

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini telah memperkenalkan sistem pembelian secara tender terbuka. Kaedah ini telah membolehkan kontraktor tulen dari pelbagai kaum memperoleh peluang untuk ditawarkan kerja perkhidmatan dan bekalan oleh Kerajaan Negeri dan PBT.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah- langkah terkini Kerajaan Negeri mengimplementasikan sistem tender terbuka yang sedemikian?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dan PBT masih terikat dengan kaedah pendaftaran kontraktor yang memerlukan pendaftaran Kelas F dan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Kota Damansara untuk menanyakan tentang sistem tender terbuka Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pembelian Kerajaan Negeri. Pada masa ini sedang melalui proses mengamalkan sistem tender terhad dalam perolehan Kerajaan bagi menjamin pelaksanaan projek kerajaan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang benar-benar boleh menjalankannya. Tetapi dari kajian yang dibuat oleh EXCO Negeri pada Mac lalu kita bersetuju untuk meminda bentuk perolehan ini kepada bentuk perolehan tender terbuka dan pelaksanaan tender terbuka hendak dimulakan dalam masa yang terdekat. Ini adalah kerana untuk menentukan bahawa setiap pembelian dan perolehan oleh Kerajaan Negeri mendapat *value for money*. Kedua, untuk soalan adakah Kerajaan Negeri masih terikat dengan kaedah pendaftaran kontraktor yang memerlukan pendaftaran kelas F dan pendaftaran kontraktor bumiputera? Kerajaan Negeri pada masa ini sedang memperkenalkan sistem pendaftaran kontraktor yang ingin mengambil bahagian dalam projek-projek kerajaan di Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Walau bagaimanapun, pendaftaran ini tertakluk kepada peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan yang ditetapkan iaitu berdasarkan kuasa perihal kewangan di bawah Kementerian Kewangan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan jadual sembilan senarai satu perkara tujuh, iaitu Kerajaan Negeri perlu mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengikut tatacara kewangan seperti pendaftaran kontraktor kelas F dan bumiputera seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN B. KAMAL :** Tuan Speaker soalan nombor lima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELABURAN DI NEGERI SELANGOR**

5. Dalam kenyataan akhbar YB. Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Selangor pada 25 February 2010, beliau mengatakan bahawa data terkini *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA) bagi tahun 2009 mengikut negeri, mencatatkan Selangor sebagai negeri tertinggi di Semenanjung yang meluluskan projek perindustrian dengan nilai RM6.76 bilion di mana RM4.0 bilion adalah dari pelaburan asing.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Dari jumlah 182 projek baru yang diluluskan, berapa banyakkah pelaburan ini yang telah sebenarnya diusahakan di peringkat awal ketika Kerajaan Barisan Nasional memerintah sebelum pengambilalihan kerajaan oleh Pakatan Rakyat.
- b) Berapa banyakkah dari jumlah pelaburan baru ini yang telah diusahakan sendiri oleh kerajaan Pakatan Rakyat setelah mengambil alih pemerintahan negeri Selangor mulai April 2008.

- c) Nyatakan pecahan pelaburan asing mengikut sektor yang telah diluluskan dalam tempoh 2008-2009.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Tuan Speaker, Taman Templer tanya soalan tentang projek yang antara projek baru yang diluluskan berapa banyak pelaburan telah pun sebenarnya diusahakan oleh di peringkat awal ketika kerajaan Barisan Nasional memerintah dan juga beliau juga bertanya tentang berapa daripada pelaburan yang di dapat oleh di Negeri Selangor diusahakan sendiri oleh kerajaan Pakatan Rakyat pada April 2008. Tuan Speaker mengenai soalan yang ditanya itu seratus lapan puluh dua projek baru yang diterima pada tahun 2009 adalah hasil usaha promosi yang dilakukan oleh agensi penggalakan pelaburan seperti MIDA, SSIC Berhad dan agensi-agensi berkaitan. Bagi tempoh April 2008 sehingga Disember 2009 sebanyak dua ratus empat puluh empat projek baru telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah sepuluh perpuluhan satu empat tiga enam ratus bilion. Daripada jumlah ini dua perpuluhan lima puluh bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak tujuh perpuluhan sembilan bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak dua puluh tujuh ribu dua ratus lima puluh sembilan potensi peluang pekerjaan diwujudkan. Mengenai pecahan pelaburan asing mengikut sektor yang telah diluluskan dalam tempoh 2008 dan 2009, maksud saya adalah dari April 2008 hingga Disember 2009 adalah seperti berikut. Kerana senarai ini agak panjang saya hanya baca yang enam industri sahaja, *electrical products*. Terdapatnya lima puluh lima projek yang jumlah modal pelaburan adalah enam perpuluhan lapan puluh dua bilion. Kedua ialah *basic metal products*. Projek pelaburan adalah sebanyak dua puluh lima dan jumlah modal pelaburan adalah satu perpuluhan lima puluh lapan bilion. Ketiga adalah pembuatan makanan atau pun *food manufacturing*. Projek pelaburan adalah sebanyak lima puluh dan modal pelaburan sebanyak 1.54 bilion. Yang keempat ialah *machinery and equipment*. Projek pelaburan adalah lapan puluh dan jumlah modal pelaburan adalah satu perpuluhan tiga tujuh lapan bilion. Kelima adalah *transport equipment*. Jumlah projek adalah empat puluh tujuh dan modal pelaburan adalah 1.07 bilion. Yang keenam ialah *chemical and chemical products*. Terdapat tiga puluh enam projek pelaburan dan jumlah modal pelaburan adalah 1.5 bilion. Yang secara rumusan ialah daripada tempoh April 2008 hingga Disember 2009 kita mempunyai 522 projek pelaburan dan peluang pekerjaan yang wujud ekoran daripada 522 projek pelaburan ini adalah 40,012 peluang pekerjaan dan jumlah modal pelaburan yang masuk ke Selangor adalah RM16.9 bilion.

Tuan Speaker, sebenarnya adalah susah bagi kita untuk menentukan sama ada sesuatu pelaburan itu adalah usaha daripada pihak Barisan Nasional sebelum April 2008 ataupun di bawah Pakatan Rakyat kerana kebanyakan pelabur yang membuat keputusan untuk melabur pernah berhubung dengan pihak MIDA dan pihak hubungan MIDA dengan kerajaan Negeri Selangor dan SSIC Berhad adalah mesra sama ada dahulu, sekarang dan juga selamalamanya. Jadi memanglah susah bagi MIDA untuk juga menentukan sama ada sesuatu pelaburan itu adalah usaha daripada pihak Barisan Nasional ataupun kerajaan Pakatan Rakyat dan juga selalunya pelaburan yang masuk ke Malaysia dan Selangor adalah bergantung kepada iklim ekonomi dunia dan juga insentif dan juga dasar Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Jadi mereka tidak peduli sama ada Kerajaan Selangor ini dipegang oleh Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional. Walau bagaimanapun dengan tertubuhnya *Industri Park Management Committee* (IPMC) dan banyak kawasan perindustrian di Negeri Selangor sejak tahun 2008 dan dengan adanya unit pelaburan di setiap PBT untuk menjaga kepentingan para pelabur pada tahun ini dan dengan adanya dialog yang berkala di antara Menteri Besar, Exco dan juga dengan pelbagai Persatuan Peniaga dan juga pelabur tempatan dan pelabur asing, saya berpendapat bahawa memanglah Kerajaan Pakatan Rakyat adalah jauh lebih mesra dengan pihak pelabur dan juga peniaga berbanding dengan Barisan Nasional dan saya percaya ini adalah sebabnya kita merupakan negeri yang mendapat bilangan projek pelaburan

yang tertinggi dan juga peluang pekerjaan yang paling banyak di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** soalan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana telah menjawab soalan saya tentang niat usaha murni kerajaan Barisan Nasional. Soalan saya memandangkan jawapan tadi MIDA dan MATRADE memainkan peranan besar dalam pelaburan di Negeri Selangor, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan Barisan Nasional memang masih lagi ikhlas dan tidak pernah mengabaikan pelaburan di Kerajaan Negeri Selangor walaupun telah kehilangan kuasa di negeri ini. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** saya tidak fahamlah kerana bukan Yang Berhormat menganggap yang MIDA dan MATRADE merupakan Cawangan UMNO kan ..... atau ..... Barisan Nasional. Itulah adalah, mereka adalah agensi ...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, saya mohon maaf kerana saya rasa sebagai EXCO pelaburan itu kenyataan yang amat tidak perlu dalam dewan ini kerana MATRADE dan MIDA adalah suatu agensi kerajaan yang usahakan untuk pelaburan membangunkan perindustrian di negara Malaysia bukan ada kena mengena dengan UMNO ataupun mana-mana parti politik.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Yang Berhormat tanya kerana dengan adanya MIDA dan juga MATRADE jadi itu bermaksud bahawa Barisan Nasional tidak ikhlas, jawapan saya ialah yang kesemua adalah agensi kerajaan. Bila Barisan Nasional menjadi Kerajaan Pusat jadi mereka harus bekerjasama dan mengikut arahan pemimpin Barisan Nasional (Pusat) tapi sekiranya satu hari Pakatan Rakyat masuk ke Putrajaya menjadi Kerajaan Pusat di Malaysia, jadi mereka juga akan berkhidmat bekerjasama dan mengikut arahan pemimpin Pakatan Rakyat. Itukan saya ..... bila kita macam negeri Selangor .... kita ada SSIC, SSIC adalah syarikat yang menarik pelaburan dan juga menjaga kepentingan pelaburan. Jadi semasa di bawah kerajaan Pakatan Rakyat mereka haruslah berkhidmat dan mengikut arahan kerajaan pimpinan Barisan Nasional sebelum ini, tetapi selepas kami jadi kerajaan mereka sebagai agensi kerajaan mereka haruslah berkhidmat dengan kerajaan sekarang, ini adalah tanggungjawab pegawai kerajaan. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat, tidak harus menganggap semua agensi kerajaan ini semua adalah macam cawangan UMNO yang ikut arahan.....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Bukan Tuan Speaker,..... Tuan Speaker ...

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Tapi mereka adalah harus dianggap sebagai bebas dan mereka menjalankan tugas untuk negara dan bukan untuk mana-mana parti.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker..... Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER :** Bertenang.....bertenang ....kalau Pakatan Rakyat berangan-angan nak pergi Putrajaya, Barisan Nasional juga berangan-angan merampas kembali Selangor, jadi buat apa bising-bising..... janganlah bising.....

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker.....

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu.....nanti dulu..... saya minta tenang. Kalau nak cakap pakailah *mike*, kita sediakan *mike*. Buat bising buat apa, dia boleh berangan, berangan-angan nak pergi Putrajaya. Sini pun berangan-angan nak rampas kembali, jadi apa masalahnya.... kenapa buat bising, saya tak faham..... Silakan, ya... Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Dalam ucapan Tuanku semalam, Baginda menyebutkan bahawa Selangor memberi 21% daripada pendapatan persekutuan daripada negeri Selangor dalam industri. Saya nak tanya begitu banyak pelaburan yang telah ditanamkan di negeri Selangor, apakah sebahagian besarnya lebih dimanfaatkan oleh Persekutuan daripada negeri Selangor, apakah pihak persekutuan memberi pulangan balik kepada negeri Selangor daripada penanaman modal yang begitu banyak. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Sebenarnya kita lihat angka yang saya baca. Sejak April 2008 hingga Disember 2009, kita ada 522 projek pelaburan di Selangor, maksudnya adalah yang kita, negeri Selangor menarik paling banyak projek pelaburan dan juga mewujudkan paling banyak peluang pekerjaan bukan untuk warga Selangor sahaja tetapi ramai warga di seluruh Malaysia yang datang belajar dan juga bekerja di Selangor ini mendapat manfaat daripada ini. Tapi kesannya kita lihat, kami merasa amat kesal bila kita melawat kawasan perindustrian di sesetengah kawasan perindustrian memang yang infrastrukturnya tidak begitu elok sehingga banjir berlaku dan juga jalan berlubang-lubang, dan kesemuanya kita selalu, walaupun MIDA, melalui usaha MIDA mereka memang menyalurkan peruntukan untuk menambah baik infrastruktur di kawasan perindustrian ini, tapi saya rasa juga memang tidak cukup. Jadi selalunya dalam dialog dengan pihak pelabur, pengilang di negeri Selangor, kami juga rasa amat susah hati kerana pihak pengilang, pelabur yang di Selangor ini mereka bayar cukai kepada Kerajaan Pusat, cukai jualan, cukai pendapatan, semua cukai dibayar kepada mereka yang Kerajaan Negeri dapat hanya cukai tanah, cukai pintu sahaja yang mana memang tidak cukup bagi kita untuk menambah baik keadaan di kawasan perindustrian mereka. Jadi sebenarnya saya rasa, walaupun negeri Selangor menyumbang 25% kepada KDNK seluruh negara, tapi pulangan daripada Kerajaan Persekutuan ke negeri Selangor ini memang jauh lebih kurang daripada sumbangan cukai yang kita beri kepada Kerajaan Pusat. Saya, memandangkan Yang Berhormat Taman Templer tadi kata yang Barisan Nasional adillah, saya berharap beliau boleh menyampaikan, memanjangkan masalah yang dihadapi oleh pelabur di negeri Selangor ini balik kepada Kerajaan Pusat Barisan Nasional.

**TUAN SPEAKER :** Jeram

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YBDATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR (UNISEL)**

6. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
  - a) Bagaimanakah kedudukan UNISEL berbanding IPTA/IPTS lain di peringkat Malaysia dan serantau?

- b) Apakah kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh UNISEL yang boleh dikomersialkan dan bermanfaat kepada rakyat Selangor dan apakah graduan lulusan UNISEL mudah mendapatkan pekerjaan?
- c) Pengambilan pelajar baru UNISEL didapati merosot, Adakah faktor-faktor masalah itu dan bagaimanakah langkah untuk mengatasinya dan bagaimanakah status kemudahan perumahan pelajar di UNISEL yang didakwa tidak mencukupi?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI AL** : *Bismillahi rahmani rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

- a) Perbandingan ini akan dibuat dalam empat aspek penting iaitu, penawaran program, bilangan pelajar, bilangan kakitangan dan aktiviti penyelidikan serta kemudahannya.

- i) Penawaran Program.

Sekarang ini UNISEL sedang menawarkan 86 program daripada peringkat sijil (Asas Sains, Asas IT dan Asas Pentadbiran) hinggalah ke peringkat *Post Graduate* ataupun Master dan PhD. Jumlah program ini adalah melebihi satu pertiga daripada keseluruhan program yang ditawarkan di seluruh IPTS di Malaysia. Daripada data Kementerian Pengajian Tinggi, UNISEL adalah yang paling banyak menawarkan program di kalangan IPTS.

Walau bagaimanapun ada dua bidang penting yang masih belum ditawarkan oleh UNISEL iaitu bidang Perubatan dan Undang-undang.

Kesemua program yang ditawarkan di UNISEL mendapatkan pengiktirafan daripada MQA (*Malaysia Quality Assurance*) dan juga *professional body* seperti (*Board of Engineers*). Lima belas daripada program mendapat pengiktirafan sepanjang hayat maknanya boleh dijalankan tanpa penilaian, manakala program lain akan dibuat penilaian setiap tiga atau lima tahun.

- ii) Jumlah Bilangan Pelajar

Bilangan pelajar UNISEL adalah sekitar 11,500 orang UNISEL, di peringkat ketiga kedudukan ketiga selepas UTAR, dan Universiti Multimedia dan jika dibandingkan dengan IPTA, jumlah bilangan pelajar UNISEL jauh di belakang UiTM yang seramai 130,000 orang juga di belakang UM, USM, UPM, UKM dan UTM tetapi jika dibandingkan dengan universiti awam yang sebaik umurnya dengan UNISEL, seperti Universiti Malaysia Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka dan lain-lain lagi, UNISEL mempunyai hampir 50% lebih ramai pelajar. Walaupun universiti awam dan universiti GLC seperti Universiti Multimedia, Tenaga dan Petronas mendapat pelajar terus daripada UPU atau Unit Pusat Universiti.

Faktor yang menarik juga, bilangan pelajar *Postgraduate* iaitu *Master* dan PhD di UNISEL telah meningkat melebihi 600 orang. Pelajar di peringkat ijazah telah melebihi 50% daripada pelajar di peringkat Diploma.

- iii) Bilangan Pensyarah

Terdapat 413 orang pensyarah di UNISEL, daripada segi misbah, 11,500 ke 413 maknanya 1:29 mengikut kadar yang ditetapkan oleh (MQA). Walau bagaimanapun hanya 9% berkelulusan PhD dan UNISEL sedang berusaha menambah bilangan pensyarah PhD dengan mengambil pensyarah yang berkelulusan PhD dan juga menghantar pensyarah-pensyarah melanjutkan pelajaran. Di dalam perancangan, UNISEL akan mencapai Insya-Allah 30% pensyarah di peringkat PhD pada 2015 dan jika dibandingkan dengan IPTS-IPTS lain, UNISEL jauh lebih baik dari segi bilangan pensyarah. Insya-Allah, UNISEL akan menyaingi IPTS – GLC pada tahun-tahun mendatang.

iv) Aktiviti Penyelidikan dan Prasarana

Aktiviti penyelidikan di UNISEL bermula seawal penubuhannya. Geran yang telah diterima daripada pihak MOSTI setakat ini adalah RM3.347 juta. RM2.9 juta untuk Fakulti Bioteknologi dan RM447,000 untuk Fakulti Kejuruteraan. Baru-baru ini Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan geran sebanyak RM1 juta untuk penghasilan Spirulina dan RM500,000 untuk penyelidikan di Fakulti Bioteknologi. Aktiviti penyelidikan di Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Pendidikan dan Pengajian Bahasa juga berjalan dengan lancar. Fakulti Pendidikan dan Pengajian Bahasa telah berjaya menghasilkan jurnalnya sendiri. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka juga telah berjaya menghasilkan hasil-hasil seni yang telah dikomersialkan dan setiap tahun mengadakan pameran di Galeri Seni Shah Alam.

Tanda-tanda kejayaan di bidang penyelidikan sudah kelihatan setelah UNISEL menjuarai banyak pertandingan reka cipta seperti Kanu 2007, *Can-Satellite* 2008 (Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa), *Telescope* 2009 dan baru-baru ini *Formula Varsity* di Litar Dato Sago Pasir Salak, mengatasi IPTA dan IPTS. Prasarana penyelidikan dilengkapi dari masa ke semasa mengikut kemampuan dan keutamaan.

b) Kajian-kajian Yang Telah Dilaksanakan Di Unisel Dan Boleh Dikomersialkan.

i) Penghasilan Spirulina

Penyelidikan ini telah dijalankan di Ulu Rening dan untuk makluman Ahli- ahli Yang Berhormat Ulu Rening ini di Hulu Selangor dan telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan projek ini juga telah memberi pekerjaan kepada masyarakat setempat. Daripada kajian, hasilnya nanti boleh dipasarkan dan boleh memberi keuntungan. Jadi projek ini telah pun kita jalankan sebelum lagi isu UiTM di Serendah timbul, jadi ini bukan apa perkara yang baru.

ii) Peralatan Pengukuran Saintifik (*Scientific Measuring Instruments*)

Peralatan-peralatan ini boleh digunakan untuk mengukur kandungan bahan di dalam larutan, pengukuran tahap warna dan berbagai-bagai aplikasi lain. Walau bagaimanapun, peralatan ini sangat spesifik kegunaannya, dan hanya dibina setelah mendapat *guaranteed order*, setakat ini beberapa peralatan telah dijual kepada beberapa buah universiti dan pusat penyelidikan di dalam dan luar negara.



iii) Konkrit Ringan

Produk daripada projek ini telah terbukti kejayaannya seperti pembinaan 'kanu'. Produk ini juga boleh digunakan untuk pembinaan bangunan dan sebagainya. Sekarang ini UNISEL di dalam pembinaan *Automation System* dengan izin bagi penghasilan konkrit ringan. Bantuan kewangan adalah diperlukan untuk membina sistem tersebut.

iv) *Intelligent Time-Tabling*

Pra-penyelidikan ini telah menghasilkan pakej yang boleh membuat jadual waktu dengan mengambil kira subjek mata pelajaran, ruang kuliah, bilangan pelajar, pensyarah dan waktu-waktu yang sesuai secara optima. Pakej ini telah diguna pakai di UNISEL dan dijangka akan dikomersialkan dalam masa yang terdekat setelah mendapat *copyright*, Insya-Allah.

iii) Produk-produk lain

Produk-produk lain seperti CGE (*Compression Gas Engine*) yang dihasilkan bersama syarikat Tiong Num, *Engine Management System* dengan PRODUA, *Pesticides Residue Sensor* dengan SIRIM, *Human Stress Sensor System* dengan Uitm dan MIMOS. Terdapat juga latihan dan perundingan yang dijalankan oleh Fakulti Business, Kejuruteraan dan IT.

Sekarang ini UNISEL telah menubuhkan 6 kluster penyelidikan, di mana Profesor dan pensyarah senior menjadi peneraju kepada kluster tersebut. Pensyarah baru diajak dan dilatih untuk bersama-sama memohon geran penyelidikan dan menjalankan kajian.

#### Soalan ke Dua Apakah Pelajar Unisel Mudah Mendapat Pekerjaan?

Satu kajian terperinci telah pun dibuat pada tahun 2009 tentang dapatan pekerjaan bagi graduan-graduan UNISEL. Analisa dibuat mengikut program yang diikuti, gajian permulaan yang ditawarkan, jantina dan bangsa. Secara ringkasnya program yang paling tinggi graduannya mendapat pekerjaan adalah Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) *Software Engineering*. 80% graduan mendapat pekerjaan, tiada yang sambung belajar dan 20% masih belum mendapat pekerjaan. Purata graduan di program-program Fakulti Kejuruteraan yang mendapat pekerjaan adalah 60%. Manakala, 24% graduan Fakulti Bioteknologi mendapat pekerjaan adalah 60%. Manakala 24.7% graduan Fakulti Bioteknologi mendapat pekerjaan selepas tiga bulan, adalah yang paling rendah. Graduan Fakulti Pendidikan dan Pengajian Bahasa dapat pekerjaan adalah sekitar 50% manakala fakulti Perniagaan sekitar 40% mendapat pekerjaan selepas tiga bulan. Gred peperiksaan juga mempengaruhi peluang pekerjaan. Ada beberapa graduan yang mendapat Kelas Pertama yang sekarang ini menjadi pensyarah di UNISEL, Universiti Malaya dan UPM. Dan ada juga yang bekerja dengan *Multinational Company* di luar Negara.

Faktor-faktor luaran yang lain juga dirasakan mempengaruhi peluang pekerjaan seperti Ekonomi Negara dan bidang-bidang yang sudah tepu, atau *securated*.

UNISEL sentiasa berusaha memberi nilai tambah kepada pelajar-pelajarnya seperti mengendalikan pensijilan CISCO, bagi pelajar IT dan Kejuruteraan untuk sijil Reka bentuk, Pemasangan dan Penyelenggaraan *Networking* yang diterima di seluruh dunia.

Soalan ketiga, Pengambilan pelajar baru UNISEL didapati merosot. Terdapat pelbagai faktor mempengaruhi jumlah peratusan pengambilan pelajar UNISEL dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya adalah seperti berikut:-

#### 1. Syarat kelayakan masuk yang lebih tinggi

Pada peringkat awal penubuhan UNISEL, pihak Universiti telah menetapkan syarat kemasukan minima iaitu 3 kredit bagi program diploma.

UNISEL mula melalui fasa kedua pada tahun 2009 di mana pihak Universiti telah menetapkan sasaran untuk mendapatkan jumlah pelajar yang lebih berkualiti. Sehubungan itu, mulai tahun 2009 syarat kemasukan minima telah dipertingkatkan kepada 5 kredit bagi program diploma.

Perubahan syarat ini telah mengurangkan jumlah permohonan sebanyak 7.9%. walau bagaimanapun, jumlah penawaran telah meningkat sebanyak 3.3% berbanding tahun 2008. Manakala peratusan penerimaan masih kekal sebanyak 14% bagi tahun 2008 dan 2009.

#### 2. Proses pemilihan yang lebih ketat

Sejajar hasrat pihak Universiti untuk mendapatkan pelajar yang berkualiti proses pemilihan turut diperketatkan. Sesi temu duga telah diperkenalkan bagi program-program di bawah Fakulti Seni Lukis & Seni Reka. Sehubungan itu, hanya calon yang berjaya dalam proses temu duga tersebut akan ditawarkan tempat di UNISEL.

#### 3. Penetapan Kapasiti Pelajar bagi setiap program

Pihak fakulti telah menetapkan kapasiti bagi setiap program dalam usaha untuk memastikan fasiliti fakulti dapat menampung jumlah pelajar.

### **Langkah Mengatasi**

#### 1. Promosi dan Pemasaran yang lebih giat

UNISEL telah menggiatkan promosi dan pemasaran bagi meningkat jumlah permohonan pelajar.

### **Kemudahan Perumahan Pelajar Di Unisel**

Di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 pihak IPTS tidak diwajibkan untuk menyediakan tempat penginapan kepada semua pelajar. Oleh itu, UNISEL menetapkan hanya pelajar baru sahaja DIWAJIBKAN tinggal di kediaman yang ditetapkan oleh pihak universiti selama satu semester. Penempatan untuk semester atau tahun seterusnya adalah TERTAKLUK kepada kekosongan dengan mengambil kira kategori permohonan dan Sistem Merit.

Penginapan di dalam Kampus Bestari Jaya boleh memuatkan kapasiti sehingga 5,000 orang pelajar. Bagi menampung penambahan jumlah pelajar, UNISEL telah mengambil langkah dengan membeli rumah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Kota Puteri yang dijangka dapat menampung seramai 1,000 pelajar.

Manakala kediaman di Kampus Shah Alam diuruskan sepenuhnya oleh *Delta Management Services* dengan kapasiti sebanyak 640 orang pelajar. Pelajar baru adalah disarankan untuk menginap di kediaman yang disediakan namun tempahan adalah terhad dan tertakluk kepada kekosongan. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YBTUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK** : **TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**

7. Orang ramai ghairah membuat permohonan Tabung Warisan Anak Selangor dan harap dapat menikmati faedah yang ditawarkan dalam skim dengan segera.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga umur berapakah Anak Selangor dapat menikmati faedah yang terkandung dalam skim itu?
- b) Setakat ini sudah berapa orang telah berdaftar dalam skim ini ?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Sg. Pelek. Peserta Tabung Warisan Anak Selangor yang dapat faedah apabila mereka apabila berumur 18 tahun kelak. Di mana setiap peserta hanya mengeluarkan hasil yang diperolehi daripada pelaburan yang ada di dalam skim ini. Dengan kata lain bahawa skim pelaburan untuk Tabung anak-anak Selangor ini akan matang apabila peserta berumur 18 tahun.

Untuk soalan kedua, berapa orang telah berdaftar dalam skim ini?

Sehingga 9 April, 2010 status pendaftaran Tabung Warisan Anak Selangor atau TAWAS sepertimana yang berikut, iaitu jumlah pendaftaran adalah sebanyak 20,902 orang iaitu bagi status pendaftaran mengikut pecahan bangsa adalah seperti mana iaitu bangsa Melayu 11,106, bangsa Cina sebanyak 6,270 dan India 2978 yang lain-lain adalah sebanyak 339 orang. Ada juga di kalangan itu tidak dinyatakan jenis atau bangsa adalah seramai 212 orang. Itu sahaja jawapan daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek. Soalan tambahan.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Soalan tambahan saya ialah selepas 18 tahun baru mereka boleh terima faedah. Kerajaan negeri cuba wujudkan warisan anak Selangor dalam masa yang lebih singkat supaya lebih orang atau kanak-kanak kita boleh menikmati faedah ini. Sebagaimana contoh 3 tahun, 5 tahun sekolah Rendah, Sekolah Menengah ada tak rancangan ini. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Terima kasih Sungai Pelek. Untuk setiap tahun atau skim-skim lain sebenarnya skim-skim pelaburan Tabung Warisan Anak Selangor ini sehingga 18 tahun baru boleh keluar hasilnya, tetapi setiap tahun Selangor membuat satu program

kepada anak-anak yang telah didaftarkan. Contohnya kita ada pemeriksaan *pediatric* atau pun pakar-pakar kesihatan kita ada program-program memastikan anak-anak ini mendapat satu program pembinaan insan bersama keluarganya di mana kita memikirkan bagaimana program ini kalau diikuti dari sudut kewangan 18 tahun dapat tetapi sepanjang 18 tahun ini program yang kita aturkan supaya ianya terus kepada rakyat tersebut dan untuk skim tadika dan Sekolah Rendah dan sebagainya ianya dalam rangkaian Insya-Allah dan saya harap soalan itu saya akan jawab kemudian masa akan datang sehingga skim itu telah wujud. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, Soalan 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YBTUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK** : **PERANAN ADN DALAM PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN PEJABAT TANAH DAERAH**

8. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk menggalakkan penglibatan ADN dalam pentadbiran Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Daerah selain menghadiri mesyuarat jawatankuasa Tindak Daerah setiap dua bulan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat dari Kajang mengenai soalan Peranan Ahli Dewan Negeri dalam Pentadbiran Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Daerah. Saya rasa soalan itu memerlukan beberapa kefahaman dan tanggungjawab Ahli Dewan Undangan Negeri usaha untuk memberi perkhidmatan. Jadi saya mengambil sedikit masa untuk menerangkan dari segi pandangan saya kepada semua Ahli Dewan mengenai peranan Ahli Dewan Negeri dan saya juga perlu baca peranan Ahli Parlimen. Peranan Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen ialah sebagai *Legislator* atau Penggubal Undang-undang, memberikan akhirnya satu keadaan Pentadbiran Kerajaan yang memberikan sokongan kepada pembangunan rakyat. Oleh sebab itulah peranan Ahli Undangan Negeri pertama dalam bentuk konteks dipanggil *policy formulation* menggubal satu polisi. Itu sebab Penggubalan polisi sangat penting untuk dibahaskan dan dibincangkan dalam Dewan dan Parlimen iaitu Penggubalan Polisi. Antara contoh Penggubalan Polisi ialah mengenai tanah, iaitu siapakah yang mempunyai kuasa atas Pentadbiran tanah ataupun bagaimana Pentadbiran Tanah untuk Orang Asli dilakukan. Itu disebut Penggubalan Polisi. Jadi sudah tentu Ahli-ahli Dewan Negeri akan dapat mengatakan sekarang polisi-polisi yang telah digubal perlu mengikut Enakmen dan mengikut undang-undang tidak sesuai oleh kerana keadaan yang ditunjukkan. Itu tanggungjawab kita membuat beberapa perubahan Penggubalan tersebut. Dan ini kalau kita bincangkan bahagian Pejabat Daerah mungkin mereka tidak boleh berbuat demikian. Tetapi boleh dibincangkan dalam dewan yang mulia ini.

Kedua yang paling penting, *evaluate*, iaitu untuk menilai *the administrative Effectiveness*. Maknanya kita menilai kecekapan Pentadbiran tersebut. Apakah faktor yang menyebabkan keadaan itu tidak cekap bukan tidak menolong Ahli Undangan Negeri tetapi tidak cekap. Mengapa dia tidak cekap. Kalau tidak cekap, ertinya tidak adil maknanya dia tidak mengurangkan kebolehan untuk kita bekerja untuk rakyat atau pun tidak cekap.

Seorang Pentadbiran itu mentadbir hanya dua kes satu hari ataupun biasa ataupun boleh dibuat 30 kes satu hari. Itu menentukan kecekapan. Kecekapan itu dinilai dari tiga aspek kebolehan Pentadbir, kedua, Inisiatif Pentadbir, ketiga bagaimana dia menyelesaikan problem. Jadi, kalau itu setiap kali Ahli Dewan berbincang dia akan melihat kepada faktor *administrative effectiveness* fail yang berpuluh-puluh dekat hadapan muka kerani. Bagaimana pemikiran kita untuk menyelesaikan perkara tersebut. Dan bagaimana pula tidak menambah lagi fail, tetapi bagaimana kita hendak selesaikan. Jadi perkara yang ketiga, yang selalu ditulis, oleh mereka-mereka yang mengkaji tentang peranan *registrar* ialah iaitu *compliance corporate government*.

Maknanya dia dapat menentukan dia melalui *proper gun*. Saya nak celar tentang soalan daripada Templer mengenai *compliance corporate government* Templer menanyakan sama ada ramai pelabur-pelabur yang datang ke negeri Selangor itu mendapati peranan baharu... Satu yang jelas kalau saudara mungkin tanya pelabur-pelabur tak ada *under table money that is no, that is none* jadi maknanya tak ada agen untuk bawa pelaburan. *We go very direct*. Kalau dahulu mungkin ada. *The cost of doing business in Selangor* ini rendah tak ada macam dahulu. Dahulu kalau ada projek besar mesti ada agennya. Sekarang tak ada. *So you can be assured that is the difference between previous government and current government* dan itulah sebabnya *compliance with corporate government*. Jadi, asas yang sangat-sangat penting dari segi itu. Maknanya, kalau peranan Ahli Dewan Negeri ini di Pejabat Daerah mengambil kira tiga perkara ini sudah tentu dia akan memberi *value added* kepada perkara tersebut dan bukan peranan Ahli Dewan untuk menyiapkan fail mereka atau pun menyuruh menarik fail mereka. Tak boleh, tak boleh kalau tak betul kita tukar atau ganti tetapi tidak boleh begitu. Jadi saya nak ingatkan *policy formulation*: kalau tak betul kita betulkan *evaluation administrative effectiveness*. Ketiga *compliance with corporate government*. Jadi, kalau itu kita lakukan sudah tentu negeri Selangor ini menjadi lebih bijak, lebih baik, lebih mantap. Kita berada pasca 2008. Oleh sebab itulah, pada saya peranan Ahli Dewan dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah sangat penting tetapi peranannya berasaskan kepada *principal* yang kita lakukan ini. Dengan cara ini sudah tentu semua pentadbiran yang dipanggil *first in, first out* boleh berlaku begitu cekap sehinggakan semua pentadbiran memberi hak sama rata dan keadilan rakyat negeri Selangor. Ini yang paling penting untuk Pakatan Rakyat buat perubahan. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Speaker, memandangkan memang Kajang bersetuju sangat dengan penyelarasan yang diberi oleh YAB akan tetapi proses, proses di mana ADUN Dewan Negeri melibatkan diri dalam proses sebagai *Legislator* atau pun sebagai satu *Evaluator* untuk menilai dan memantau pasti kecekapan pada peringkat setempat di tercapai. Maka sekarang ini kita dapati Ahli Dewan Undangan Negeri tidak dapat mengakses atau pun mendapat apa-apa maklumat daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah maka kita rasa memang susah sangat dan untuk menjalankan tugas sebegini. Sekian, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya berterima kasih kepada soalan yang dibuat oleh YB Kajang. Ini adalah masalah pentadbiran yang selalu di... Marilah kita bersama-sama menerima hakikat dan menerangkan pada warga kerja negeri Selangor bahawa konsep ketelusan dan tanggungjawab hendak dilakukan jika mana-mana, jika mana-mana Ahli Dewan tidak dapat maklumat yang telus maknanya Ahli Dewan mempunyai hak untuk menerima maklumat tersebut. Oleh itu kita bukan menjadi soalan ini ialah soalan *prerequisite* sebelum

perkara ini untuk pentadbiran *prerequisite*. Jadi, pada saya Ahli Dewan, dia tak kira dari mana parti Ahli Dewan adalah Wakil Rakyat. Oleh sebab itu Wakil Rakyat berhak mendapat maklumat tetapi Wakil Rakyat mesti adil dan penggunaan maklumat jangan dijadikan *business*. Maklumat tak boleh untuk menolong sahaja. Jadi, itu penting kalau masalah ini berlaku pentadbiran negeri akan dipertanggungjawabkan untuk menentukan maklumat yang betul. Maklumat yang lengkap mesti diberikan kepada Wakil Rakyat terutama Ahli Dewan dan juga i Parlimen.

Oleh sebab itulah salah satu daripada perkara yang terpenting dalam pentadbiran ialah menentukan sikap warga kerja profesional. Juga saya ingin mencelah Tuan Speaker soalan daripada Templer yang menyatakan antara MIDA dalam Kerajaan yang berlainan bukan... Untuk menentukan negara Malaysia ini tumbuh begitu rapi dan begitu baik bukan dari segi politik tetapi dari segi *Profesionalisme* dalam pentadbiran. Jadi dalam pentadbiran, mentadbir dengan secara yang terbaik bukan mengira dari siapa yang ditadbir sebab akhirnya pentadbiran mereka adalah dibiayai melalui cukai rakyat, dan cukai rakyat tidak mengambil kira parti atau pun kumpulan yang memerintah. Oleh sebab itulah saya percaya sudah tentu MIDA mengambil kira tentang perkara ini sebab MIDA bukan berada di Malaysia sahaja tapi mempunyai cawangan-cawangannya di seluruh Dunia yang tidak mengambil kira apa bentuk tetapi kalau pelaburan itu sesuai untuk negara Malaysia dan juga negeri Selangor ia juga akan boleh lakukan. *No additional cost* tak ada kos tambahan jadi sebab itu marilah bersama-sama di Dewan Yang Mulia Ini untuk menentukan setiap warga kerja dalam pentadbiran negeri adalah bersikap *Profesional* dan menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Jika kita dapati cara yang lain kita mesti betulkan kesalahan tersebut. Terima kasih.

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Masa untuk pertanyaan sudah tamat.

#### **IV. USUL MENYEMBAH UCAPAN TERIMA KASIH SERTA MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH UCAPAN DYMM SULTAN SELANGOR.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul Menyembah Ucapan Terima kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER**: Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : YB Tuan Speaker, YAB Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. *Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam reformasi. Alhamdulillah pagi ini saya diberikan amanah untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

Saya ikuti dengan tekun Titah Ucapan Tuanku dan menghayati sepenuhnya Titah Nasihat Tuanku supaya Ahli-ahli Yang Berhormat bertugas dengan lebih tekun memberikan khidmat yang terbaik untuk memaju tumbuhan ekonomi negeri dan memperkasakan rakyat negeri Selangor. Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri akan meneruskan budaya untuk *connect*

dengan rakyat melalui siri-siri wacana dan *townhall meeting* bagi mendapatkan maklum balas dan melibatkan rakyat dalam proses membuat keputusan dan menggubal dasar demi memajukan Negeri dan menyejahterakan rakyat. Tuanku turut bertitah bahawa Dewan ini adalah Medan yang terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu rakyat yang melibatkan kepentingan rakyat termasuk menggubal dasar-dasar yang telah ditekankan oleh YAB Dato' Menteri Besar sebentar tadi. Titah Nasihat Tuanku juga menegaskan bahawa politik harus ada masa dan tempatnya. Oleh itu, UMNO dan Barisan Nasional jangan lagi mengganggu pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tepukan....dengan asakan dan fitnah termasuk menggunakan jentera Kerajaan kerana cemburu kejayaan dan kemajuan pesat yang telah dicapai oleh Pakatan Rakyat dalam tempoh dua tahun pentadbiran kami. Negeri Selangor di bawah kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang cukup meyakinkan dan berjaya menterjemahkan agenda reformasi dalam pentadbiran dan ekonomi negeri. Seperti yang dititahkan oleh Tuanku merujuk kepada perangkaan MIDA dalam tahun 2009 Selangor telah mencatatkan jumlah pelaburan industri sebanyak 6.76 bilion ringgit melalui 278 projek. Prestasi cemerlang ini telah menunjukkan lebih 20,700 peluang pekerjaan iaitu tertinggi dalam Negara

Rungutan masih kedengaran di kalangan rakyat mengenai sampah sarap di kawasan perumahan dan juga bandar yang tidak dipungut dan diurus dengan berkesan serta jalan-jalan yang berlopak dan tidak di selenggara. Peruntukan MARIS di negeri Selangor sebanyak 315 juta ringgit pada tahun 2009 tidak dapat menyelesaikan kerja-kerja penyelenggaraan secara menyeluruh. Apabila masalah ini diajukan kepada pihak PBT jawapan ringkas yang diterima ialah peruntukkan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan bagi maksud di atas. Saya membuat semakan sama ada dakwaan PBT ini mempunyai asas. Hasil carian mendapati memang benar sebahagian PBT mempunyai kedudukan yang tidak kukuh tetapi saya juga mendapati Puan Timbalan Speaker, terdapat beberapa PBT yang mempunyai simpanan sama ada dalam bentuk tunai atau aset tetap melebihi 150 juta ringgit. Misalnya Majlis Bandaraya Petaling Jaya mencatatkan hamper 200 juta ringgit, Majlis Perbandaran Kajang melebihi 150 juta ringgit dan Majlis Bandaraya Shah Alam melebihi 100 juta ringgit. Pada prinsipnya menurut kefahaman saya semua kutipan hasil yang dipungut oleh PBT mestilah dibelanjakan semula untuk menjamin kesejahteraan rakyat khususnya pembayar cukai di dalam pentadbiran PBT yang berkenaan. Amalan urus takbir yang berhemah ialah PBT dibolehkan untuk menyimpan sejumlah wang dengan jumlah dua bulan sahaja daripada jumlah purata perbelanjaan tahunan dalam akaun semasa. Majlis Perbandaran Kajang mencatatkan simpanan wang di tangan dan bank sahaja berjumlah 120 juta ringgit. Seharusnya sebahagian simpanan dalam bentuk simpanan tetap manakala selebihnya digunakan untuk menyelenggarakan kemudahan awam dan MBSA pula mempunyai simpanan wang di tangan dan bank berjumlah lebih 80 juta ringgit. Saya tidak nampak kewajaran MPKj dan MBSA menyimpan sejumlah wang yang besar dalam keadaan jalan-jalan di Shah Alam dan Kajang masih tidak di selenggara dengan baik dan menyeluruh. Beberapa PBT telah menggunakan wang cagaran di PBT masing-masing. Ini disebabkan oleh kutipan hasil yang lemah dan kebergantungan kepada cagaran yang mengakibatkan kedudukan kewangan PBT ini tidak kukuh.

Alasan setengah PBT bahawa kutipan hasil bersandarkan jumlah pegangan berkadar adalah merosot. Sebagai contoh pegangan berkadar MBSJ Majlis Bandaran Subang Jaya ialah kediaman 80% berbanding dengan komersil hanya 20% sama seperti peratusan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Faktor utama yang perlu diberikan perhatian ialah kepadatan guna tanah dalam sesebuah PBT. Justeru itu saya ingin menggesa kerajaan supaya memberikan komitmen yang jelas dan bersungguh-sungguh melalui PBT supaya segera memberikan tumpuan khas kepada masalah penyelenggaraan jalan-jalan di dalam negeri Selangor. PBT juga tidak sewajarnya mengambil sikap kebergantungan kepada peruntukkan

MARIS semata-mata. PBT perlu diberikan kelonggaran untuk mencairkan aset tetap mereka dan simpanan tetap masing-masing bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan.

Puan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Majlis yang dilantik harus mengambil tanggungjawab bersama untuk memperkenalkan langkah-langkah yang lebih pro aktif bagi mengutip hasil cukai khususnya yang masih tertunggak. Dengan ihsan YAB Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis telah diberikan berbagai peruntukkan dan kemudahan termasuk pejabat dan elaun bagi melicinkan tugas masing-masing. Sewajarnya Ahli-Ahli Majlis membantu PBT untuk menguatkuasakan usaha mengutip hasil melalui kaedah baru yang lebih efektif dan kreatif. Statistik menunjukkan bahawa tahap pencapaian kutipan hasil yang tertunggak sehingga 31 Disember 2009 masih belum memuaskan dengan peratusan keseluruhan adalah 50% sahaja. Sejumlah 100 juta ringgit hasil tunggakan gagal dikutip. Hanya Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Perbandaran Sepang mencatatkan kutipan hasil tertunggak melebihi 80% manakala lain-lain PBT masih rendah. Walau bagaimanapun 5 buah PBT telah mencatatkan rekod cemerlang. Dalam kutipan hasil semasa dengan melebihi sasaran 90%. Majlis Daerah Hulu Selangor merupakan PBT yang terbaik kerana berjaya mengutip hasil semasa sebanyak 98%.

Ini menggambarkan bahawa pembayar-pembayar cukai di Hulu Selangor dan rakyat Hulu Selangor adalah rakyat yang bertanggungjawab dan pengurusan Majlis Daerah Hulu Selangor adalah cekap dan efisien, nampaknya Hulu Selangor amat cerah untuk kekal di tangan Pakatan Rakyat.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Puan Timbalan Speaker minta laluan boleh.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Boleh silakan, Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Panggilan saya adalah Puan Timbalan Speaker bukan Speaker.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Minta maaf ya Timbalan ye, saya tengok macam Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kena pakai cermin mata lain kali.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Puan Timbalan Speaker, pada Bukit Antarabangsa Yang Berhormat, bukankah pencapaian kutipan hasil yang dibuat oleh Majlis Daerah Hulu Selangor kerana ada inisiatif dulu hadiah. Itu aje nak tanya, Puan Timbalan Speaker.

**YB MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Hadiah apa Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** YB Antarabangsa dulu pun marah tentang hadiah yang berkenaan, mungkin kerana hadiah pemberian apa .....cuba YB Bukit Antarabangsa agaknya tahu juga tu.

**YB MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sri Serdang ini bezanya UMNO dengan Pakatan Rakyat, duduk saya tengah jawab...duduk, duduk dulu, baru saya jawab. Beza UMNO dia menghina pegawai-pegawai kerajaan dengan batang penyapu, Pakatan Rakyat kita bersama dengan



Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengangkat ekonomi negeri. Kita mendidik mereka..nanti belum habis, Puan Timbalan Speaker, dia nak tunjuk dia ketua pembangkang yang baru...baru belajarlah..nanti sekejap..ini bezanya kita menghormati pegawai, kita menghormati Ketua Jabatan, kita memberi kefahaman mereka ini dasar kita memastikan hasil mesti dikutip, kerana kutipan hasil ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan hasil dasar Pakatan Rakyatlah yang menunjukkan Hulu Selangor antara yang terbaik dalam pungutan hasil semasa. Terma kasih Sri Serdang, saya nak teruskan.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Puan Timbalan Speaker, saya nak mencelah, boleh. Terima kasih YB Bukit Antarabangsa, Timbalan Puan Timbalan Speaker, dengan hujah-hujah yang berkenaan, terima kasih. Kita sama-sama buktikan di pilihanraya kecil di Hulu Selangor.

**YB MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Itu bukan mencelah tu..itu nakal..Yb Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri harus meneliti semula dasar kelulusan lesen-lesen perniagaan termasuk siber café supaya dasar yang jelas dan pro perniagaan dapat membanteras kejadian dan kegiatan haram yang tidak terkawal dan tidak mendatangkan hasil pada PBT. Tanggapan bahawa siber café adalah punca kepada pelbagai gejala sosial seperti judi haram, ponteng sekolah, kelesuan anak-anak muda, perlu dipandang serius namun penutupan siber café tidak akan menyelesaikan masalah tersebut. Kelulusan lesen perlu terikat kepada peraturan yang ketat dan jelas dan perlu dipertingkatkan penguatkuasaan untuk menjamin pusat-pusat ini menepati matlamat untuk memperkasa rakyat dalam ICT. Perkara yang kedua, Yb Puan Timbalan Speaker, masalah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan di taman-taman perumahan dan bandar masih di tahap yang boleh kita perbaiki. PBT di Negeri Selangor menanggung sejumlah 400 juta ringgit setahun untuk pembuangan sisa pepejal sebanyak 4,0000 tan sehari kepada Alam Flora dan World Wide Holding. Majlis Perbandaran Selayang menanggung tunggakan berjumlah 8.7 juta ringgit dengan Alam Flora manakala Majlis Daerah Kuala Langat terpaksa berdepan dengan tunggakan berjumlah 5.9 juta ringgit. MPAJ pula membelanjakan 43% daripada pendapatannya untuk kos operasi yang dikenakan oleh Alam Flora. Namun perkhidmatan Alam Flora tidak efisien dan tidak memuaskan. Saya percaya Alam Flora akan gulung tikar sekiranya semua PBT di Negeri Selangor tidak menguruskan kontrak kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan dengannya. Sehubungan dengan itu saya menggesa Kerajaan Negeri supaya mengarahkan semua PBT meneliti semula perjanjian masing-masing dengan Alam Flora. Saya mencadangkan supaya semua PBT tidak memperbaharui kontrak mereka dengan Alam Flora atas alasan perkhidmatan yang diberikan terlalu lemah dan tidak memuaskan sama sekali. Sekali lagi Majlis Daerah Hulu Selangor menunjukkan kemampuan yang luar biasa kerana mampu menguruskan sisa pepejal dengan baik tanpa perkhidmatan Alam Flora.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, minta celah Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:**YB Bukit Antarabangsa, hanya saya nak mencelah nak bertanya, adakah Yang Berhormat...kerana banyak yang dicakapkan tu ada fakta-fakta yang boleh disokong tapi saya juga nak bertanya kalau seperti diberitahu tadi kalau kecekapan Alam Flora itu boleh diragukan tapi adakah Yang Berhormat setuju kalau hutang tak bayar macam mana orang nak buat kerja.

**YB MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Taman Templer, UMNO ni kita kena bagi fakta sebab kalau dalam majlis ilmu ini, dia kena fakta. Yang tak bayar hutang kepada Alam Flora yang ada

tunggakan hanya MPS, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Sabak Bernam sahaja, yang lain bayar. Jadi faktanya kena betul, Taman Templer. Tak apa saya akan berikan cadangan sebentar lagi. Apakah kaedah yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor.

Kaedah '*landfill*' merupakan kaedah yang sudah tidak sesuai dengan kemajuan yang pesat dalam negeri. Saya ingin mendapat penjelasan secara khusus apakah status cadangan kaedah '*mechanical biological treatment*' ataupun MBT yang meliputi dua kaedah iaitu '*material recovery facilities*' MRF dan juga '*enrobic digiester*'. Kaedah serta teknologi terkini dalam pengurusan dan pelupusan sisa pepejal perlu diterokai menurut kos serta pulangan yang diterima. Walaupun '*landfill*' merupakan cara lama tetapi ia merupakan yang paling murah. Kaedah '*insinerator*' juga dan juga '*infaralisy*' menggunakan pembakaran pada suhu yang tinggi, mempunyai kesan alam sekitar seperti penghasilan gas *dioksin*, *bunker oil* dan sebagainya. MBT akan menggunakan kaedah pengasingan sisa pepejal kering dan juga penghasilan komposit untuk penggunaan industri pertanian. Kerajaan Negeri perlu bertindak segera untuk mengatasi masalah sisa pepejal dan kebersihan dalam negeri Selangor. Melalui penubuhan satu konsortium yang menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk lori dan '*compact refuse collective divide*' serta tenaga kerja yang mencukupi untuk memastikan perkhidmatan yang cekap dengan kos yang lebih murah. Sistem '*refuse dirifuel*' ataupun RDF yang selalu tergendala operasinya serta menghadapi masalah perlu diteliti semula. RDF gagal menggunakan 80% daripada sisa pepejal untuk penghasilan tenaga, sebaliknya hanya 20 hingga 30% sahaja sisa pepejal yang digunakan untuk maksud yang berkenaan.

Yang Berhormat Timbalan Puan Timbalan Speaker, saya menyambut baik usaha Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri menubuhkan tabung atau dana mikro kredit berjumlah 50 juta ringgit. Saya yakin dana ini akan dapat membantu golongan miskin sama ada Melayu, India, Cina di Negeri Selangor dan peniaga-peniaga kecil seluruh negeri Selangor. Untuk mengangkat martabat mereka sebagai rakyat yang bermaruah. Namun beberapa persoalan ingin saya lontarkan pada pagi ini, pertama, bilakah dana ini boleh di manfaatkan oleh rakyat Selangor dan apakah mekanisme untuk mendapatkan pinjaman ini. Berdasarkan kajian kejayaan program pinjaman mikro kredit oleh Bank Gramine, di Bangladesh, dan Amanah Ikhtiar Malaysia pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim pada satu ketika dahulu, kerajaan negeri perlu memberikan pertimbangan memberikan khas, di kalangan pemohon-pemohon wanita termasuk ibu-ibu tunggal. Ini maklum balas yang saya dapat beberapa hari yang lalu ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Tunggal Parlimen Gombak dengan ADUN Gombak Setia. Kami berebut nak rasmikan mesyuarat ini. Kajian mendapati bahawa peminjam-peminjam wanita lebih tinggi perangkaan pembayaran atau pemulangan balik jika dibandingkan peminjam lelaki. (Tepuk).. Kalau peminjam lelaki daripada UMNO lagi parah. Gelak ... Saya juga ingin mencadangkan supaya pelaksanaan projek perintis skim mikro kredit ini dilaksanakan bukan sahaja di kawasan luar bandar, tetapi juga di kawasan pinggir bandar seperti di Gombak. Cadangan ini bertujuan untuk kerajaan mendapat maklum balas, perbandingan, rekod bayaran balik di kalangan peminjam-peminjam luar bandar dibandingkan dengan peminjam-peminjam di pinggir bandar. Tambahan pula Gombak menduduki tempat pertama dalam kedudukan golongan miskin yang produktif dan miskin tegar, berdasarkan pendapatan ketua isi rumah dengan mencatatkan bilangan seramai 1272 orang. Kemiskinan di bandar lebih parah daripada kemiskinan di luar bandar. Kalau miskin di kampung, kita boleh bercucuk tanam. Kalau miskin di bandar, parah kesannya.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, kumpulan semester, telah mengambil langkah-langkah drastik untuk meningkatkan hasil dan menyumbang royalti kepada Kerajaan Negeri. Sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan

Negeri telah dibentuk bagi mempercepat kelulusan permohonan di kalangan pengusaha-pengusaha pasir berdasarkan prosedur yang telus dan ketat, dan seterusnya jawatankuasa ini memantau pelaksanaan kerja-kerja yang berkenaan mengikut ketetapan dan garis panduan Kerajaan Negeri. Sebelum Mac 2008 yang lalu, purata royalti tahunan yang diterima oleh Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional hanyalah 4 juta ringgit sahaja, namun pada tahun 2008, Kerajaan Negeri menerima royalti berjumlah 7.1 juta ringgit, dan pada tahun 2009 ianya mencatatkan 5.3 juta ringgit. Pada suku tahun pertama 2010 sahaja, jumlah royalti yang telah dikutip bernilai 3 juta ringgit. Dasar baru ini bukan sahaja menjanjikan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri tetapi juga kepada syarikat yang telah mencatatkan pendapatan hampir 10 juta ringgit. Dan, Alhamdulillah 10% daripada hasil keuntungan syarikat bukan royalti, mestilah disalurkan kepada ketua-ketua kampung dan Jawatankuasa kemajuan dan Keselamatan Kampong bermula di Hulu Selangor kerana mereka bekerja dengan gigih dan kuat bagi mengutip hasil.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meneliti semula prosedur yang menetapkan hanya keluasan minimum 50 ekar sahaja yang akan diuruskan oleh kumpulan semester atas alasan ekonomi. Sebagai contoh, apabila Jabatan Perairan dan Saliran menjalankan kerja-kerja mendalamkan sungai, pasir-pasir ini dikorek dan diletakkan di tebing-tebing sungai. Pejabat Daerah dan Tanah tidak diberikan kuasa untuk mengeluarkan permit bagi pengambilan pasir-pasir ini. Manakala kumpulan semester ini pula tidak berminat untuk masuk kerana terikat dengan garis panduan. Akibatnya pasir-pasir ini akan dicuri dan Kerajaan Negeri tidak mendapat sebarang hasil. Lebih malang lagi apa yang berlaku di Gombak apabila hujan lebat, pasir-pasir ini masuk semula ke dalam sungai, dan JPS pula dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan peruntukan yang besar bagi mendalamkan semula sungai ini. Saya ingin mencadangkan supaya kumpulan semester segera bertindak mengeluarkan permit atau menurunkan kuasa mengeluarkan permit kepada pejabat Daerah dan Tanah supaya kontraktor kecil daerah dilantik untuk memungut pasir-pasir yang dipungah oleh JPS dan akhirnya kerajaan mendapat pulangan daripada royalti yang berkenaan. Saya juga menggesa kumpulan semester supaya dapat bertindak segera apabila menerima aduan daripada orang awam atau pejabat Daerah dan Tanah mengenai aktiviti mencuri pasir. Saya difahamkan bahawa Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah membuat laporan bertulis berulang kali mengenai kejadian mencuri pasir di kawasan Mimaland, Kampung Lee Kim Sai dan juga di Batu 31, Jalan Batang Berjantai. Yang lebih parah lagi, tanah seluas 180 ekar di Batu 31, Jalan Batang Berjantai, telah pun dikeluarkan TOL oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak kepada kumpulan semester, tetapi belum lagi diusahakan malahan kejadian kecurian pasir sedang rancak berlaku. Saya juga ingin mencadangkan supaya kumpulan semester segera membina pangkalan data ataupun inventori berhubung jumlah pasir dan tanah liat ataupun 'clay' di dalam negeri Selangor dan lokasi masing-masing. Kerajaan Negeri perlu segera mempunyai inventori mengenai kuari-kuari di dalam negeri Selangor.

Saya ingin beralih kepada usaha mengutip hutang, daripada Syarikat Talam Corporation Berhad, melalui kaedah '*round-tripping*' yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam sesi yang lalu. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kelulusan ini diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat atas kefahaman kita bahawa matlamat kerajaan adalah untuk mendidik semua pihak, bahawa hutang mesti dibayar. Dan si pemberi hutang mesti sedar bahawa ada orang yang berhutang dengannya. Itu prinsip asas. Masalah Sungai Panjang ialah dia tak tau ada orang yang sedang berhutang dengan beliau. Maka Dewan ini meluluskan cadangan tersebut dan Dewan juga telah dimaklumkan bahawa hartanah dan aset yang telah dikenal pasti untuk dirampas oleh Kerajaan Negeri daripada Syarikat Talam bernilai 395 juta ringgit, sebagai sebahagian daripada hutang syarikat. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai '*due diligent*' yang telah dibuat oleh MBI ataupun Perbadanan Menteri Besar, berhubung dengan nilai

hartanah yang dirampas. Siapakah yang terlibat dengan proses ini. Kita mempertahankan prinsip '*value for money*' yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Maka dalam usaha membentuk jaringan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, apakah pertimbangan yang perlu diambil secara kolektif. Persoalan ini timbul apabila anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, termasuk PKNS, ditawarkan untuk membeli tanah-tanah ini. Namun penilaian yang dibuat oleh MBI, jauh lebih tinggi daripada nilai semasa. Sebagai contoh tanah di Taman Putera Perdana, Puchong seluas 134 ekar, ditawarkan dengan harga 25 ringgit satu kaki persegi, sedangkan nilai semasa hanyalah 12 ringgit satu kaki persegi. Saya bimbang berlakunya *over value* akibat pengaruh kuat Talam Corporation ke atas beberapa individu tertentu. Saya menyokong usaha kerajaan untuk bertindak tegas ke atas beberapa pemaju yang rakus dan tidak bertanggungjawab. Tetapi pada masa yang sama saya tidak akan membenarkan kerajaan terpedaya dengan nilai yang sangat tidak bertanggungjawab malahan saya menegaskan bahawa Syarikat Talam Corporation juga harus dipertanggungjawabkan untuk mencari pembeli bagi tanah-tanah yang diserahkan semula dan bukannya hanya berpeluk tubuh.

Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada masalah tempatan iaitu di Gombak berhubung masalah banjir. Apakah jaminan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam projek saliran bandar bagi mengatasi masalah banjir yang berlarutan sekian tahun dan semakin meruncing. Beberapa kampung tradisional seperti Kampung Laksamana, Kampung Nakhoda, Kampung Sungai Kertas, Kampung Melayu Batu Caves, Kampung Indian Settlement, Kampung Sungai Pusu, Kampung Kerdas, sering dilanda banjir kilat yang merosakkan rumah kediaman dan memusnahkan harta benda. Apabila '*rainfall*' melebihi 60 milimeter, pastinya banjir akan melanda ke kampung-kampung ini. Baru-baru ini Gombak dilanda banjir yang teruk ekoran hujan lebat melebihi 124 milimeter. Saya telah mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai daripada JPS, JKR, MPS, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan juga JKM untuk melihat punca sebenar kejadian banjir yang kerap berlaku di Gombak. Kajian awal mendapati bahawa kampung ini sudah dibuka melebihi 30 tahun yang lalu dan kedudukan paras airnya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pembangunan-pembangunan yang baru yang sedang rancak dibangunkan termasuk pembangunan Bukit Botak. Sungai Udang, yang mengalir daripada Bukit Botak dijadikan tempat '*discharge*' oleh pemaju Bukit Botak. Lawatan teknikal JPS ke kawasan mendapati bahawa Sungai Batu dan sistem perparitan di sekitar kampung-kampung ini sudah sebu dan perlu dipulihkan segera. Saya juga dimaklumkan kemungkinan punca banjir adalah pembangunan ekstrem yang tidak mempunyai kolam takungan ataupun '*retention pam*' atau kemungkinan juga kolam ini tidak di selenggara dengan baik. Pemaju membuat '*diselting discharge*' ke dalam sistem perparitan yang sedia ada. Manakala pembedungan ataupun '*culvert*' yang sedia ada juga '*under size* untuk menampung kapasiti air yang semakin meningkat dan banyak yang sudah tersumbat. JPS Daerah Gombak telah mengemukakan laporan kepada JPS Negeri untuk mendapat pertimbangan dari kerajaan sejumlah peruntukan untuk mengatasi masalah banjir Gombak. Cadangan yang dikemukakan ialah membina konkrit *drain* sepanjang Sungai Batu bermula di Empangan Batu. Projek ini dijangka menelan belanja lebih 30 juta ringgit. Saya difahamkan bahawa bahagian sungai di JPS Negeri masih belum melantik Juru Perunding bagi projek menaik taraf dan pembaikan tebing di sepanjang Sungai Batu.

Saya ingin mendapat penjelasan berhubung peranan kerajaan negeri untuk mendapatkan keputusan daripada Kerajaan Pusat supaya projek ini dapat disegerakan demi kesejahteraan rakyat di Gombak. Saya difahamkan projek ini akan dimasukkan dalam rancangan Malaysia ke 10 dan akan dimulakan pada tahun 2011. Sehubungan dengan ini saya menuntut jawapan yang jelas dan tepat daripada Kerajaan Negeri, bilakah projek ini akan bermula.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kasihanilah rakyat Gombak, sudahlah menduduki tempat pertama dalam kedudukan golongan miskin yang produktif dan miskin tegar, berdasar pendapatan ketua isi rumah, sekarang dilanda pula dengan masalah banjir. Usaha penyelesaian jangka pendek JPS mencadangkan untuk melakukan kerja-kerja membuang kelodak '*diselting clearing*' di sepanjang Sungai Batu yang menelan belanja sebanyak 1 juta ringgit. Saya pohon pertimbangan segera Kerajaan Negeri untuk menampung sebahagian daripada kos ini, dengan menyumbang hanya RM500 000.00 sahaja untuk menyejatkan membuang kelodak di Sungai Batu. Saya juga mendesak supaya Majlis Perbandaran Selayang dapat memantau supaya pemaju dapat mematuhi syarat ketat penyelenggaraan kolam-kolam takungan di dalam projek pembangunan supaya tidak memberi kesan terhadap kampung-kampung yang terletak di sekitar kawasan pembangunan. MPS memerlukan sokongan kewangan daripada Kerajaan Negeri untuk menyejatkan kerja-kerja menggantikan pementasan dan membersihkan perparitan yang sudah sebu. Berhubung bantuan yang disalurkan oleh (JKM) Jabatan Kebajikan Masyarakat saya mendesak kerajaan negeri untuk mengadakan perbincangan segera dengan kerajaan persekutuan supaya kategori banjir kilat dimasukkan dalam Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara yang menghalusi dasar dan mekanisma pengurusan dan bantuan bencana negara. Untuk makluman semua, mengikut arahan yang sedia ada iaitu Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara, mangsa banjir kilat tidak layak menerima bantuan bencana negara. Apa yang berlaku di Gombak, mangsa menerima bantuan atas ihsan dan keprihatinan ADUN Batu Caves dan Ahli Parlimen Gombak. Mangsa-mangsa banjir kilat, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turut terima musibah dan kerugian yang sama dengan mangsa banjir bermusim. Malahan dalam banyak insiden mangsa banjir kilat lebih teruk daripada mangsa banjir bermusim kerana tidak menduga akan berlaku banjir dan tidak sempat menyelamatkan harta benda masing-masing. Saya juga ingin mencadangkan supaya Lembaga Zakat Selangor, tidak merumitkan proses bantuan untuk mangsa-mangsa banjir, bahawa kelulusan akan hanya diberikan sekiranya permohonan itu dilampirkan dengan laporan Polis dan gambar-gambar kejadian. Saya cadangkan, cukuplah sekadar pengesahan daripada pihak JKM atau Ketua Kampung untuk membolehkan kelulusan diperolehi. Saya tidak nampak kewajaran laporan Polis perlu dibuat kerana ini bukanlah kes jenayah. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, kadar jenayah yang dilaporkan menurun hanyalah kes-kes jenayah jalanan tetapi peratusan jenayah berat masih membimbangkan. Nisbah Polis kepada penduduk yang rendah boleh menyumbang kadar peningkatan kadar jenayah kerana kekurangan mentor untuk memastikan keselamatan rakyat dilindungi. Sehubungan dengan itu, sistem kamera litar tertutup amat berkesan untuk membantu PDRM menjaga keselamatan rakyat dan ketenteraman awam. Pada tahun 2009 daripada 9687 kes ragut hanya 4234 atau 44% telah berjaya diselesaikan. Kadar jenayah ragut yang dilaporkan adalah 1632 kes bagi Januari dan Februari tahun ini, berikutan dengan itu, bersangkutan dengan itu kehadiran polis di kawasan yang panas langkah juga perlu di ambil dalam sistem bersepadu kamera litar tertutup atau CCTV. Saya difahamkan bahawa kerajaan negeri sudah ke peringkat akhir untuk menggunakan pemasangan CCTV di kawasan panas seperti di persimpangan jalan, hadapan bank atau kemudahan awam pelbagai lokasi . Saya ingin bertanya bilakah projek ini akan bermula? dan kenapa Kerajaan Negeri belum lagi menandatangani kontrak untuk pelaksanaan projek yang amat mendesak ini. Saya ingin beralih kepada tajuk yang hampir ke penghujung, Yang Berhormat PUAN TIMBALAN SPEAKER, iaitu tentang Belia Dan Sukan. Saya berharap agar kontinjen atlet negeri Selangor kejohanan SUKMA tahun ini yang berlangsung di negeri Melaka akan merangkul kembali kejuaraan keseluruhan kejohanan. Saya pasti sahabat saya ADUN Batu Caves selaku Timbalan Pengerusi Belia Sukan Negeri Selangor akan memastikan atlet negeri Selangor menyahut cabaran dari Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menobatkan negeri Selangor sebagai jaguh sukan dengan membawa balik pingat-pingat emas terutamanya. Penggerak belia tempatan merupakan satu usaha terpuji kerajaan negeri untuk menjana aktiviti dan

memperkasakan belia. Kewujudan 297 jawatankuasa PBT di setiap zon boleh menyumbang kepada modul insan yang sihat dan cergas. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besa, sudah tiba masanya untuk kerajaan negeri memberikan penjelasan secara terperinci siapakah watak-watak sebenar di sebalik Yayasan Basmi Kemiskinan? dan apakah aktiviti-aktiviti sulit mereka? Kerajaan Negeri perlu mendedahkan penyelewengan dan pengkhianatan amanah yang disandarkan kepada YBK untuk membantu golongan miskin di negeri Selangor. Saya menuntut supaya satu kertas putih dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk maklumat orang awam mengenai perkara sebenar, mungkin kertas bilangan 7/2010 yang diletakkan di atas meja pagi ini memenuhi hasrat yang saya maksudkan. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, siapakah Dato' Zainal Abidin bin Sakom? dan apakah peranan ataupun pengaruh isteri keduanya Datin Hartini Osman dalam YBK yang juga merupakan salah seorang pemegang amanah dalam YBK. Kita jangan terlalu terpengaruh dengan permainan media hari ini yang melancarkan fitnah jahat tajaan UMNO. Seolah-olah kerajaan negeri Pakatan Rakyat mengorbankan masa depan pendidikan anak-anak Melayu. Kita perlu membezakan perkara yang berada di hadapan kita bukan soal fasal pembinaan kampus, bukan soal pendidikan, tapi yang pentingkan soal penyelewengan, pengkhianatan dan rasuah oleh UMNO dan Barisan Nasional. Saya difahamkan.

**YB DATO' MOHAMAD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, saya kira telah membangkitkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan saya ingin mencabar untuk membuktikan apakah tuduhan-tuduhan berasas ini benar, ya. Dan saya akan menjawab dan saya mohon Puan Timbalan Speaker memberi kebenaran untuk saya nanti menjelaskan apakah sumbangan-sumbangan jasa besar YBK yang telah dibuat selama 20 tahun kepada rakyat negeri Selangor.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, berilah peluang kepada saya untuk memperincikan pengkhianatan kegiatan UMNO ini. Saya belum masuk para, itu yang pertama. Yang kedua, ini bukan tugas Sungai Burong untuk menjawab. Yang menjawab ialah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sungai Burong sebelah sana tidak sempat hendak jawab, ini bukan peranan Sungai Burong tapi yang saya hendak tegaskan di sini, saya hendak memperincikan seperti yang dicabar oleh Sungai Burong, bagaimana kita hendak membuktikan termasuk yang telah diedarkan dalam kertas bilangan 7 sebentar tadi, tentang penyelewengan dan pengkhianatan yang telah dilakukan. Saya difahamkan bahawa YBK dan beberapa syarikat yang ada talian dengannya telah dianugerahkan tanah seluas lebih kurang 2000 ekar di beberapa daerah dalam negeri Selangor. Pimpinan UMNO sering menjaja nama YBK untuk mengaburi mata rakyat seolah-olahnya mereka adalah pejuang orang miskin dan rakyat. Namun apa yang dipadamkan, apa yang dihilangkan ialah nama syarikat-syarikat yang berorientasikan perniagaan dan keuntungan yang besar dan mendapat faedah di sebalik nama YBK melalui pengaruh Dato' Zainal Abidin Saikon dan konco-konconya. Saya hendak beri contoh, pemegang saham Permodalan YBK Holding Sdn. Bhd. bukan YBK, saya hendak merujuk kepada PYBK sebuah busines mtt, siapa pemegang saham PYBK? Prihatin Holding Sdn. Bhd., Yayasan Basmi Kemiskinan dan Fajar Synergy Sdn. Bhd. dan Dato' Zainal Abidin Sakom mempunyai kepentingan majoriti dalam dua dari syarikat-syarikat ini bukan YBK pemegang saham majoriti. Di manakah ketulusan semua perolehan harta, kontrak disalurkan kepada PYBK diperolehi atas nama YBK dan PYBK ini pula dikuasai oleh Dato' Zainal Abidin Sakom. Tidak ada ketulusan, tidak ada sistem pertanggungjawaban kepada rakyat. Yang kedua, YBK dan syarikat yang berkaitan dengannya telah dianugerahkan tanah-tanah kerajaan pada tahun 1995 dengan premium yang rendah iaitu penurunan dari RM10 000.00 seekar kepada 0.035 sekaki persegi, bukan 30 sen, 3 sen persegi. Persoalannya adalah kenapa YBK langsung tidak peduli untuk membayar cukai tanah dan cukai tahun semasa ke atas tanah-tanah ini selama tiga belas (13) tahun dan tidak membangunkan tanah ini untuk program

membasmi kemiskinan di negeri Selangor. Seterusnya, YBK telah diberi tanah seluas, maaf. Seterusnya, sebanyak 16 lot tanah YBK telah digadai dan juga dan dikaveatkan. Enam pemegang kaveat yang kerap timbul berulang kali dalam semua transaksi adalah Billgran Sdn. Bhd., Kendali Bagus Sdn. Bhd. dan Pembangunan Media Puri Sdn. Bhd. saya hendak tahu, siapakah penama-penama dalam syarikat-syarikat tersebut? Malahan PYBK telah menggadaikan lima (5) lot tanah dan mendapat pulangan sebanyak RM102 Juta. Ke Mana wang ini disalurkan? Di dalam keadaan PYBK dikuasai oleh Dato' Zainal Abidin Sakom dengan isteri keduanya. YBK telah dianugerahkan tanah kerajaan untuk tujuan dibangunkan bagi membantu aktiviti dan agenda membasmi kemiskinan termasuk di Sungai Dua, Mukim Rawang, Gombak, ini kawasan saya. Yang diluluskan untuk penempatan rakyat termiskin daerah Gombak. Namun, kelulusan ini telah dibatalkan, dan telah dibangunkan secara komersial atas alasan. Apa ulasan di sini? Ini keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor ketika itu. Alasannya apa? Alasannya projek orang miskin dibatalkan kerana sukar dilaksanakan kerana kurang minat dan bilangan orang termiskin di Gombak yang cukup rendah. Ini dia UMNO, bila soal orang miskin semuanya susah, kalau soal kroni semuanya boleh. Kalau desakan isteri diluluskan. Ini UMNO dan Barisan Nasional, ini adalah satu pembohongan kerana statistik yang saya sebutkan tadi menunjukkan Gombak menduduki rangking pertama golongan miskin yang produktif dan miskin tegar berdasarkan pendapatan ketua isi rumah. Nombor wahid bagaimana Kerajaan Negeri pada ketika itu boleh mendakwa bahawa Gombak tidak ada orang susah, Gombak tidak ada orang miskin maka projek ini dibatalkan dan diberikan kelulusan untuk pembangunan komersil dan mengetepikan kepentingan orang-orang miskin dalam Negeri Selangor. YBK dan UMNO lebih cenderung untuk mengaut keuntungan atas nama kemiskinan rakyat. Saya tidak ada kesimpulan yang lain Puan Timbalan Speaker melainkan YBK telah mengkhianati amanah untuk membantu dan melindungi orang-orang miskin dalam Negeri Selangor.

Mengenai Kampus UiTM yang diwar-warkan oleh UMNO sebenarnya adalah sandiwara dan usaha untuk mengalih pandangan rakyat khususnya orang Melayu kepada isu sebenar yang mendepani kita pada pagi ini iaitu penyelewengan, rasuah dan pengkhianatan amanah bangsa. Saya yakin dengan komitmen YAB Dato Menteri Besar dan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor untuk terus berusaha memperkasakan anak-anak kita di Negeri Selangor dalam bidang pendidikan termasuk menaik taraf Universiti dan Kolej yang sedia ada dalam Negeri Selangor di samping bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pembinaan sebarang Kampus untuk seperti di atas. Akhirnya Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker tiga hari lagi kita akan bertempur di medan perang di Hulu Selangor. Ini adalah jihad melawan kebatilan dan kejahatan yang ditunjangi oleh pengkhianat bangsa dan Negara termasuk Parti UMNO yang menjadi boneka kepada OPKO dan ZIONIS Israel.

Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, kamu adalah Jeneral, kami semua Ahli-ahli Dewan Negeri sudah bersiap sedia untuk bertempur. Jet-jet pejuang kami, sudah bersedia untuk terbang, manakala jet pejuang musuh enjinnya masih di Uruguay. Kapal selam kami sudah bersedia untuk menyelam, kapal selam musuh belum boleh menyelam, dia dah tukar nama Kapal timbul, bukan kapal selam. Ayuh Sri Sedang insafilah dan baliklah ke pangkal jalan tinggalkan zaman jahiliah UMNO dan marilah sama Pakatan Rakyat membela nasib bangsa kita. Ayuh Dato' Menteri Besar kita turun ke lapangan Hulu Selangor untuk berkongsi dengan rakyat, hasil mahsul khazanah negeri, Kita turun untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Kita turun untuk menyerahkan kembali hak rakyat termasuk milikan tanah dan sumbangan untuk program mesra usia emas dan memberi manfaat kepada golongan miskin, wanita, anak muda, pekerja sektor ladang serta pertanian. Musuh kita turun dengan janji-janji manis yang kosong, nak buat sekolah, nak buat jambatan, nak buat istana, percayalah

kalah mereka janji tidak akan ditunaikan. Saya yakin bahawa rakyat Hulu Selangor termatang dalam menilai yang mana permata dan yang mana kaca. UMNO dan Barisan Nasional lebih cenderung dengan slogan dan retorik politik, lihat sahaja satu Malaysia, slogan indah tetapi tidak ada pengisian. Konvensyen Barisan Nasional Selangor yang turut dihadiri oleh Sri Serdang pada 7 April 2010 menyaksikan gelagat angkuh UMNO menghina pemimpin-pemimpin MCA Gerakan dan MIC. Mohoma membawa lagu lama supaya orang Cina dan orang India terhutang budi kepada UMNO kerana memberi kerakyatan kepada mereka. Wahai Sungai Pelek ini bukan perkara pelik apakah

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS** : Boleh minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI** : Dah masuk MCA ke?

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS** : Boleh minta penjelasan Tuan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS**: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pada Bukit Antarabangsa, apakah Bukit Antarabangsa tahu apa yang telah diungkapkan oleh Yang Berhormat Noh Omar dalam ucapan itu. Perkara ini telah pun dibangkitkan hingga ke Parlimen dan penjelasan telah diberi bahawa apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Noh Omar ialah tentang petikan Sejarah. Ungkapan daripada Yang Berhormat Tun Sambathan dan Tun Tan Sri Husin pada masa itu yang menerangkan bahawa kontrak sosial ini adalah atas kerjasama tiga-tiga kaum terbesar di Negara ini. Ini adalah fakta sejarah, ini yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Dato; Mohd Noh dan ini pun telah diterima penjelasan ini. Setelah diterangkan kepada wakil daripada MCA dan Gerakan yang pada masa itu masih mungkin tersalah anggap dari kenyataan tersebut. Dan perkara ini telah diselesaikan mengapa nak ditimbulkan lagi sekarang. Perkara yang telah diselesaikan dan telah diperjelaskan kepada rakyat pun dan Yang Berhormat Dato Seri Noh pun sudah memohon maaf di Surat khabar sekiranya kenyataan fakta tersebut itu didapati telah disalah tafsir. Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI** : Kalau Sungai Burong mengambil pendirian itu bahawa perkara ini telah selesai. Perkara ini telah pun diperjelaskan dan diterima, Sungai Burong juga kena mengambil sikap yang sama bukan *double standard* mengapa ungkapan-ungkapan bersikap perkauman tersebut sempit ini diulang-ulang setelah lima puluh tahun kita merdeka. Tak perlu ungkapan-ungkapan seperti ini setelah lima puluh tahun masih lagi terbenam dalam pemikiran UMNO dan Barisan Nasional. Tidak menghormati kaum-kaum yang lain, nanti-nanti saya nak jawab.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS** : Bagi penjelasan-penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI** : Bagi saya jelaskan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS** : Ok.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI** : Setelah lima puluh tahun UMNO masih lagi mengheret isu-isu yang berbau perkauman sempit, kalau benar Tun Sambathan, Tun Tan Sri Husin telah bersetuju dengan pemimpin UMNO ketika itu mengapa dibangkitkan sekarang. Yang keduanya saya nak jelaskan siapa yang bersetuju dengan penjelasan Noh Omar, di mana penerimaan MCA dalam perkara ini saya nak minta Sungai Pelek, saya nak minta bangun dan bersetuju



bahawa penjelasan Noh Omar itu boleh diterima dan ianya tidak menghina orang Cina. Sila bangun.

**YBTUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Yang Berhormat memang saya pun ada dekat konvensyen itu, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Burong sebentar tadi dia menyentuh tentang sejarah tetapi orang yang duduk di sana dan dengar itu tafsirannya masing-masing. MCA pun bukan dengar semua apa, bulat-bulat UMNO itu cakap itu betul. Jadi adanya pemimpin MCA yang keluar, kemudian itu baru tahulah Yang Berhormat Dato Sri Noh Omar, kenyataan atau contoh yang dia bagi dalam ucapan itu menyinggung perasaan MCA, dah keluar dah kemudian jika beliau silap, salah beliau pun memohon maaf sebagai seorang manusia bagi saya awak ingat di sini semua orang, rakyat selalu juga atau sering kali juga ada melakukan kesalahan. Jadi bila sudah mohon maaf..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Dewan bahawa penjelasan adalah dari Ahli Majlis Kerajaan Negeri, ini adalah sesi ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya minta semua Ahli diam. Sila duduk. Saya ingin mengingatkan saya tidak kira walau Bukit Antarabangsa minta tetapi mengikut peraturan tetap di dalam sesi ini penjelasan adalah dari Ahli Majlis Kerajaan Negeri, bukan daripada Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HJ. LIAS :** Bukit Antarabangsa yang minta saya penjelasan bukan saya sendiri nak bangun.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kenapa kena ikut cakap Bukit Antarabangsa. Sila Duduk.

**YBTUAN MOHAMED AZMIN B. ALI :** Terima kasih Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Kenapa nak tanya saya di sini, saya duduk di sini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila duduk, minta duduk. Sungai Pelek. Sungai Pelek dengar tak saya cakap. Sungai Pelek dengar tidak apa yang saya cakap, minta duduk. Kalau Tuan Speaker atau pun Puan Timbalan Speaker bercakap Ahli Dewan Negeri kena duduk. Terima kasih. Sila duduk, Saya tidak minta penjelasan, sekali lagi saya ingatkan Sungai Pelek saya minta Sungai Pelek duduk sekarang juga. Sri Serdang saya tidak minta penjelasan daripada awak. Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker.

**YBDATO' SUBAHAN B. KAMAL :** Tuan Speaker minta penjelasan Bukit Antarabangsa.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Minta penjelasan bukan beri penjelasan. Betul minta penjelasan.

**YBDATO' SUBAHAN B. KAMAL :** Terima kasih saya hanya rasa seronok bila nampaknya Yang Berhormat Bukit Antarabangsa ini masih rindu dengan UMNO ini pasal ini sepatutnya dalam penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Templer ini minta penjelasan bukan beri penjelasan.

**YB DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Ini minta laluan, saya rasa Puan Timbalan Speaker keliru, ini minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terus kepada minta penjelasan.

**YB DATO' SUBAHAN B. KAMAL** : Minta laluan saya nak maklumkan bahawa dalam Dewan ini ya kita berhak bercakap tetapi saya rasa kalau kita terlalu nak ambil tahu tentang konvensyen BN maka masih ada peluang lagilah Bukit Antarabangsa kalau rindu sangat bolehlah balik kepada Barisan Nasional tetapi masih memberi beberapa fakta telah pun dikeluarkan tadi kalau benarlah fakta-fakta yang disebutkan khususnya tentang YBK dan juga kenyataan Yang Berhormat Dato' Sri Noh dalam konvensyen BN baru ini saya mencabarlah Bukit Antarabangsa buatlah kenyataan itu di luar tambah lagi kenyataan menyatakan UMNO adalah agen Israel saya rasa eloklah buat di luar. Kerana itu adalah tuduhan-tuduhan kalau benar bolehlah diambil tindakan bukan pada Bukit Antarabangsa tetapi mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab tetapi kalau boleh kalau rindu sangat dengan BN ini kalau saya tengok dah dua puluh minit bercakap pasal konvensyen BN jadi mungkin manalah tahu kalau rindu sangat ada masalah boleh bincang boleh buat balik. Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih tawaran Taman Templer tapi itu adalah mimpi di siang hari. Untuk Bukit Antarabangsa jangan....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak faham peraturan. Nanti saya nak jawab Taman Templer dulu. Saya tidak akan goyah pendirian saya inilah wadah yang terbaik mempertahankan dan memperkasakan rakyat Malaysia. Taman Templer mungkin berjaya dengan Pelabuhan Klang tapi tidak berjaya dengan Bukit Antarabangsa.

Yang keduanya saya tak nak bangkitkan panjang-panjang soal APCO ini tapi nampaknya dicabar. Saya *standby*. Ini bukan dokumen yang dikutip di UMNO cawangan bahagian. Dokumen ini telah pun dikemukakan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini yang menunjukkan Jabatan Perdana Menteri pada 15 Julai 2009 telah menulis surat kepada APCO untuk perhatian Mr. Paul Stepland yang berpangkalan di *Mid Valley City* Lingkaran Syed Putra Kuala Lumpur melantik...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nak apa ni?

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Nak minta penjelasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nanti dulu. Tak habis lagi penjelasan ni. Baru nak jelaskan. Ini, *Letter of Acceptance* daripada Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya Kerajaan Malaysia menandatangani...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ni sorang lagi. Lailahailallah . Biarlah saya habiskan yang ini.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tidak, tidak. Nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Nanti, nanti lepas APCO. Kenapa takut sangat dengan APCO ni? Saya tak kata apa-apa pun.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Saya nak mintak laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sri Serdang, masa tak benarkan. Tunggulah nanti bila diberi kebenaran.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker, saya rasa kadang-kadang pelik, bukan macam Sungai Pelek tapi saya pelik di Dewan Rakyat pun....

**YB TUAN YAP EE WAH :** Saya pun pelik Bukit Antarabangsa. Awak mintak saya bagi penjelasan apabila....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Di Parlimen pun begitu, di Dewan Negeri pun begitu. Sebut saja fasal APCO semua melompat. Sebut UMNO, UMNO, APCO melompat semua. Apa masalahnya ni?

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Puan Timbalan Speaker, ini tuduhan ini Puan Timbalan Speaker. Kita nak mintak penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli Dewan Negeri...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Saya bawa dokumen yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat. Perjanjian Kerajaan Malaysia....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Puan Timbalan Speaker...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tengok, dia takut...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Bukan fasal APCO.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bagi Bukit Antarabangsa menjelaskan dulu.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Dah heboh satu dunia dah. Dah heboh dah. Kita jawab di Hulu Selangor. Ini perjanjian..... Tengok, melompat lagi. Dia takkan bagi kita jelaskan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta Ahli Dewan Negeri....

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Ini taktik mereka tidak benarkan saya dapatkan laluan untuk beri penjelasan. Ini taktik UMNO. Saya ada dokumen untuk memperjelaskan dalam dewan ini bukan tepi jalan. Saya nak jelaskan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan APCO Worldwide Sdn Bhd bertarikh 4 Ogos 2009. Ini buktinya. Apa nak lagi?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Puan Timbalan Speaker bukan saya nak menghalang...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sri Serdang, kalau nak bercakap kena minta izin dari Bukit Antarabangsa dan saya lihat Bukit Antarabangsa tidak membenarkan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan, Puan Timbalan Speaker saya mintak laluan untuk minta izin la ni.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ini gelanggang Bukit Antarabangsa jadi kalau ingin mencelah minta kebenaran dulu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : saya bangun ini untuk minta laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Mintak laluan dengan saya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Mintak laluan. Izinkanlah. Nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak bagi. Tak bagi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan Timbalan Speaker, saya mintak laluan dengan Bukit Antarabangsa.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta duduk.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Taman Templer dan Sri Serdang sila duduk.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang arah duduk ni Puan Timbalan Speaker je.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ok, Puan Timbalan Speaker arahkan mereka duduk. Ini tandatangan siapa. Tandatangan termasuk *Press Secretary to the Prime Minister of Malaysia*.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan Timbalan Speaker nak minta laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Bagilah habis ayat dulu. Dato' Tengku Sharifuddin Tengku....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan, Puan Timbalan Speaker saya nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : turut ditandatangani oleh..... ha, ini taktik UMNO.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dengar sini. Semua duduk. Bukit Antarabangsa juga duduk. Semua Ahli Dewan Negeri tahu peraturan di dalam dewan yang mulia ini. Jika kita semua terus bersikap begini saya rasa amat memalukan kerana sebagai wakil rakyat perlu menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat. Kalau peraturan telah kita persetujui, maka kita ikut peraturan yang kita telah persetujui. Jadi kalau sekarang adalah gelanggang Bukit Antarabangsa sekiranya ingin mencelah mohon keizinan Bukit Antarabangsa. Kerana Ahli Dewan Negeri ada peluang membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya harap Sri Serdang faham. Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih di atas nasihat Yang Berhormat T Puan Timbalan Speaker. Nasihat itu cukup baik untuk rakan-rakan di sebelah kanan saya. Oleh

sebab pepatah Melayu ada mengatakan takut kerana salah jadi saya teruskan perbahasan saya pada pagi ini setelah saya kemukakan dokumen yang telah saya bantangkan dalam Parlimen untuk membuktikan ada perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan APCO Worldwide Sdn Bhd. Puan Timbalan Speaker, perkara ini bukanlah perkara pertama yang berlaku....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan Timbalan Speaker nak minta laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak dapat masa dah habis.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Belum lagi. Ada lagi masa tu.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya ada lagi dua jam.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan Timbalan Speaker nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya tak bagi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sri Serdang ni masih tak faham.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker ini bukan kali pertama MCA dihina oleh UMNO. Bukan kali pertama.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan, Puan Timbalan Speaker ini satu sangkaan jahat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya nak bawak buktilah ni.

**TIMBLAN SPEAKER** : Saya minta Bukit Antarabangsa teruskan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih. Lihat kenyataan yang bersifat kenyataan sempit oleh Nasir Safar, Pegawai Khas Kepada Perdana Menteri amat mengejutkan. Kenyataan Nasir di Seminar 1 Malaysia pada 2 Februari 2010.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Puan Timbalan Speaker nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tidak dapat.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tidak dapat.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa tak benarkan. Ini hak Bukit Antarabangsa. Minta duduk.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak apa kita jawab di Hulu Selangor. Kenyataan Nasir di Seminar 1 Malaysia pada 2 Februari 2010 yang dilaporkan oleh media antara lainnya menyebut orang-orang Cina dan orang-orang India adalah kumpulan pendatang. Orang India datang sebagai peminta sedekah. Orang Cina datang sebagai pelacur.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker ini adalah satu sangkaan. Dan mungkin yang diceritakan pada waktu itu adalah fakta sejarah sahaja. Sejarah. Dan mungkin tak ada niat pun sebenarnya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sri Serdang ni berkali-kali saya ingatkan. Saya sudah ingatkan tadi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** sebab kita pun tak ada kat situ.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya beri amaran. Kalau ingin melanggar peraturan lagi saya tak teragak-agak untuk ambil tindakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Puan Timbalan Speaker saya minta laluan untuk rumus dah nak dekat pukul 1. Tapi saya bagi laluan pada Batu Caves sekejap.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Pertamanya saya nak tanya kepada Bukit Antarabangsa, saya rasa pihak di sebelah sana UMNO dan Barisan Nasional dia tak boleh terima kenyataan bila sebut APCO dan UMNO sedangkan di Parlimen.....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Bukan tidak terima kenyataan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Ini peraturan mana ni.....

**(BERTENGGAR)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bertenang, bertenang.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Yang Batu Caves ni tengking-tengking kenapa? Tak boleh cakap elok-elok ke?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli Dewan Negeri sila duduk. Batu Caves pun duduk. Bawak bertenang. Sri Serdang berkali-kali saya ingatkan Sri Serdang.

**(BERTENGGAR – mikrofon dimatikan oleh Puan Timbalan Speaker)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Duduk. Saya minta semua duduk dulu. Sri Serdang sila duduk. Tunggu dulu. Kalau inilah cara Ahli Dewan Undangan Negeri berbahas tidak mengikut arahan Puan Timbalan Speaker yang duduk di sini mempengerusikan.... Apa dia? Apa yang disebutkan?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Puan Timbalan Speaker juga tidak berlaku adil.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ini satu tuduhan. Tetapi saya tidak mahu Sri Serdang mengawal dewan ini dengan provokasi. Kita sebagai Ahli Dewan Negeri yang matang tidak boleh tunduk di bawah emosi ataupun dikawal oleh emosi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Saya beremosi tadi sebab sahabat saya tadi.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sri Serdang awak memang mencabar saya. Tetapi saya tidak akan tunduk dengan cabaran itu. Maknanya saya tahu itu memang sengaja dilakukan. Jadi kita teruskan. Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Batu Caves nak lagi?

**YB TUAN AMIRUDIN B. SHARI** : Apa yang dinyatakan oleh Sri Serdang sebentar tadi esok kita akan tengok hansard membuktikan bahawa pandangan pemimpin tertinggi UMNO di peringkat negeri mengesahkan bahawa kenyataan itu benar mengikut sejarah pada ketika itu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Kita bukan kata benar. Kami.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Mengapa Sri Serdang sudah lupa kepada peraturan Dewan? Kalau ingin bercakap mesti mohon kebenaran. Mengapa mesti ingatkan Sri Serdang berkali-kali? Ini perbuatan yang memalukan untuk semua yang menyaksikan perbahasan dalam dewan pada hari ini. Saya tidak mahu dengar lagi. Teruskan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Akhirnya Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, bagaimana perasaan Yang Berhormat Sungai Pelek.....

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker sudah sudahlah nak menghasut.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Bagaimana perasaan pemimpin-pemimpin MCA apabila pemimpin UMNO yang mencerca bahawa ibu mereka adalah pelacur. Ini satu penghinaan.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Timbalan Speaker saya nak mintak laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya ingin menyatakan di sini sebagai seorang Islam, orang Melayu saya akan....

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Puan Timbalan Speaker saya nak mohon laluan. Kalau *gentleman* mohon laluan. Mohonlah laluan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dah bagi tiga kali pun tak *gentleman* lagi ke? Nak berapa kali *gentleman*?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli Dewan Negeri diminta semua duduk. Jam dinding menunjukkan pukul satu tengah hari. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian masa kita menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**TUAN SPEAKER:** Di mana sambung semula Bukit Antarabangsa

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Yang Berhormat Tuan Speaker saya sudah hampir ke penghujung pembentangan usul ini dan sebelum saya mengundur diri untuk bersama-sama dengan teman di Dewan Rakyat Parlimen saya ingin merujuk kepada titah Tuanku yang juga menyebut persoalan keharmonian masyarakat majmuk di Selangor dan Tuanku juga bertitah bahawa cabaran yang sedang kita hadapi ini tidak pernah mengenal warna kulit dan juga keturunan sebab itulah lanjutan daripada titah Tuanku saya dalam pembentangan usul pagi ini melahirkan rasa simpati dan kasihan saya kepada MCA Gerakan dan MIC yang sering dibuli ditekan oleh UMNO dan Ahli Barisan Nasional.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Ha yang ini Tuan Speaker, minta laluan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** .....saya pun hairan Yang Berhormat Tuan Speaker mengapa Bukit Antarabangsa seronok benar bercerita soal UMNO, soal MCA dan soal MIC kalau saya nak juga cerita soal DAP dan juga PAS boleh tetapi seperti saranan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa jadi nak mendengar saranan daripada Titah ucapan DYMM jadi tak perlulah nak dibangkit-bangkitkan apa yang disarankan yang dititahkan dalam segi keharmonian tak usah nak dilaga-lagakan antara satu dengan yang lain. Dan jangan pula nak merasakan perasaan simpati rasa itulah tak boleh pasal berlainan kalau ya..ya.. sangat simpati balik yang macam dulu-dulu Bukit Antarabangsa berjuang betul-betul dalam UMNO. Ya Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Saya Tuan Speaker kalau dah melanggar peraturan saya akan tegur ya, ya tapi terima kasih lah kerana memberi peringatan kalau dia isi kandungan ucapan kepada Bukit Antarabangsa melanggar peraturan beritahu saya ya sebab memang ada peraturan juga mana-mana ada Yang Berhormat merasakan ucapan mana-mana tu melanggar peraturan boleh bangkitkan tapi nasihat tu biar lah saya bagi ya, Yang Berhormat itu perlu ambil alih tempat saya silakan.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker ini yang saya kata kan tadi merujuk kepada titah Tuanku yang menegaskan Keharmonian kaum itu perlu dijaga bagaimana mungkin kita menjana satu suasana yang positif di kalangan kaum kalau ada lagi pemimpin-pemimpin yang masih lagi bermain sentimen perkauman yang sempit, yang disebut oleh Sri Serdang pagi tadi Tuan Speaker saya terkejut apabila saya membawa balik ucapan Nasir, Pegawai Khas kepada Perdana Menteri yang berbaur perkauman Sri Serdang mengatakan itu memang sejarahnya maksud saya sekarang ialah MCA Gerakan dan MIC tidak tahu sejarah Negara kita maka yang saya nak rumuskan petang ini ialah bagaimana perasaan Yang Berhormat Sungai Pelek, apabila ada pemimpin UMNO yang mencerca bahawa ibu kamu itu adalah seorang pelacur ini satu penghinaan Tuan Speaker dan saya sebagai pemimpin Melayu Islam saya tidak akan membenarkan perkara ini berterusan dan saya akan pertahankan hak Yang Berhormat Sungai Pelek, YB Kuala Kubu Bharu dan orang-orang Cina, India, Iban dan Kadazan, dalam Negara ini sebagai satu bangsa Malaysia yang bermaruah. Itu yang nak saya rumuskan jadi Tuan Speaker.



**YB TUAN NG SUEE LIM :** .....minta laluan sikit Tuan Speaker, YB Bukit Antarabangsa saya ingin mencelah nak minta sikit pandangan daripada YB Bukit Antarabangsa berkenaan dengan MCA yang telah dibuli oleh UMNO sehingga dihina dianggap sebegitu rupa.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker saya minta laluan

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ini....ini ..... ini yang benar Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan berhenti, Ya Sri Serdang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Perkataan yang dikata dibuli itu satu sangkaan yang tak baik tu, perkataan yang disebut dibuli tadi, saya boleh katakan yang Bukit Antarabangsa PKR buli juga DAP dan nanti saya juga boleh buktikan kalau nak tetapi saya tak nak mengeruhkan keadaan kata orang asal konsep yang nak dibawakan.

**TUAN SPEAKER :** YB, YB bangkit satu soalan, berkenaan dibuli itu boleh digunakan atau tidak saya rasa YB membangkitkan satu isu yang relevan tapi itu merujuk kepada peraturan tetap itu caranya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :**.....terima kasih Tuan Speaker .tapi itulah saya nak minta supaya perkataan buli itu sebenarnya satu perkataan yang berniat jahat.

**TUAN SPEAKER :** Ya, ya jadi saya rasa itu satu isu yang relevan sama ada perkataan buli yang digunakan oleh YB Sekinchan itu, *parliamentary* ke tidak tetapi kita kena bangkitkan ikut cara YB Sri Serdang pun dua penggal jadi Timbalan Speaker sepatutnya tahu cara untuk membangkitkan isu kalau kita bergantung kepada peraturan tetap, beritahu peraturan tetap mana yang bahasa yang digunakan tidak sesuai kena ikut cara itu, saya mintalah kalau lain kalau bangkitkan isu peraturan rujuk kepada peraturan jadi walau bagaimanapun saya rasa bantahan yang dibuat oleh Sri Serdang itu, saya rasa betullah perkataan buli itu dalam konteks ini tidak *parliamentary* saya mintak tukar tarik balik perkataan buli itu. Kalau tidak nanti tersinggung UMNO pun tersinggung MCA pun tersinggung itu bukan cara itu untuk berbahas, ya saya minta tukar tarik balik perkataan buli tersebut.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih atas nasihat Tuan Speaker,oleh kerana ada bantahan dari Sri Serdang sedang merangkap Ketua Pembangkang kita.

**TUAN SPEAKER :** Ya berdasarkan kepada ...

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Saya menarik balik

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu, Sekinchan pun jangan cepat sangat Speaker bagi peluang semua cakap ni rebut pula dia macam mana ni, ya sebab itu saya kata ya bantahan itu berdasarkan peraturan 36 berapa tu, berapa tu 36 ha bahasa mana itu, 36 la dirujuk tak bawa ni peraturan tetap, itu masalahnya lain kali bawa ini, inilah peraturannya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tidak apalah Tuan Speaker, tak bawa pun tak apa jangan buang buku peraturan dalam tong sampah

**TUAN SPEAKER :** Tidak, tidak kena pegang ya betul-betul ini, bawa ke tak bawa dia takut dia akan baling, baik ya Sekinchan silakan.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ok ya saya tukar ayat itu lah nasihat Tuan Speaker itu yang budiman saya tukar ayat takut mereka tersinggung kerana MCA merupakan parti yang kedua terbesar dalam kompenian Barisan Nasional selepas UMNO maka kedudukan MCA selepas UMNO begitu besar tetapi diaibkan dihina sebegitu rupa dan dipinggirkan oleh UMNO jadi saya nak Tanya kepada YB Bukit Antarabangsa apakah tindakan yang seharusnya diambil oleh MCA sebagai sebuah parti yang bermaruah dan berprinsip? Ya ini yang saya nak tahu terima kasih.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN ALI :** Terima kasih YB Sekinchan saya setuju MCA merupakan parti komponen yang kedua terbesar di Barisan Nasional dan sebagai sebuah parti yang ada maruah yang ada prinsip saya mencadangkan supaya ini lah masa yang terbaik MCA keluar dari Barisan Nasional dalam masa yang terdekat ini. Akhirnya Tuan Speaker saya nak merumuskan pembentangan usul ini dengan memohon doa dan pertolongan Allah Subhanallahuwataala agar kita semua diselamatkan oleh tuhan kita memohon kepada Allah dipelihara para pemimpin kita khususnya YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan semua EXCO Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Negeri di mana juga mereka berada, lindungilah negeri kita daripada kekacauan UMNO dan huru-hara APCO malapetaka dan bala bencana elakkan kami dari gejala buruk sangka pertelingkahan fitnah memfitnah sesama kami semoga kehidupan kami senantiasa aman dan damai menjalin mahabbah dan kasih sayang serta mendapat barakah berpanjangan semoga Allah akan memberikan kekuatan kepada YAB Dato' Menteri Besar dan pimpinan untuk meneruskan agenda ini bagi mengangkat martabat umat dan bangsa Malaysia khususnya di Negeri Selangor dengan itu, Tuan Speaker saya membentangkan usul ini untuk diperbahaskan terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kg. Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker Kg Tunku ingin berdiri menyokong ucapan daripada Bukit Antarabangsa tadi Tuan Speaker sebelum saya berhujah ini.

**TUAN SPEAKER :** Menyokong ucapan atau menyokong usul

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Menyokong usul, maaf Tuan Speaker, Tuan Speaker sebelum saya berhujah saya ingin memaklumkan kepada semua bahawa Ahli YB Damansara Utama ini dalam keadaan yang sangat baik di mana beliau sudah menyedarkan diri dan dijangka akan dipindahkan ke wad *general*, wad biasa pada hujung minggu ini. Tuan Speaker sudah genap dua tahun kita bersidang di dewan yang mulia ini banyak pencapaian yang telah di kecapai oleh Dewan Negeri berbanding di masa dahulu begitu juga dengan pihak eksekutif di bawah tema besar Merakyatkan Ekonomi Selangor walau pun persidangan dewan kali ini bertembung dengan kempen pilihan raya kecil Parlimen Hulu Selangor tetapi ianya langsung tidak menjejaskan perjalanan sidang dewan pada hari ini, bermula daripada hari pertama semalam kita akan membahaskan semua usul dan isu yang berkaitan dengan kehidupan harian rakyat Selangor, Tuan Speaker semalam Tuanku Sultan Selangor bertitah bahawa semua Ahli Dewan Negeri harus menggunakan peluang yang ada di dalam dewan yang mulia ini untuk membincangkan dasar-dasar yang baik, baginda juga bertitah bahawa ahli-ahli politik harus menghabiskan masa yang banyak untuk berpolitik sahaja titah Tuanku ada sebabnya ini juga sebabnya Dewan Negeri dan Eksekutif yang diterajui oleh Pakatan Rakyat tidak menangguhkan sidang dewan pada kali ini walau pun kami perlu menghadap pilihan raya kecil Hulu Selangor bagi mereka Ahli-ahli Dewan Negeri yang selalu ponteng, menghilangkan diri pada sebelah petang atau sengaja membisukan diri di dalam sebarang perbahasan maka saya menasihatkan supaya mengingat mengingatkan titah ucapan daripada Tuanku semalam khususnya bagi Ahli YB dari Kuala Kubu Bharu, Ulu Bernam dan Batangkali yang pada masa sekarang telah

menghilangkan diri mungkin mereka sedang sibuk dengan kempen di pilihan raya Parlimen Hulu Selangor.

Tuan Speaker. Dua tahun kita menjadi kerajaan dan pada tahun yang pertama kita melancarkan konsep pentadbiran Merakyatkan Ekonomi Selangor, kita mengadakan tabung warisan anak Selangor, hadiah masuk universiti, skim usia-usia emas, pusat khidmat krisis sehenti, bekalan air percuma, tabung pendidikan anak pekerja ladang, peningkatan hasil bahan mineral dan galian dan kini program MES telah memasuki fasa kedua kita memberi cuti bersalin 90 hari kepada kakitangan awam wanita dan 14 hari kepada suami mereka serta cuti sebulan kepada kakitangan awam wanita jika suami mereka meninggal dunia. Program ini diikuti oleh dengan pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang dilancarkan pada bulan Mac tahun yang lalu meliputi lima bidang. Pertama pemulihan dan pembersihan Sungai Klang, kedua perluasan sistem pengangkutan, menaiktaraf dan mengkaji aset air. Keempat pembaharuan aktiviti Bandar dan lima pembangunan semula projek-projek perumahan terbengkalai. Ini segala usaha yang telah kita curahkan dan telah dapat kita lihat hasilnya. Dia masih terdapat kelemahan pada permulaan program ini rata-ratanya rakyat Selangor menyambut baik usaha, usaha baik daripada Pakatan Rakyat untuk memantapkan kehidupan rakyat. Pengurusan ekonomi serta usaha meningkatkan taraf sosioekonomi di Negeri Pakatan Rakyat seperti Selangor telah membuktikan bahawa kita mampu mentadbir. Mengikut perangkaan MIDA 2009 kita menerima pelaburan sebanyak 6.76 bilion ringgit selepas Sarawak yang mencatat 8.45 bilion ringgit. Bagi Sarawak pun 7 bilion daripada 8.45 bilion ringgit ini adalah untuk projek peleburan aluminium di Bintulu. Selangor mencatat pertambahan 21 ribu pekerjaan baru dan kita mencatat kelulusan projek industri yang banyak iaitu sebanyak 278 yang juga merupakan antara yang tertinggi di Negara kita. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat setelah melancarkan program pembersihan Sungai Klang yang akan mencatatkan pelaburan dalam fasa pertama melebihi 200 bilion ringgit. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan empat syarikat ditawarkan telah pun ditawarkan melalui tender terbuka untuk masuk tersebut. Untuk tujuan itu rakyat telah meletakkan harapan kepada Pakatan Rakyat apabila kita telah mula mencatat kepercayaan dalam mentadbir Kerajaan Negeri sekarang rakyat pula mahu melihat rakyat, Pakatan Rakyat mengambil Putrajaya. Pentadbiran Kerajaan Negeri mendapat sijil tambah teguh pula daripada Ketua Audit Negara. Di Dewan Negeri kita ada SELCAT, kita ada PAC. Kita menubuhkan lagi JPK ABAS dan PBT dan JPK Barat dan semua Jawatankuasa-jawatankuasa dewan ini menjalankan tugas-tugas pemantauannya dengan baik.

Tuan Speaker. Program-program ini dilancarkan dan perlulah dilihat sebagai usaha berterusan daripada Kerajaan Selangor supaya menyediakan rakyat Negeri Selangor untuk menangkis kegawatan ekonomi sedunia yang masih belum pulih seperti yang diterangkan oleh titah ucapan Tuanku semalam.

Tuan Speaker. Berdasar daripada Barisan Nasional, Dasar Pakatan Rakyat tidak memilih bulu dalam melaksanakan dasar-dasar ini. Faktor kaum dan agama tidak pernah sekali pun menjadi pertimbangan semasa program ini dilaksanakan. Justeru itu Barisan Nasional telah jauh ketinggalan. Mereka cuba mengejar dari belakang. Mereka telah melancarkan program yang serupa tetapi kesannya tidak seberapa besar sangat. Mereka telah melancarkan gagasan satu Malaysia untuk menandingi dasar-dasar keterbukaan Pakatan Rakyat. Maknanya sindrom cakap tak serupa bikin masih menjangkiti pemimpin-pemimpin Pakatan Barisan Nasional. Mereka melaungkan gagasan satu Malaysia, tapi mereka tidak mempunyai DNA 1 Malaysia. Ucapan mereka percakapan mereka, hati dan minda mereka masih sarat dengan faktor perkauman semasa menjawab soalan di Dewan Rakyat baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri sendiri mengaku bahawa beliau Melayu dahulu Malaysia kemudian. Bukan Malaysia

didahulukan tetapi Melayu didahulukan. Ini sudah tentu mencerminkan satu realiti bahawa kebanyakan pemimpin-pemimpin BN masih belum berubah. BN iri hati dengan pencapaian Pakatan Rakyat. Justeru itu mereka terus menggerakkan segala jentera kerajaan pusat dan media aliran utama untuk menghalang dan mensabotaj pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Bermula dengan penubuhan JKKKP diikuti dengan penahanan Ahli Dewan Negeri Kinrara di bawah ISA. Kemudian diikuti dengan kes siasatan kereta dan lembu oleh SPIM dan seterusnya kemuncaknya kes Teoh Beng Hock dalam mengeksploitasikan segala peluang yang ada untuk berpolitik demi menggugat kestabilan Kerajaan Negeri. UMNO telah menggunakan Utusan Malaysia untuk melanjutkan fahaman sempit perkauman mereka. Bagi saya Utusan Malaysia, UMNO dan PERKASA adalah sinonim antara satu sama lain. Kebanyakan anggota PERKASA ialah ahli UMNO sendiri. Barangkali Pemuda UMNO tidak lagi menghunus keris di perhimpunan Agungnya, tetapi sebenarnya UMNO telah memberi mandat ini kepada PERKASA.

Tuan Speaker. Anak-anak muda pada hari ini tidak lagi membaca Utusan Malaysia, mereka melayari laman web, *geof*, *twitter*, mereka pergi ke Malaysia kini. *Malaysia In Circle*, *Malaysia Today* dan *Facebook* untuk mendapat maklumat sebenar mengenai perkembangan politik negara. Mereka akan kerja, mereka akan melayari blok menggunakan *twitter*. Mereka akan *twit* dengan Yang Berhormat dari Ijok, Kinrara, Gombak Setia, Seri Kembangan, Subang Jaya, Batu Caves, Bukit Antarabangsa malahan Tuan Speaker sendiri. Jadi ini adalah cara berkomunikasi anak-anak muda pada hari ini. Sebaliknya mereka melihat Utusan Malaysia sebagai surat khabar tandas iaitu surat khabar yang hanya dibaca apabila mereka berehat di tandas. Utusan Malaysia saya difahamkan langganannya telah menurun. Mengikut laporan daripada *Audit Biro of Circulation ABC* langganan Utusan Malaysia telah merosot daripada kemuncaknya 300 ribu naskhah sehari kepada 70 ribu naskhah sehari sahaja. Utusan Malaysia tidak menjana pemikiran rakyat yang sihat. Utusan Malaysia tidak membicarakan wacana yang mampu mengangkat martabat orang Melayu seperti yang dia kata-katakan. Malahan Utusan Malaysia melayukan orang Melayu sendiri, melayukan orang Melayu sendiri. Kini Utusan Malaysia juga mengkritik MCA baru-baru ini bahawa MCA tidak harus memilih Datok Seri Chua Sow Lek sebagai presidennya kerana beliau terlibat dalam skandal seks. Utusan Malaysia sekarang begitu garang sehingga mengatakan bahawa Chow Soi Leks seorang yang tamak kuasa. Saya sebenarnya rasa kasihan dengan MCA kerana kini sebuah surat khabar seperti Utusan Malaysia pun berani mengkritik parti-parti komponen dalam Barisan Nasional seperti MCA. Mana tidak MCA tidak dituduh oleh Utusan Malaysia sedangkan Utusan Malaysia sendiri pun berani dalam satu rencananya yang diterbitkan pada 21 Mac 2010 telah dilihat menghina Baginda Tuanku Sultan Selangor. Ini pun Utusan Malaysia tergamak melakukan apabila Baginda Tuanku Sultan Selangor membatalkan keberangkatan Baginda di program PERKASA dan rencana ini ditulis oleh Awang Selamat dari Utusan Malaysia tak lain tak bukan.

Tuan Speaker. Bagi Pakatan Rakyat dan bagi Kerajaan Negeri Selangor kita tidak perlu melantik Juru Perunding Komunikasi Zionis untuk berkomunikasi dengan rakyat, apa yang kami lantik dan guna dan upah ialah rakyat Malaysia sendiri. Kita mengupah rakyat Malaysia untuk menerangkan kepada rakyat apa yang berlaku di Selangor. Kita menubuhkan TV Selangor yang diuruskan seratus peratus rakyat Malaysia sendiri dan TV Selangor pula dikritik kuat oleh Ahli Parlimen Rembau. Sekarang TV Selangor memikul tugas yang berat. Buka TV Selangor seluruh dunia dapat melihat sidang Dewan Negeri. Buka TV Selangor seluruh penontonnya boleh melihat, menyaksikan siaran langsung sidang Rakyat Parlimen. Ini tidak dapat dilakukan oleh Barisan Nasional atas sebab-sebab kos yang terlalu tinggi. Tapi kini Pakatan Rakyat dengan kos dengan belanjawan yang begitu sedikit kita mampu melakukan apa yang tidak mampu dilakukan oleh Barisan Nasional.

Tuan Speaker. Saya juga ingin menyentuh tentang Perlembagaan Persekutuan. Bagi sebuah Negara yang mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan, Sistem Demokrasi Berparlimen alah Remister. Imbangan kuasa antara ketiga-tiga cabang kerajaan iaitu Eksekutif, perundangan, kehakiman serta imbangan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri adalah sangat penting. Biar pun begitu kita juga harus beringat bahawa dapat kritis bahawa perlembagaan Malaysia yang dirangka pada tahun sembilan lima puluhan merupakan satu perlembagaan yang lebih memihak kepada Kerajaan Persekutuan di mana beberapa sektor pentadbiran dan sumber ekonomi yang penting dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan. Lebih-lebih lagi Barisan Nasional dalam lima puluh tahun yang lalu dengan majoritinya dua per tiganya di Dewan Rakyat dan di Dewan Negeri sentiasa meminda perlembagaan Persekutuan sehinggalah wajar rupa Perlembagaan Kerajaan Persekutuan sekarang amatlah berbeza dengan ciri-ciri asal ataupun semangat asal Perlembagaan Persekutuan kita. Beberapa kuasa Negeri telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan ataupun diletakkan di bawah senarai bersama. Ini telah merumitkan Kerajaan Pakatan Rakyat. Tadi apabila kita berbincang tentang soal air, sisa pepejal, pengangkutan awam, pelaburan, pelabuhan dan sebagainya semua ini adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan bukan Kerajaan Negeri. Apa yang sama juga telah berlaku terhadap Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Justeru saya merayu kepada Kerajaan Negeri supaya apabila terdapat peluang nanti kita perlulah memperbetulkan beberapa perkara di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Antaranya ialah larangan terhadap seorang wakil rakyat untuk meletakkan jawatan dan bertanding semula. Ini masih ada di dalam Undang-undang Tubuh Negeri kita dan kita perlu memperbetulkannya, jikalau peluang ada.

Tuan Speaker. Pendidikan menentukan masa depan sesebuah kerajaan. Setiap tahun kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat memperuntukkan secara tetap 6 juta kepada Sekolah Agama Rakyat, 6 juta kepada SJKC dan 4 juta kepada SKJT. Walaupun soal pendidikan ini bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya terkilan dengan kenyataan beberapa pemimpin Persekutuan yang mengatakan bahawa Kerajaan Selangor sengaja melambat-lambatkan permohonan tanah untuk membina sekolah. Baru-baru ini oleh sebab ada pihak yang tertentu ingin mengaut kepentingan politik mereka Barisan Nasional menuduh pula Majlis Daerah Hulu Selangor sengaja melewatkan keputusan membina sebuah SKSC di Bukit Beruntung sehinggalah mantan Ahli Parlimen Hulu Selangor Allahyarham Datuk Dr. Zainal Abidin meninggal dunia dan Pilihan raya Kecil dan pilihan raya kecil perlu diadakan. Saya telah menyemak dengan MTHS dan saya mendapati bahawa kenyataan ini adalah tidak betul. MTHS telah menuliskan plan struktur pembinaan sekolah ini pada 22 Mac 2010. Seminggu sebelum Allahyarham Datuk Dr. Zainal Abidin meninggal dunia. Kelulusan MTHS ini juga diberi setelah pegawai-pegawai MTHS berkali-kali menelefon Arkitek dan Perancang Bandar yang dilantik kontraktor supaya mereka menghantar dengan segera plan struktur untuk kelulusan. Jadi siapa yang sengaja melengah-lengahkan kelulusan ini. Malangnya hujah saya ini tidak dapat disampaikan kepada rakan kita dari Kuala Kubu Baru.

Tuan Speaker. Kalaulah pemahaman saya betul, terdapat satu pekeling daripada Kerajaan Pusat dahulu bahawa semua projek pembangunan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja raya, JKR tidak memerlukan kelulusan daripada PBT dan tujuannya adalah untuk mempercepatkan proses pembinaan. Jadi dengan ini tiada sebab langsung untuk Majlis Daerah Hulu Selangor untuk melengah-lengahkan projek pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker. Kerajaan Negeri juga melancarkan program Tuisyen Rakyat Selangor dan SPIES. Kedua-dua program ini merupakan program perintis Kerajaan Selangor. Rata-ratanya sambutan terhadap kedua-dua program ini adalah baik. Tetapi Kerajaan Selangor perlulah

menambah baik program ini, khususnya bagi ADUN di kawasan Bandar. Saya mencadangkan supaya pelaksanaan program PTIS khususnya dapat dibuka kepada mereka yang menuntut di tingkatan-tingkatan yang lain kerana adalah bukan senang untuk ADUN-ADUN di kawasan Bandar untuk mencari bilangan pelajar Tingkatan 5 yang mencukupi untuk membuka satu kelas tuisyen PTIS.

Tuan Speaker. Kerajaan telah memansuhkan Jawatankuasa Tanah Daerah dan menggantikannya dengan Jawatankuasa Tindakan Tanah pada tahun 2009. Saya berpendapat kerajaan sekarang perlulah merombak semula Jawatankuasa Tindakan Daerah ini kerana Jawatankuasa ini telah menjadi begitu besar sehingga semua agensi kerajaan sama ada agensi Kerajaan Pusat ataupun Negeri pun terlibat sama dalam mesyuarat. Dan ini selalunya menjadikan mesyuarat terlalu panjang dan terdapat juga perkara-perkara yang ditimbulkan oleh wakil rakyat yang sebenarnya boleh diselesaikan antara wakil rakyat itu dengan agensi kerajaan itu sendiri khususnya agensi kerajaan yang melibatkan PBT. Maka cadangan saya adalah untuk menjadikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah ini sebagai satu forum untuk semua wakil rakyat membincang masalah-masalah berkaitan dengan hal ehwal tanah dengan pejabat Tanah dan Daerah. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang PBT. Saya menyambut tindakan baik Kerajaan Negeri Selangor meminta SPR untuk menjalankan pilihan raya Kerajaan Tempatan di Selangor. Malangnya SPR enggan melayan permintaan Kerajaan Negeri. Keputusan Majlis Tindakan Kerajaan Tempatan yang didominasi oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional dan Kerajaan Negeri dipimpin BN untuk tidak bersetuju dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan sekali gus menunjukkan bahawa mereka tidak berhasrat untuk mengembalikan hak kepada rakyat. Jadi saya pun ingin bertanya di manakah letaknya gagasan Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Adakah ini merupakan cerita dongeng semata-mata. Kerajaan BN mengatakan bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak akan menyelesaikan semua masalah yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Memang betul. Masalah-masalah Kerajaan Tempatan tidak akan diselesaikan hanya dengan memulihkan pilihanraya tetapi sekurang-kurangnya rakyat akan diberi peluang untuk memantau prestasi kerajaan. Justeru itu Kerajaan Selangor harus membuktikan mereka silap dengan memperkasakan sistem penyampaian PBT di Selangor. Antara kelemahan Kerajaan Tempatan ialah sistem penyampaiannya. Tuan Speaker. Pertukaran pegawai-pegawai sesama PBT telah pun dilakukan sehingga sekarang maklum balas yang diterima rata-ratanya adalah positif. Pertukaran pegawai ini tidak harus dilihat sebagai satu tindakan *punitive* tetapi satu cara untuk menguatkan sistem penyampaian PBT. Selain itu saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mengadakan satu sistem ganjaran kepada pegawai-pegawai PBT yang telah menjalankan tugas mereka dengan bagus. Untuk dijadikan, cadangan ini ialah untuk mewujudkan satu *full factor* kepada pegawai-pegawai PBT supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat. Selain itu PBT juga harus membuka peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia dan tidak harus terikat dengan pekiling daripada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana pada akhirnya gaji pegawai-pegawai PBT ditanggung, dibayar oleh PBT sendiri, bukan JPA. Saya juga ingin menyentuh tentang status kewangan PBT yang rata-ratanya menunjukkan perkembangan positif. Biar pun begitu PBT haruslah berjimat cermat dalam perbelanjaannya. Antara kekurangan PBT ialah sesuatu perbelanjaan walau pun dianya telah dibacakan dalam belanjawan. Kerja-kerja yang hendak dilakukan selalunya bermula di pertengahan tahun. Terdapat juga kes-kes di mana pembayaran dibuat pada tahun ini untuk kerja-kerja yang sebenarnya dilakukan pada tahun yang lalu. Tapi bajet yang digunakan ialah bajet tahun ini. Oleh itu saya meminta pihak eksekutif untuk memantau perkara ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya PBT menjalankan sesuatu kerja infrastruktur dengan telus. Contohnya kos perbelanjaan untuk melaksanakan sesuatu kerja infrastruktur haruslah dipaparkan dalam papan tanda ah! Untuk mempertingkatkan ketelusan PBT. Maknanya kos itu perlu ditunjuk, supaya orang boleh tengok

berapa banyak wang yang terlibat dalam menjalankan projek infrastruktur itu. Tuan Speaker, saya juga mendapati bahawa PBT selalu memberi sokongan kepada program-program yang dianjurkan oleh kerajaan. Sememangnya PBT boleh dan harus berbuat demikian. Tetapi saya juga ingin memperingatkan kepada kerajaan bahawa PBT juga tidak boleh terlalu dibebankan dengan program-program ini. Kerana secara tidak langsung ianya akan memberi kesan kepada kewangan PBT. Seperti elauun tambah masa pegawai-pegawai PBT, kos penyelenggaraan, peralatan dan kenderaan PBT serta kekurangan tenaga kerja PBT untuk kerja-kerja yang lain. Kerja-kerja khususnya yang terlibat ah! yang melibatkan rakyat. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pertanian. Sektor pertanian telah diberi perhatian di dalam pakej rangsangan ekonomi Selangor. Tumpuan telah diberi kepada peningkatan hasil padi di Selangor. Sebenarnya kita juga tidak boleh melupakan hasil tanaman yang lain seperti sayur-sayuran dan fokus yang sekata perlulah diberi kepada semua aktiviti pertanian di Selangor. Saya difahamkan bahawa di kawasan Hulu Selangor ianya merupakan satu daerah yang juga mempunyai aktiviti pertanian sayur-sayuran yang terbesar di Selangor. Khususnya di Ulu Yam. Saya difahamkan bahawa sekurang-kurangnya 40% daripada sayur-sayuran yang dipasarkan di pasar borong Selayang datang daripada daerah Hulu Selangor. Baru-baru ini mereka telah mengadu bahawa mereka masih menyewa tanah daripada PNSB untuk menjalankan pertanian. Beberapa tahun yang lalu semasa BN menjadi kerajaan mereka hampir-hampir dihalau oleh PNSB kerana PNSB ingin mengambil balik tanah mereka untuk dibina rumah kos rendah. Petani-petani ini kalau boleh haruslah diberi mereka telah petani-petani ini harus memohon geran tanah kepada daripada kerajaan dan saya mencadang kepada kerajaan negeri untuk membantu mereka seberapa banyak yang boleh memandangkan PNSB merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri. Tuan Speaker, kalaulah di Ulu Yam kita ada petani yang memerlukan tanah tetapi permintaan mereka tidak di hirau Yayasan Basmi Kemiskinan pula diberi tanah berjuta-juta ekar untuk oleh kerajaan dahulu. Saya difahamkan bahawa pengerusi YBK Dato' Zainal Abidin Sakom yang merupakan mantan ADUN Batang Kali beliau sendiri telah menghabiskan peruntukan kawasannya pada tahun 2008 dalam masa kurang daripada tiga bulan. Dan jumlah yang beliau habiskan ialah 5012,000.00 ringgit. Jika dibuat pertandingan saya berpendapat Pengerusi YBK ini bolehlah dijadikan sebagai juara kerana beliau hanya menggunakan masa enam belas hari sahaja untuk menghabiskan ke seluruh peruntukan 5012,000.00 ringgit ini. Beliau yang juga merupakan Pengerusi YBK sekarang sedang bertikam lidah dengan kerajaan negeri berkenaan dengan cukai tanah seluas 88.4 hektar milik YBK di Serendah untuk membina kampus baru UiTM. Saya ingin berbahas bahawa kalaulah Pengerusi YBK ini begitu boros dalam mentadbir peruntukan beliau maka beliau tidak akan memberi alasan yang lebih-lebih lagi untuk meminta-minta daripada Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pengangkutan awam. Ini adalah di antara yang terakhir. Bahawa pengangkutan di Lembah Kelang merupakan juga merupakan salah satu pakej rangsangan ekonomi Selangor. Akibat daripada sistem dan kualiti pengangkutan awam yang lemah maka produktiviti dan daya persaingan Malaysia dan Selangor juga terjejas. Pemandu-pemandu kenderaan di Selangor khususnya di Lembah Kelang perlu menghabiskan masa berjam-jam untuk tiba di destinasi setiap hari di Lembah Kelang ini. Saya berasa besar hati apabila kerajaan Pakatan Rakyat bercita-cita untuk meluaskan sistem pengangkutan untuk seluruh Negeri Selangor termasuk keluasan Sistem Transit Aliran Ringan LRT. Pada masa yang sama Kg. Tunku juga bimbang bagaimana cita-cita kerajaan Selangor ini dapat direalisasikan, apabila hal ehwal pengangkutan awam terletak di bawah kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, kerajaan Selangor tidak mempunyai dana, saiz tanah kita tidak sebesar kerajaan persekutuan. Kita tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur pengangkutan awam. Maka sudah tentunya ianya tidak dapat dibangunkan seorang sendiri oleh kerajaan Selangor sahaja. Oleh itu saya ingin bertanya apakah strategi yang ada pada kerajaan untuk mengemaskan sistem pengangkutan awam ini. Dan apakah yang boleh kita lakukan di negeri Selangor selain

daripada bergantung kepada agensi-agensi kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker. Saya sudah sampai ke penghujung ucapan saya beberapa hari lagi kita akan juga turun ke padang ke Hulu Selangor. Bagi Pakatan Rakyat kita akan mengharungi PRK ini dengan rentak yang sekata. Tidak ada perbalahan antara Pas, Keadilan dan DAP. Calonnya akan tetap daripada Keadilan. DAP dan Pas tidak pernah hendak berebut-rebut bertanding di Hulu Selangor. Kalau untuk Barisan Nasional kita sekarang pun belum tentu tahu siapa yang akan mewakili BN di kawasan itu. Adakah ianya V.Migillan, adakahnya ianya G. Palanivel atau pun Muhammad, Muhammad Taib dari UMNO. Bagi Barisan Nasional apa yang penting bukan pangkat Ahli Parlimen. Apa yang penting ialah segala habuan yang mereka akan dapat setelah dipilih menjadi calon atau pun Wakil Rakyat di Hulu Selangor. Ini adalah satu perbezaan yang ketara antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Di dalam Barisan Nasional mereka berebut bermati-matian untuk mendapat pangkat atau pun status calon ini. Kalau di Pakatan Rakyat ini adalah satu amanah kepada rakyat bukan satu *short cut* kepada untuk mendapat projek dan habuan. Saya ingin memaklumkan juga bahawa calon daripada Pakatan Rakyat sudah ditentukan dan ini adalah satu berita baik. Siapa calonnya maka malam ini akan kita tahu nanti. Calon Barisan Nasional siapa kita belum tahu lagi. Mungkin masih rebut. Jadi bagi pengundi-pengundi di sana saya ingin menyeru bahawa masa sudah sampai untuk berubah kalau *signal* perubahan pada tahun 2008 itu masih tidak begitu kuat maka kuatkanlah *signal* pada kali ini. Saya meminta pengundi-pengundi di ladang-ladang FELDA, di estet-estet, di Bandar-bandar, kampung-kampung baru untuk menolak politik perkauman UMNO dan Barisan Nasional. Sekian. Terima kasih.

(Dewan bertepuk.)

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahitaalhi Wabarakatuh.* Salam sejahtera, Selamat petang dan Salam Satu Malaysia.

**TUAN SPEAKER:** Dua Malaysia.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Ke Dua Belas tahun 2010. Bagi pihak ahli-ahli Dewan Undang Negeri Barisan Nasional saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang sangat prihatin di atas perjalanan pentadbiran Negeri Selangor dan sentiasa mengambil berat hal ehwal kesejahteraan rakyat serta pembangunan Negeri Selangor. Selepas dua tahun pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat, rakyat Selangor berhak untuk menilai prestasi Kerajaan Selangor yang banyak membuat janji semasa Pilihanraya Umum yang lalu. Sebenarnya memanglah mudah hendak membuat berbagai-bagai janji, tetapi realitinya apabila sudah mendapat kuasa dan berhadapan dengan masalah akar umbi tidak semua *idealisme* kita dapat dicapai. Di Negeri Selangor Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bertuah kerana mewarisi daripada Barisan Nasional daripada sebuah negeri yang mantap dan stabil. Kedudukan sosioekonomi dan politik yang membolehkan Kerajaan Pakatan Rakyat melaksanakan berbagai program ekonomi dan kebajikan. Walau pun kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa mencari kesalahan kerajaan Barisan Nasional rakyat Negeri Selangor dapat menilai sejauh manakah dalam tempoh dua tahun pemerintahannya Pakatan Rakyat telah dapat memenuhi janji-janji kepada rakyat. Sebagai contoh Pakatan Rakyat telah berjanji untuk memberikan diskaun cukai



pintu sebanyak 20% untuk premis kediaman dan 10% premis perniagaan. Berdasarkan kepada jumlah cukai pintu semua PBT di Selangor diskaun yang terlibat adalah sebanyak hamper RM 200 juta dan ini akan membebaskan semua PBT terutama PBT yang kecil seperti Majlis Daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Sebab itulah apabila Yang Berhormat Pandamaran dipertanggungjawabkan ke atas hal ehwal Kerajaan Tempatan beliau tiada pilihan melainkan untuk bersifat realistik. Dan akhirnya Kerajaan Negeri mengambil keputusan tidak akan memberikan diskaun tersebut. Kalau diteruskan beberapa PBT akan bankrap dan kualiti perkhidmatan PBT akan terjejas. Tetapi Kerajaan Negeri terpaksa meneruskan janji-janji memberi subsidi air percuma kerana ini sangat dekat dengan rakyat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, boleh minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Bagaimana Sri Serdang?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Silakan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Puchong, Sg. Burung ingin bertanyakan..Sri Serdang..(ketawa), Sri Serdang, Sg. Burung ingin bertanyakan dalam janji Pilihanraya, cukai pintu telah dijanjikan untuk diturunkan tetapi kita dapati baru-baru ini kita dapat tahu bahawa cukai pintu bukan saja turun tetapi telah dinaikkan. Jadi, apakah sebenarnya janji-janji keadilan yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini benar?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, seperti yang telah saya sebutkan tadi, saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Pandamaran kerana beliau bersikap realistik dalam keadaan seperti ini. Jadi, jawapan daripada Sg. Burong itulah dia. Jadi, Yang Berhormat Pandamaran dia tahu bahawa sekiranya ini berlaku maka akan bankrap lah PBT-PBT seperti yang saya sebutkan tadi. Seperti Sabak Bernam dan Hulu Selangor.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker..

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sri Serdang

**YB TUAN YAP EE WAH:** Nak minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Bagaimana Sri Serdang?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Silakanlah

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik hati dengan apa ni..cukai taksiran. Kalau tak silap saya sejak tahun lepas, pertengahan tahun lepas, satu '*circular*' sudah dikeluarkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor mendenda premis-premis yang lambat bayar cukai taksiran. Dan saya difahamkan juga, premis sahaja yang kena denda, pusat-pusat atau tanah-tanah atau bangunan komersial di negeri Selangor ini tak didenda cukai lewat tapi di '*offer*' untuk mengurangkan cukai taksiran supaya mereka membayar. Adakah ini betul?, saya ingin nak tanya ini.

**TUAN SPEAKER:** Ini.. Sri Serdang ini bukan EXCO yang menjaga PBT ini apa soalan jenis ini?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, mungkin dia nak tambah bahan-bahan ucapan saya, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ini kalau di antara pembangkang ini kenalah ada penyelarasan. Cakap masing-masing yang orang Barisan sahaja yang faham. Minta penjelasan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Sebagai tambahan, saya akan teruskan ucapan saya Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tapi seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan Negeri terpaksa meneruskan janji-janji memberi subsidi air percuma. Kerana ini sangat dekat dengan rakyat dan hanya melibatkan kewangan Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Rakyat ingin bertanya berapakah jumlah sumbangan KDEB setahun dan sejauh manakah jumlah ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan KDEB. Setakat ini berapakah jumlah subsidi yang telah disumbangkan oleh KDEB dan kemampuan KDEB dalam jangka panjang. Adakah kemampuan KDEB terhad tetapi terpaksa lakukan untuk menjaga masalah Kerajaan Negeri. Tuan Speaker, saya ingin menyentuh kewibawaan Kerajaan Negeri yang sentiasa menggembar-gemburkan Pentadbiran berwibawa, telus, berintegriti dan nilai-nilai tadbir urus yang baik 'Good Governance', dengan izin. Tetapi realitinya, cakap tak serupa bikin. Terdapat banyak kes-kes dan keputusan-keputusan yang boleh dipersoalkan, tahap integriti dan kewibawaan di antaranya adalah seperti berikut, Penyesuaian Talam Corporation sebanyak RM 391 juta sepertimana yang disebutkan oleh Bukit Antarabangsa tadi, Prestasi industri-industri Selangor atau UNISEL bagi tahun 2008 – 2009, Pengurusan permit pengeluaran pasir yang dikendalikan oleh Syarikat Kerajaan Negeri Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., Masalah Tanah Yayasan Basmi Kemiskinan walaupun telah banyak dibincangkan, Pengeluaran Lesen Arak, Peranan Pasukan Perunding dan Penasihat untuk Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri, Pakej Rangsangan Ekonomi, Peruntukan Marris atau Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan raya Malaysia, Kedudukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Isu kalimah Allah dan Enakmen Agama Bukan Islam Kawalan Perkembangan Di kalangan Bukan Islam 1988 Enakmen No. 1/1988, saya akan menyentuh isu Pakej Rangsangan Ekonomi, Peruntukan Marris, Isu Kalimah Allah dan Enakmen No. 1/1988.

Pertama, Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor. Pada tahun lalu Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor sebanyak RM 50 bilion. Nampaknya hanya janji dan omong-omong kosong sahaja kerana sehingga hari ini, pelaksanaannya belum nampak lagi. Konsep Pakej Rangsangan Ekonomi ialah satu peruntukan segera dengan jangka pelaksanaan 2 – 3 tahun untuk membantu kepesatan pertumbuhan ekonomi negeri jangka pendek bukan memakan masa panjang 10 – 15 tahun. Semasa melancarkan Karnival Sungai Klang pada 23 Mac 2009, YAB Menteri Besar telah mengumumkan Projek Pemulihan Sungai Klang yang menelan belanja sebanyak RM 50 bilion yang akan disiapkan dalam tempoh 15 tahun. Kalau apa yang dilaporkan oleh akhbar *The New Straits Time* pada 15 Mac 2010 adalah benar, matlamat Pakej Ekonomi RM 50 bilion tidak akan mencapai matlamat dan sasarannya. Seperti yang dilaporkan RM 2 bilion telah diperuntukkan iaitu untuk membersihkan Sungai Klang sebanyak RM 1 bilion dan untuk pembangunan RM 1 bilion dalam tempoh pelaksanaan selama 2 hingga 3 tahun. 3 syarikat telah dipilih daripada 37 syarikat yang telah membuat tawaran dan sebuah syarikat DPZ Asia dipilih, 'was approved', dengan izin, oleh Menteri Besar. Dalam Pakej Rangsangan, dalam konteks Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor, sebanyak RM 50 bilion, saya ingin mengumumkan 7 soalan untuk jawapan dan penjelasan YAB Menteri Besar. Dari sumber mana RM 50 bilion didapati? Bagaimana RM 50 bilion dibelanjakan? Dan sila beri butir-butir terperinci termasuk jadual pelaksanaan projek. Selain daripada projek-projek

besar infrastruktur, berapa banyakkah diperuntukkan untuk projek-projek kecil dan sederhana yang boleh memberi manfaat kepada syarikat kecil dan sederhana di negeri Selangor. Sejauh manakah pakej ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri Selangor bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Jika apa yang dilaporkan dalam akhbar *The New Straits Time* pada 15 Mac 2010, betul mengenai 4 syarikat yang akan menjalankan projek pemeliharaan Sungai Klang, mengapa syarikat DPZ Asia dipilih sendiri oleh YAB Menteri Besar dan tidak melalui proses tender terbuka.

Salah satu 3 syarikat yang berjaya ialah Resets Water I Berhad Consortium. Adakah I Berhad syarikat yang sama dengan pembangunan I-City Shah Alam. Apakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan Presiden, Transparency International Malaysia atau TIM, supaya Kerajaan Negeri menandatangani '*Integrity pacts*' dengan izin atau Perjanjian Integriti dengan 4 syarikat yang telah dipilih untuk mengendalikan projek pemeliharaan Sungai Klang bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa, korupsi dan untuk meminimumkan kos memastikan integriti, ketelusan dan pertanggungjawaban. Kedua, Peruntukan MARRIS, ataupun penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan PBT. Sejak 2 tahun yang lalu, mutu penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan PBT sangatlah mendukacitakan termasuklah di kawasan ibu negeri Selangor, Shah Alam. Salah satu sebab yang diberikan oleh agensi pelaksana ialah peruntukan yang diberikan tiada mencukupi. Dalam konteks ini saya ingin menyentuh kepada kenyataan Menteri Kerja Raya Malaysia semasa membuat lawatan kerja di Klang pada 17 Mac 2010 yang telah menegur Kerajaan Negeri Selangor dalam isu penggunaan peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan raya Malaysia atau MARRIS ini. Iaitu peruntukan khas untuk menyelenggarakan jalan-jalan negeri dan PBT. Kerajaan pusat telah memberikan peruntukan MARRIS sebanyak RM 315 juta kepada negeri Selangor pada tahun 2009. Tetapi hanya disalurkan oleh Kerajaan negeri sebanyak RM 45 juta kepada Jabatan Kerja Raya. Daripada jumlah 315 juta, sebanyak RM 115 juta diperuntukkan kepada JKR Selangor tetapi Kerajaan Negeri hanya menyalurkan kepada JKR sebanyak RM45 juta sahaja. Manakah baki RM 75 juta dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri. Kita minta YAB Menteri Besar memberi penjelasan dan maklumat terperinci penggunaan peruntukan MARRIS Selangor sebanyak RM315 juta mengikut daerah dan kawasan-kawasan PBT sepanjang tahun 2009. Jika peruntukan tersebut dibelanjakan untuk tujuan-tujuan lain, ini adalah penyalahgunaan kuasa. Jadi tidak terpanjat di jalan-jalan di seluruh negeri tidak dijaga dengan sempurna dan menyusahkan rakyat serta pengguna-pengguna jalan raya. Ini juga disarankan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pagi tadi.

Kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang begitu prihatin terhadap masalah pengguna jalan raya di Klang walaupun sebahagian jalan tersebut adalah jalan negeri. Terima kasih di atas keputusan Kerajaan Pusat yang akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM 130 juta dalam RMK 10 untuk penambah baik jalan-jalan raya di Klang. Yang Ketiga, isu kalimah Allah Enakmen Agama Bukan Islam Kawalan Perkembangan di kalangan Bukan Islam 1988, Enakmen No. 1/1998. Saya ingin menyokong pendirian tegas dan berani Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Selangor khususnya Pengarah JAIS sendiri dalam isu kalimah Allah ini. Rakyat Selangor juga menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di atas ketegasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam isu ini. Pendirian tegas dan berani Majlis Agama Islam Selangor adalah selaras dengan Enakmen Agama Bukan Islam Kawalan Perkembangan di kalangan Orang Bukan Islam Enakmen No. 1 1998 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 1988 dan diluluskan pada 4 April 1988. Perkara 9(1) Jadual (Seksyen 9) bahagian 1 di dalam Enakmen tersebut melarang penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 10 Jun tahun 2008 telah juga membuat keputusan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh diguna-gunakan atau disamakan dengan agama bukan Islam yang lain. Mengikut perkara 12 Enakmen Jenayah syariah Negeri Selangor tahun 1995, (Enakmen no. 9 , 1995) adalah diperuntukkan seperti berikut : Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan:

- a) Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atau sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
- b) Majlis;
- c) Mufti yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa.

Adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi 3000 ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Dalam menangani isu ini yang begitu sensitif dan penting...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Beri laluan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bagi orang-orang Islam

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Seri Setia , ada apa?

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Aa..minta celahan..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Silakan..

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Sri Serdang, tentang gazet yang telah ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri pada waktu itu tahun 2009, Syed Hamid Albar yang membenarkan penggunaan Allah aaa... oleh penerbitan daripada agama Kristian dengan syarat diletakkan di hadapannya notis yang jelas bahawa penerbitan itu hanya untuk masyarakat Kristian .

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, saya menceritakan adalah tentang Enakmen ini, dan tidak terkeluar daripada perkara yang lain kerana ini adalah Enakmen Kerajaan Negeri Selangor. Dalam isu yang begitu sensitif dan penting bagi orang ..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker , minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat...Yang Berhormat..tunggu sebentar. Ya Sekinchan, ada apa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan sikit.

**TUAN SPEAKER:** Minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya cuma nak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat merangkap Ketua Pembangkang daripada Sri Serdang ya, saya sebagai bukan Islam , saya ada sedikit kemusykilan, cuma minta penjelasan daripada YB. Sri Serdang tentang penggunaan kalimah Allah ini, di mana menurut fatwa daripada YB Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Aziz, di mana orang Islam ee..boleh menggunakan, orang bukan Islam boleh menggunakan kalimah Allah di Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak tetapi di Selangor kita melarang. Apa perbezaan orang bukan Islam di sana dan orang Islam di Selangor. Dan orang bukan Islam di Sabah Sarawak, di Wilayah Persekutuan dan di negeri Selangor, saya ada kemusykilan , minta penjelasan daripada Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ini saya baru menceritakan bagaimana tentang Enakmen itu, dan dalam kandungan Enakmen itu, dan saya juga ingin mendapat penjelasan apakah pendirian nanti tentang Kerajaan Negeri tentang perkara ini yang boleh supaya dapat digunakan bukan saja orang Islam tetapi orang bukan Islam dalam konteks penggunaan nama Allah ini. Itu sebab saya menceritakan tentang Enakmen ini dan saya tidak berniat untuk membawa isu-isu yang lebih jauh daripada ini kerana saya menceritakan soal Enakmen agama ini. Ya YB Sekinchan. Dalam menangani isu yang saya sebutkan tadi penting bagi orang-orang Islam, saya sangat dukacita di atas pendirian terutama yang Gombak Setia , Gombak Setia ataupun PAS yang jadi sekutu kepada Pakatan Rakyat, yang mempunyai pendirian bercelaru dalam isu ini. Sebagai contoh, suara YB Pesuruhjaya PAS Selangor, YB Adun Gombak Setia, tidak selantang suaranya seperti dalam isu-isu lain yang melibatkan Islam. Malahan tidak nampak bersungguh-sungguh secara terbuka mempertahankan Enakmen 1988 tersebut sedangkan beliau adalah EXCO yang bertanggungjawab terhadap agama Islam dan JAIS. Saya terasa amat kesian Pengarah JAIS yang bermati-matian mempertahankan isu ini dan menghadapi tekanan dan cabaran. Di mana ketegasan EXCO agama Islam Negeri Selangor, mengapa berdiam diri, adakah nak ambil hati rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat. Nak harapkan Parti Keadilan Rakyat, tak boleh harap langsung dalam isu ini. Harap kan pagar, pagar makan padi. Yang sangat mengguris hati mungkin pendirian bekas Timbalan Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, Y.B. Ahli Parlimen Shah Alam, merangkap Pesuruhjaya PAS Shah Alam yang terus menerus mengecam Enakmen No. 1 1988, walaupun telah banyak kali diberi ingatan dan amaran oleh MAIS dan JAIS. Menurut Y.B. Ahli Parlimen Shah Alam, Enakmen No. 1 1998 tersebut yang berkaitan dengan isu kalimah Allah tidak relevan sekarang. Sudah ketinggalan zaman. Enakmen tersebut perlu dikaji semula dan diubahsuai. Tidak cukup dengan kecaman melalui media tempatan, digunakan juga kesempatan semasa di wawancara oleh media luar negara seperti Al Jazirah. Tindakan Y.B. Ahli Parlimen Shah Alam, mengecam dan memperlekehkan Enakmen No. 1 1988 dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor merupakan satu penghinaan kepada Dewan Undangan Negeri yang mulia. Ini kerana dewan ini lah yang telah meluluskan Enakmen tersebut dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Ketua Agama Negeri. Saya ingin bertanya kepada YB Pesuruhjaya PAS Selangor, adakah ini pendirian PAS Selangor? Kalau ini pendirian PAS Selangor, saya harap YB untuk membawa usul untuk membina, meminda atau mengkaji semula, Enakmen No. 1 1998 yang ditentang hebat oleh pemimpin PAS sendiri Y.B. Ahli Parlimen Shah Alam. Kalau bukan pendirian PAS, PAS Selangor hendaklah mengambil tindakan kepada Y.B. Ahli Parlimen Shah Alam, yang telah menghina Enakmen tersebut dan kedudukan Majlis Fatwa Selangor kepada Y.Bhg. Pengarah JAIS. Saya harap jangan takut dengan sebarang ugutan. Teruskan perjuangan dengan penuh ketabahan dan keyakinan. Apakah pendirian Kerajaan Negeri mengenai perkara ini, kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab bukan sahaja mempertahankan Enakmen No. 1 1998 tersebut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Selangor tetapi bertanggungjawab menguatkuasakan Enakmen No 1 1988 dan perkara 12 Enakmen Jenayah seluruh Negeri Selangor 1995 walaupun Enakmen-Enakmen ini diluluskan pada zaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Mengikut satu laporan dalam Harakah Daily bertarikh 23 Februari 2010, YB Ahli Parlimen Shah Alam akan mengetuai satu Jawatankuasa kerja untuk mengkaji dan mengemaskinikan Enakmen No.1 1988 tersebut. Khususnya mengenai larangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam. Beliau telah berjumpa dengan Y.A.B. Menteri Besar Selangor mengenai perkara ini, apakah pendirian Y.A.B. Menteri Besar dan EXCO Hal Ehwal Agama

Islam iaitu Adun Gombak Setia mengenai Jawatankuasa ini, bukankah hal ini tugas Kerajaan Negeri khususnya Y.B. Pengerusi Hal Ehwal Agama yang juga Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor. Tuan Speaker, dalam hal ini saya menyokong tentang Titah ucapan DYMM Sultan Selangor semalam. Cuma saya nak beritahu kepada Dewan Undangan ini, sejak kebelakangan ini, yang banyak keluar parti adalah daripada Pakatan Rakyat, Ahli Parlimen Keadilan yang keluar daripada, jadi Ahli Bebas. Sama ada Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri, tapi belum ada lagi daripada Barisan Nasional yang keluar parti, malah ada pula lagi perancangan menuju ke Putrajaya, dan jelas hari ni pula menuju ke Putrajaya itu telah dijelaskan oleh rakan yang keluar daripada Parti Keadilan. Ini menunjukkan ialah Parti Pakatan Rakyat ini sudah mula menunjukkan kerapuhan. Jadi tak ada sebab yang katakan kita ini berlaga antara MCA, MIC dan UMNO dalam Barisan Nasional. Tetapi yang berlaga dan jelas hari ni nampak Pakatan Rakyat, Parti Keadilan yang keluar. Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri. Tidak lagi Setiausaha Agung Pakatan Rakyat keluar, meletakkan jawatan keluar daripada parti dan banyak lagi kalau nak disebut-sebutkan. Dan Insya-Allah kita tunggu dan masanya lah. Mari kita sama-sama ke Hulu Selangor dan Insya-Allah, kami Barisan Nasional akan membongkar akan kepincangan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Menteri Besar, apatah lagi pula saya difahamkan separuh jawatankuasa PKR di bahagian Y.A.B. tu keluar meninggalkan parti. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera dan salam reformasi. Dalam dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin turut serta dalam membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan DYMM Tuanku pada Persidangan Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang ke 12 ini. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang titah ucapan Tuanku pada hari semalam yang menyeru semua wakil rakyat negeri Selangor harus mengetepikan perbezaan fahaman politik masing-masing sama ada dari rakan seperjuangan saya yang bijaksana atau dari pihak pembangkang. Ayuh, marilah kita menyahut seruan tersebut agar bekerjasama dan sucikan niat hati kita untuk bekerja dengan jujur, ikhlas dan betul, demi untuk membantu ia..membantu, memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan seterusnya memberi kerjasama yang padu kepada kerajaan negeri Pakatan Rakyat pimpinan Y.A.B. Dato Menteri Besar. Yang berusaha dengan gigih membangunkan sumber-sumber kerajaan negeri Selangor selaras dengan agenda merakyatkan ekonomi MES dan seterusnya menuju ke arah merealisasikan matlamat untuk menjadikan Selangor negeri idaman, maju dan berkeadilan. Tuan Speaker, sebelum saya pergi dengan hujah-hujah yang lain, ingin saya menyentuh sedikit ucapan perbahasan yang dikemukakan oleh YB Sri Serdang di mana aa..beliau masih tertanya-tanya dengan pemberian air percuma ya, program pemberian air percuma. Saya nampak dalam konteks ini pihak Pembangkang begitu cemburu dengan usaha murni kerajaan Negeri Selangor khususnya Pakatan Rakyat kerana telah berjaya mewujudkan program ini untuk membantu rakyat seluruh negeri Selangor yang selama ini 50 tahun tidak pernah terfikir oleh Barisan Nasional, mereka mampu melakukannya. Tahniah dan syabas kepada kepimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita. Dan mereka kadang-kadang khuatir, kononnya kalau kita bagi, peruntukan untuk menjayakan program pemberian air percuma ini, kut-kut negeri Selangor akan bankrap, akan bankrap. Tetapi mereka memandang remeh, memandang kecil keupayaan, ketokohan Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita, yang merupakan seorang tokoh Korporat yang bukan keparat seperti mereka. Ini yang paling penting. Jadi kita saya tak pernah ada syak wasangka dan waswas, dengan kepimpinan Y.A.B. Tan Sri, jadi ...soal..

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker. Tuan Speaker...saya minta tarik balik sangkaan jahat , 36, perkataan keparat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya belum beri laluan...

**TUAN SPEAKER:** Nanti..nanti. Nanti dulu. Itu peraturan. Kalau peraturan tetap, Y.B. kena duduk dulu. Ya...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** 36 /6 seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Sangkaan jahat yang mana tu sangkaan jahat.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Keparat.

**TUAN SPEAKER:** Eh...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Keparat. Ditujukan kepada ee...Barisan Nasional. Itu adalah satu sangkaan jahat. Tak payah lah cakap keparat-keparat. Keparat ni maksudnya kalau tengok bahasa Arab tu, terlalu hina. Aa...itu yang saya ingin bangkitkan . Tuan Speaker, supaya minta sahabat kita di Sekinchan , tolonglah tukar perkataan lain yang lebih , dengan izin '*more desinct*'.

**TUAN SPEAKER:** Saya tak nampak mana sangkaan jahat tu. Ya teruskan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Ee...mereka ni meragukan. Mereka ni kkuatir kerana program ini semakin diterima oleh rakyat. Sekiranya rakyat, khususnya di kawasan pendalaman semakin hari menerima program merakyatkan ekonomi kerajaan negeri Selangor, maka sokongan daripada pihak Barisan Nasional, akan semakin hari semakin susut merudum, maka mereka cukup kkuatir. Oleh itu mereka mengkritik tanpa sebarang fakta yang nyata, itu yang penting. Jadi kita, saya minta program ini harus diteruskan, jangan oleh kerana ada kritikan daripada Sri Serdang, kita ada sedikit ..... ini yang saya minta. Dan seterusnya saya juga memanjatkan rasa syukur alhamdulillah kerana pemimpin pembangkang kita daripada Sri Serdang dan rakan dalam dewan kita, tadi sebentar tadi, sudah mula membicarakan yang selama ini tarbiah dari Pakatan Rakyat telah mentarbiahkan mereka supaya satu kerajaan harus ada akauntabiliti, harus ada ketelusan, harus ada kebertanggungjawaban. Baru sebentar tadi dia pun sebut, mula sebut prinsip ketelusan, Ah ini kita mengucapkan syabas jugalah kepada Sri Serdang kerana mula menerima tarbiah daripada Pakatan Rakyat. Terima kasih saya ucapkan kepada Sri Serdang. Tuan Speaker, saya menyokong penuh titah ucapan DYMM dan menghayati dengan penuh, apa yang DYMM Sultan Selangor yang mahukan keharmonian masyarakat majmuk di negeri Selangor menjadi model nasional. Segala perbezaan di antara kita merupakan satu aset dan bukan punca perbalahan. Kerana cabaran yang bakal kita hadapi cukup besar dan tidak pernah pun mengenal warna kulit dan keturunan. Sehubungan itu, marilah kita menjadikan dewan yang mulia ini sebagai medan yang tertinggi untuk membahaskan dasar dan membincangkan segala permasalahan rakyat demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Tambahan pula dalam titah ucapan Tuanku juga menasihatkan para penjawat awam dan kakitangan kerajaan agar wajib mengamalkan sikap neutral, profesional dan peka terhadap kerajaan yang memerintah serta membuat keputusan yang adil tanpa mengira sentimen dan , etika, mengira sentimen politik, agama dan kaum. Maka dengan itu saya harap, saya amat berharap agar nasihat Tuanku dapat dijadikan pedoman dan etika kerja semua penjawat awam untuk memberi perkhidmatan yang

terbaik, yang cemerlang bagi membantu melicinkan sistem pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Baru-baru ini Ketua Pembangkang yang digantung, Y.B. Sungai Panjang, dalam siri ceramahnya beliau di kampung-kampung telah berulang kali mengkritik dasar kerajaan Pakatan Rakyat dan di antara, isi kandungan kritikan beliau ialah, beliau mendakwa kerajaan Pakatan Rakyat telah menghabiskan dana sebanyak wang yang disatukan sebanyak RM1.4 bilion yang ditinggalkan kononnya oleh beliau dalam tempoh masa 2 tahun telah dihabiskan oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Hakikatnya melalui pendekatan perbelanjaan berhema-maya dana kewangan yang selama ini di boros dan diselewengkan tidak dapat diselamatkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Dato' Menteri Besar kita juga berjaya mengutip hutang-hutang dari anak syarikat yang selama ini digelapkan oleh individu dan syarikat-syarikat tertentu seperti hutang dari Talam Corporation sehingga menyebabkan rakyat Negeri Selangor mengalami kerugian beribu juta ringgit angkara bantuan dan hubungan baik Yang Berhormat Sungai Panjang dengan syarikat-syarikat kroni mereka itu. Tuan Speaker, saya berasa hairan bagaimana Yang Berhormat Sungai Panjang masih berani bercakap besar dan menuduh kerajaan Pakatan Rakyat mengamalkan kaedah pemborosan, sedangkan beliaulah yang terkenal saya sifatkan beliau sebagai raja pemborosan dan pembaziran kerana Negeri Selangor di bawah pimpinan beliau 8 tahun, berbagai projek Raja Putih yang dilakukan dan menghabiskan wang rakyat tanpa mendapat pulangan yang setimpal sebagai contoh yang seperti selalu disebutkan oleh Pengerusi PAC kita Yang Berhormat daripada Kajang, projek Sungai Haji Dorani Marine Park di kawasan Sungai Panjang menelan belanja RM29.8 juta sedangkan harga asal projek tersebut RM10 juta sahaja itu satu. Yang kedua, projek jalan raya *cross* ban 4 Sekinchan ke Sungai Haji Dorani sepanjang 20.5 kilometer anggaran asal oleh JKR hanya sekitar 60 juta sahaja tetapi apabila projek selesai siap telah meningkat kepada 118 juta, satu kali ganda itulah projek Raja Putih yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat ketua pembangkang kita yang digantung. Itu antara contoh yang saya sebutkan tadi. Tuan Speaker, saya juga amat hairan dan simpati dengan cara pihak pembangkang dalam siri ceramah-ceramah di kampung-kampung yang masih mengungkit-ungkit antara isu yang saya ada bukti dan rakaman mereka mengatakan hal yang pertama rakyat yang mengundi Pakatan Rakyat Negeri Selangor adalah pemberian 100 juta dana kerajaan untuk membina satu kandang babi (khinzir) di Tanjung Sepat. Masih digembargemburkan di kampung-kampung walhal perkara ini telah diperjelaskan oleh EXCO-EXCO kita Yang Berhormat daripada Kota Anggerik satu ketika dulu dan Yang Berhormat daripada Tanjung Sepat sendiri akur dan membisu seribu bahasa dan tidak dapat membalas apa yang kita nyatakan. Beliau sendiri pergi rombongan ke mana, ke Jerman meninjau sistem penternakan khinzir moden yang baru dan beliau mengangkat tangan macam ini. Tetapi rakan beliau, tauke beliau dulu Sungai Panjang pergi lagi ke kampung, tipu orang kampung, perbodohkan orang kampung kononnya Pakatan Rakyat yang mengilhamkan projek ini, sedangkan kita hanya sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kita akan mengkaji yang mana projek yang boleh memberikan kebaikan kepada rakyat, kita hanya meneruskan kesinambungan kerajaan yang lalu kerana banyak dana sudah dibelanjakan. Tetapi apabila mereka telah jadi pembangkang dan tukar tempat tiba-tiba mereka hilang daya ingatan ini bukan lagi kita sifatkan sebagai sindrom penafian ini kita sifatkan sebagai sindrom hilang ingatan oleh Barisan Nasional khususnya. Ini saya cukup simpati.

Tuan Speaker, saya nak bagi satu pantunlah kepada Sungai Panjang, dengan izinkan pantun jawa dengan izin "*iwa lembat dipangan poyo iwa keli dimasak cili wes terlambat lah khir toyo baru saite kena sopo pengundi*" hah...itu maksudnya. Sudah terlambat Khir Toyo pergi ke kampung-kampung dulu dia lupa kepada pengundi sekarang pergi ke hulur hilir dengan pengundi barulah dia ingat siapa pengundi sekarang selepas hilang kuasa, inilah nasihat kepada Khir Toyo tak perlulah buang masa. Tuan Speaker, saya juga ingin memetik sedikit tuduhan yang dikeluarkan oleh Presiden MCA membuat pembohongan dengan menyatakan



bahawa 5 sekolah jenis kebangsaan cina baru dalam rancangan pembinaan Kementerian Pelajaran untuk Selangor tidak dapat dilaksanakan kerana kerajaan Negeri Selangor tidak menyelesaikan masalah tanah. Kita tidak menyelesaikan masalah kononnya oleh Presiden baru MCA Chua Soi Lek ini adalah satu pembohongan kerana tanah rizab untuk sekolah sama ada Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan telah pun diserahkan kepada Kementerian Pelajaran dan disimpan dalam satu bank tanah atau pun lain bank. Selepas diserahkan kepada Kementerian Pelajaran semua tanah rizab ini adalah luar bidang kuasa kerajaan negeri sekiranya MCA gagal untuk meyakinkan Kementerian Pelajaran untuk meluluskan tapak sekolah daripada bank tanah itu adalah kelemahan dan kegagalan MCA, MCA adalah wakil jangan lupa MCA adalah wakil dalam persekutuan. Malah Ketua Pemuda, Ketua Pemuda adalah Timbalan Menteri Pelajaran takkanlah peraturan dan prosedur ini tidak difahami langsung oleh Timbalan Menteri Pelajaran MCA. Presiden MCA tidak harus memutar belit fakta ini hanya kerana mahu menang dalam pilihan kecil Hulu Selangor. Satu dasar baru Tuan Speaker, kerajaan negeri yang tidak lagi menyerahkan terus tanah rizab sekolah kepada Kementerian Pelajaran adalah satu dasar yang baik di mana kerajaan negeri akan mengujudkan bank tanah sendiri dan hanya apabila Kementerian Pelajaran memerlukan mana-mana tanah rizab, sekolah dan bank tanah untuk mana-mana sekolah yang spesifik, kerajaan negeri akan meluluskannya. Ini adalah untuk memastikan semua tanah rizab sekolah dalam Negeri Selangor akan benar-benar digunakan untuk tujuan sekolah dan bukan untuk disimpan dalam bank tanah Kementerian Pelajaran, sementara itu kerajaan negeri dipersalahkan apabila Kerajaan Persekutuan gagal melaksanakan dalam janji-janji mereka.

Tuan Speaker, saya mencabar ....

**Y BTUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Kajang, minta laluan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin bertanya kepada Sekinchan, bahawa adakah Sekinchan mengetahui bahawa wakil daripada Jabatan Pelajaran Selangor telah menyatakan belum terima apa-apa arahan kaitan dengan pembinaan Sekolah Kebangsaan Cina di dalam Selangor. Belum terima apa-apa arahan bermaksud tidak ada apa-apa arahan berkaitan pembinaan sekolah baru.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih daripada ingatan Kajang. Memang kita sedia maklum pembinaan sekolah baru ini memang selama ini diabaikan apabila tiba sesuatu pilihanraya, pilihanraya besar, umum atau pun pilihanraya kecil saja mereka akan cuba untuk memainkan isu ini, untuk menipu pengundi. Tetapi kali ini mungkin mereka benar-benar akan mendirikan tetapi oleh kerana desakan daripada Pakatan Rakyat dan desakan daripada rakyat baru mereka ingin lakukan ini. Itu cuba kita renung kembali 50 tahun rakyat sudah bagi kuasa kepada Barisan Nasional selepas 8 Mac baru ada anjakan landskap politik di negara kita, barulah rakyat terasa ada perbezaan antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional yang dulu 50 tahun yang mereka enggan bisa lakukan kita Pakatan Rakyat lakukan dalam masa 2 tahun dan sekarang kita sulit berikan tanah dan apa kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden MCA hari ini mengatakan Pakatan Rakyat boleh meluluskan 24 jam sekiranya ada permintaan, kerana dikatakan kita tidak ada mekanisme, mekanisme tak ada bagi saya soal mekanisme itu kemudian, bagi saya kalau soal dasar, kalau dasar itu betul kita boleh pertimbangkan secepat mungkin, kalau ada mekanisme tak de guna mekanisme tetapi 50 tahun tak boleh lakukan, apa itu mekanisme tak de guna. Jadi saya mintalah Presiden MCA tolonglah bertaubat dahulu, minta maaf kepada seluruh pengundi cina khususnya di Hulu Selangor kerana kegagalan MCA

selama 50 tahun, tetapi sekarang mereka cuba melakukan memperbaiki kesilapan kita beri sambutan, tetapi kita kena mengakui kegagalan kita selama 50 tahun.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sila beri laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ya bagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Sekinchan. Bagi saya perkara-perkara yang sudah lepas itu, dah lepas. Jadi kalau boleh kerajaan negeri bagi saja tanah sementara waktu sekarang pun pilihanraya kecil di Hulu Selangor. Tadi mengatakan Barisan Nasional selalu pakai taktik ini mengaut undi jadi tengoklah macam mana kalau boleh kerajaan negeri Selangor memberikan tanah kepada SJKC yang 50 buah di Klang Valley ini supaya dapat dijalankan itu yang saya mahu sebab saya belajar di SJKC, jadi kalau boleh tak payah cerita yang lama-lama sekarang kita Kementerian Pendidikan dapatkan lesen itu kerajaan negeri bagi tanah itu ok kita jalan *on* supaya untuk manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya masyarakat cina. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sungai Pelek. Saya menyambut baik niat murni daripada Sungai Pelek tetapi hasrat Sungai Pelek mungkin berlainan dengan MCA. Presiden MCA hanya mahu mengaut keuntungan daripada kepentingan politik sahaja tetapi mungkin rakan kita daripada Sungai Pelek mungkin dia juga berhasrat untuk memperjuangkan kepentingan sekolah cina ini. Jadi saya terima tetapi kalau ada saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita sentiasa akan menerima apa-apa permohonan kalau ada, kalau betul ada dan kita akan mempertimbangkan tidak ada masalah, Pakatan Rakyat tak ada masalah dengan perkara birokrasi seperti ini, kerana kita baru 2 tahun, banyak benda kita dah buat rakyat dah tengok contoh, saya bagi satu contoh di Sekinchan, di kawasan saya sendiri 50 tahun rakyat di bahagian Sekinchan nelayan yang miskin 50 tahun duduk di tapak rumah mereka 3 generasi, datuk, anak, cucu tetapi di bawah Barisan Nasional 50 tahun tidak diberikan sebarang hak milik tanah, geran tak ada. Mereka tiap-tiap hari kluatir hidup dalam waswas tidak selamat entah bila tanah mereka akan dirampas tetapi selepas Pakatan Rakyat belum sampai 2 tahun, bulan 11 kita dah lulus. 183 hak milik di luluskan oleh Pakatan Rakyat, tahniah Pakatan Rakyat untuk menyelesaikan masalah 50 tahun, cuba bukan kita nak ungkit perkara lalu tidak tetapi hakikat, kenyataan harus kita akur kita kena terima, ya kita terima, kita insaf dengan kesilapan kita hah begitu. Baru rakyat boleh terima kalau tidak asyik menafikan susahlah.

Tuan Speaker, berbalik kepada walau pun kerajaan Pakatan Rakyat sering menghadapi berbagai cabaran dan dugaan, tekanan serta serangan bertubi-tubi daripada Barisan Nasional namun begitu semangat kita tetap kental dan tidak sedikit pun tergugat dengan halangan dan dugaan tersebut kerana kita ikhlas dan tetap istiqamah dalam perjuangan membela hak rakyat. Ini yang penting perjuangan pemimpin daripada kerajaan Pakatan Rakyat. Hari ini kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya memerintah Negeri Selangor masuk tahun yang ke tiga walau pun sebelum ini terdapat sindiran daripada Sungai Panjang daripada puak-puak sebelah sini yang mengatakan kerajaan Pakatan Rakyat tidak lebih daripada tiga bulan. Tidak lebih daripada tiga bulan tetapi hari ini bukti kepada rakyat seluruh Negeri Selangor berkat sokongan mereka dorongan mereka hari ini kita melangkah tahun yang ketiga bukan tiga bulan nak masuk tiga tahun malah semakin mendapat sokongan dan dokongan dan semakin mantap kerjasama antara komponen parti-parti di dalam Pakatan Rakyat, DAP, PAS dan Keadilan. Ini cukup penting dan hakikat ini tidak boleh dinafikan walau pun ada cubaan-cubaan kerja-kerja jahat daripada Barisan Nasional yang cuba menawarkan habuan seperti yang disebutkan oleh Sri Serdang tadi. Habuan-habuan untuk membeli atau pun menggoda Adun-Adun daripada

Pakatan Rakyat supaya mengisytiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas seperti Pelabuhan Klang, seperti katak di belakang itu. Pelabuhan Klang dulu menang atas tiket apa, tiket Parti Keadilan Rakyat atas sebabkan rakyat, tetapi selepas menang oleh kerana habuan, oleh kerana fulus beliau lupa diri dan mengkhianati amanah daripada rakyat. Ini dia Pelabuhan Klang awas saya beritahu orang seperti ini wakil rakyat seperti ini yang tidak pijak kepada bumi yang nyata nescaya akan ditolak oleh rakyat pada pilihan raya yang akan datang, insya-Allah.

Jadi saya ingin nak beritahu oleh kerana godaan wang ringgit rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat kita mesti istiqamah, wang ringgit itu memang ramai orang bekerja bertungkus lumus untuk mencari nafkah hidup dengan wang ringgit tetapi dalam Islam saya tahu ada halal dan haram. Kalau rezeki itu halal, Tuhan akan halalkan kalau haram itu tetap haram. *Alfulus fiddunia, Wa mampus di akhirat*. Ini penting, jadi Tuan Speaker saya ingin nak bagi satu pantun kepada Pelabuhan Klang. Pantun khusus, pantun Jawa dengan izin, dengan izin daripada Tuan Speaker. *Wong melompat parti, Wong melompat mengkhianati parti, orak amanah kalo pengundi, asilan dunia wong wes benci, nang akhirat ngesok, noroko genteni reti*. Itu bahaya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya terangkan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya terangkan, saya terangkan, saya terangkan, sebab mungkin Tuan Speaker pun tidak faham...

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta izin, saya tak bagi laluan. Saya tak bagi laluan, sekarang saya cuba terangkan, orang yang melompat parti tidak amanah kepada pengundi. Kat dunia ini pun orang sudah benci. Kat akhirat esok nerakalah yang menanti.. Ha.. ini dia.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya ingin khusus untuk Pelabuhan Klang.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan, minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta dia segera taubat dan insaf balik segera ke pangkal jalan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan, minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak bagi laluan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan sikit saja.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nak sikit, *ok* kalau Taman Templer dia agak *gentleman* saya bagi sikit.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih, terima kasih. Saya Tuan Speaker saya memang terharulah dengan semangat Sekinchan kerana dah lama menjadi pembangkang apabila dah jadi pemerintah ini saya faham, itu saya selalu kata sepatutnya duduk kat EXCO

tu. Tapi baguslah Alhamdulillah. Tapi saya nak beritahu Yang Berhormat cakap tadi tu kebanyakannya yang melompat ni bukan daripada Barisan yang Keadilan. Jadi mungkin saya cadangkan kalau boleh adakan satu forum ataupun satu kempen motivasi kepada Ahli Parlimen Pakatan supaya mereka jangan melompat. Satu lagi saya mendengar tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kebanyakan yang melompat ini bukan kerana pendirian politik tetapi kerana sogokan wang ringgit daripada Barisan Nasional. Kalau benarlah ini bukan sahaja melibatkan dewan ini tetapi juga banyak melibatkan Ahli Parlimen Dewan Rakyat. Jadi saya mohon kalau benarlah mungkin Yang Berhormat boleh membuat kenyataan itu di luar dewan dan mungkin betul apa salahnya. Mungkin tengoklah betul atau tak betul. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas ingatan daripada rakan saya daripada Taman Templer yang saya tengok daripada semua rakan-rakan daripada Barisan Nasional inilah yang 18 campur 2 yang 2 satu malas, tiap-tiap hari datang lewat pulang cepat, datang lewat pulang cepat kerjanya. Yang 18 campur 2 ini, Sungai Pelek lebih elok sikit, tetapi yang lebih berkaliber berwibawa sikit yang ada tokoh sikit, Templer, saya rasa Templer wajar diangkat jadi ketua pembangkang DUN Negeri Selangor. Jadi Tuan Speaker sebentar tadi saya setuju dengan pandangan daripada Templer mengatakan kalau ada sogokan wang ringgit itu kita perlu buktikan. Bagi saya benda itu terlalu halus. Siapa makan cili dialah yang rasa pedas. *Sogok mengelompok dialah rasa pedas.* Macam Pelabuhan Klang dia *mengesusu bahasa (bahasa Jawa)*.....pasal apa, siapa yang makan cili, dialah yang rasa pedas dan setakat ini di DUN Sekinchan pun saya sudah buat satu majlis kesyukuran. Majlis kesyukuran bukan apa, doa selamat. Doa selamat meraikan pemergian katak-katak dari Pakatan Rakyat yang tidak setia kepada kita, yang mengkhianati perjuangan prinsip perjuangan kita. Saya diimankan oleh ustaz dari PAS. Tujuan kita sebab mereka pergi, mereka ini sebelum ini adalah musuh dalam selimut. Apabila mereka mengisytiharkan diri sebagai BEBAS dan sokong Barisan Nasional maka kita tahu siapa musuh kita betul? Sebelum ini kita tak tahu ini musuh dalam selimut, duri dalam daging, jadi saya rasa syukur Alhamdulillah kerana orang-orang ini sudah pergi dan saya ajaklah siapa-siapa yang masih nak pergi, tolong pergi segeralah kita bersihkan yang tak bersih yang tak setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Siapa-siapa? Oh Seri Setia, oh ok saya bagi.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Seri Setia nak bertanya Yang Berhormat dari Sekinchan, mereka ini semua berani nak keluar dari Pakatan tetapi nampaknya malu-malu nak masuk UMNO Barisan Nasional. Apa agaknya sikap mereka ini?

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih daripada Seri Setia. Seri Setia ini memang setia tak ada masalah tapi kita curiga tentang pendirian Seri Setia. *No problem*, tetapi masalahnya orang yang keluar ini seperti Pelabuhan Klanglah, seperti daripada Bayan Baru ya, haa Bayan Baru dan sebagainya, bukan Batu Caves tak ada ya. *Ok* yang keluar ini mereka memang sokong, jasad mereka hanya di jasad mereka. Hanya di kononnya bebas tetapi hati mereka dah kahwin dengan UMNO dah, kahwin dengan Barisan Nasional .....(cakap Jawa)....sudah kahwin. Jadi mereka hanya buat gimik politik la. Ini atas nasihat Perdana Menteri 1 Malaysia yang cakap tak serupa bikin. Baru-baru ini pergi Amerika bawa 2 BEBAS. Sekarang saya kesian dengan Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional. Dulu kalau ADUN Barisan Nasional sebelum ada BEBAS, mereka dimanja-manjakan. Sekarang ada BEBAS mereka dianaktirikan, *2<sup>nd</sup> Class*, yang *1<sup>st</sup> Class* siapa? ADUN yang anti BEBAS. Saya kasihan

dan simpatilah. Tak apalah biarlah kerana itu Perdana Menteri 1 Malaysia yang cakap tidak serupa bikin dan seterusnya...

Tuan Speaker, saya cukup bersetuju, saya cukup bersetuju dan menyokong penuh bahawa slogan baru, slogan baru Barisan Nasional khususnya Barisan Nasional Negeri Selangor yang dilancarkan baru-baru ini iaitu *Stop BN PRU ke-13*. Ataupun berhentikan tamatkan BN pilihan raya yang ke-13 kerana majoriti rakyat kita tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Jawa, Banjar dan lain-lain memang sudah bersedia dari awal dan tidak sabar-sabar lagi menunggu masa dan ketika tarikh keramat untuk *stop* kan BN pada pilihan raya akan datang bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi di peringkat Pusat sebab slogan tu sudah ada. *Stop BN*. Jadi tahniahlah saya ucapkan kepada BN sebab BN pun sedar jadi mana-mana yang macam seperti Templer kalau boleh pertimbangkan Pakatan Rakyat kerana kita bekerja kuat untuk rakyat, pertimbangkanlah.

Tuan Speaker, berbalik kepada soal kecekapan pengurusan Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar hutang-hutang dari projek usaha sama di antara anak syarikat Negeri dan anak Syarikat Swasta yang sebelum ini dilesapkan ataupun digelapkan sudah berjaya di jelma semula dan seterusnya pihak syarikat swasta terpaksa akur,akur dan menerima hakikat dan mula membayar balik secara berperingkat-peringkat duit kepada hutang dulu yang dilesapkan kepada Kerajaan Negeri. Contoh yang saya sebutkan tadi adalah daripada Talam Corporation mana baru-baru ini telah bersetuju untuk bayar RM 392 juta yang selama ini digelapkan atas pertolongan Sungai Panjang, digelapkan, rakyat Negeri Selangor tak tahu ke mana duit itu pergi. Inilah sedihnya, saya cukup kesal dengan kelakuan seperti ini dan saya menyambut baik rancangan yang akan dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu program *Micro Credit*, Program *Micro Credit* yang sejumlah saya dimaklumkan, sejumlah RM 50 juta akan diperuntukkan dalam program ini. Tujuannya tidak lain tidak bukan adalah untuk membantu peniaga-peniaga kecil-kecilan di seluruh Negeri Selangor tidak kira Cina, Melayu, India, Jawa, Banjar semuanya kita bantu dengan syarat menepati kriteria yang kita tetapkan. Saya memang mengalu-alukan program *Micro Credit* ini kerana rata-rata peniaga-peniaga kecil-kecilan di Negeri Selangor ini mereka menghadapi kesukaran kesulitan untuk mendapat pinjaman daripada Bank Commercial dan dengan perlu dokumen yang lengkap dan sebagainya tetapi kalau dengan *Micro Credit* ini kita buka seluas-luasnya dengan syarat kriteria yang kita tulis, kita syaratkan saya percaya rakyat di bawahan khususnya peniaga-peniaga kecil-kecilan IKS, penjaja-penjaja akan mendapat manfaat yang baik daripada kerajaan Pakatan Rakyat dan saya juga suka ingin suka mencadangkan agar kaedah, satu kaedah Islam yang lebih tersusun, yang lebih bermanfaat iaitu cara Kado Hassan, pinjaman Kado Hassan ini dipraktikkan sekiranya boleh kerana dia tidak mengenakan riba pada peminjam-peminjam dan orang Islam yang meminjam ini akan rasa lebih selamat. Ini saya cadangkan.

Seterusnya Tuan Speaker, saya juga ingin meminta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar boleh mempertimbangkan, kalau boleh daripada RM 50 juta selepas ini ada lagi kutipan-kutipan hutang daripada Talam dan syarikat-syarikat lain khususkan satu dana peruntukan khas kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah, PDT di seluruh 9 di seluruh Negeri Selangor ini, peruntukan satu jumlah lebih kurang RM 20 juta ke RM 30 juta, satu jumlah untuk dikhususkan untuk pembangunan luar Bandar, kampung-kampung, jalan-jalan kecil-kecilan supaya pembangunan di kampung-kampung ini dapat kita kemaskinikan infrastrukturnya kerana apa, bukan Kerajaan Negeri Selangor tidak mampu melakukan tetapi cukai yang kita bayar sudah kita bayar kepada Pusat tetapi geran yang sepatutnya kita dapat, peruntukan yang sepatutnya kita dapat daripada Kerajaan Kementerian Luar Bandar untuk PLB ini sekarang ini sudah disekat kerana apa, cemburu politik..cemburu politik dari pihak Barisan Nasional maka dengan

itu kita ketandusan sedikit dana. Ini saya akui, saya akui kita Pakatan Rakyat kita ikhlas kita akui memang ada ketandusan kekurangan di sini. Maka dengan itu saya panjatkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar agar pertimbangkan dalam setengah tahun ini, kalau boleh kita peruntukan jumlah RM 30 juta kepada semua 9 Pejabat Daerah supaya jalan-jalan kampung kita perkemaskan, jambatan-jambatan kecil dan sebagainya, saya rasa kalau dengan cara seperti ini rakyat akan terus mendukung Pakatan Rakyat pada pilihan raya yang akan datang, Insya-Allah. Itu sahaja dan seterusnya Tuan Speaker, salah satu faktor utama yang menyumbang kepada secara langsung kepada peningkatan, kecekapan dan keberkesanan serta ketelusan seperti yang terbiarkan tadi Seri Serdang, Yang Berhormat Seri Serdang, ketelusan, kebertanggungjawaban, keupayaan ialah pembaharuan yang dilakukan oleh dewan. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh dewan yang dipimpin oleh Tuan Speaker, dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan wujudnya jawatankuasa-jawatankuasa pemilihan khas seperti SELCAT, seperti Jawatankuasa pilihan Khas PADAT, Pejabat Daerah dan Tanah dan Jawatankuasa khas PBT, Jawatankuasa pilihan khas ABAS, anak syarikat, agensi dan sebagainya. Jawatankuasa-jawatankuasa seperti ini tidak pernah wujud 50 tahun yang lalu hanya wujud selepas kepimpinan baru Pakatan Rakyat. Tujuan kita mewujudkan jawatankuasa ini adalah untuk memantau selia, membantu melicinkan pengurusan pemantauan pentadbiran Kerajaan Negeri supaya kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor akan lebih terus keupayaan dan kebertanggungjawaban, prinsip ini akan terus kita lakukan dan baru-baru ini dua tiga beberapa pendengar-pendengar Pendengaran Awam yang dilakukan oleh SELCAT ini telah mendapat sokongan yang penuh daripada orang ramai rakyat jelata di mana kita bukan sahaja menyiasat peruntukan ADUN yang disalah gunakan khusus oleh Barisan Nasional dalam tempoh masa 2 tahun RM 500 ribu, 2 bulan habis, ada yang 14 hari pun habis dan tetapi dalam masa yang sama demi untuk mendengarkan keadilan untuk semua kita juga menyiasat, memberi , memanggil wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat termasuk EXCO, ADUN-ADUN untuk menjadi saksi memberi keterangan ini bukti ketelusan kita, kita tidak pilih bulu dan pilih kasih. Inilah budaya baru politik baru di Negeri Selangor. Mana-mana yang tak bisa mengikuti politik baru di Negeri Selangor ini bolehlah pergi ada satu kelas khas motivasi seperti yang dicadangkan oleh Taman Templer ini supaya mereka boleh masuk SPIES yang diketuai oleh EXCO dari Selat Klang, dari Sungai Serdang, dari Sungai Panjang yang mereka tidak boleh buat anjakan paradigma, tolong daftarkan mereka untuk masuk Program Spies supaya mereka faham akan budaya politik baru. Saya percaya program yang disusun oleh Yang Berhormat ini cukup mendatangkan manfaat kepada mereka yang ketinggalan zaman ini, dan Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang apa masalah yang berlaku di Sekinchan di kawasan tempatan saya, sebentar tadi saya telah membangkitkan soal pemberian geran, hak milik tanah bahagian Sekinchan sebanyak 183 sudah diberikan tanah dan syabas diucapkan dan seterusnya terdapat juga daripada Lorong 6 hingga Lorong 12 bahagian Sekinchan yang mereka bersebelahan yang kita beli sekarang ini yang kita beli Lorong 1 hingga Lorong 5 masih menghadapi masalah tidak menerima hak milik tanah kerana status tanah mereka ini adalah di atas Tanah Rizab Melayu... Tanah Rizab Melayu. Oleh itu walaupun penduduk yang duduk di situ lebih 30 tahun..40 tahun tetapi tidak dapat diproses maka dengan itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar segera mencari satu kawasan untuk membuat gantian supaya masalah mereka ini kita dapat selesaikan, kita tidak mahu seperti Barisan Nasional 50 tahun setiap pilihan raya menggula-gulakan, membuat janji yang tidak serupa bikin tetapi apabila menang pilihan raya semua terlupa, kita tidak mahu. Kita akan cuba sokong, cuba beri pertolongan yang sewajarnya kepada penduduk Bahagian Sekinchan dan satu lagi perkara yang saya ingin sentuh tentang penduduk di Kampung Penerangan Parit 5 Sekinchan di mana kampung ini adalah kampung tradisi masyarakat orang Melayu di situ. Majoritinya adalah ahli-ahli UMNO tetapi atas keprihatinan Kerajaan Pakatan Rakyat walaupun mereka duduk di situ lebih 30 tahun tidak ada hak milik geran, tanah tidak diberikan walaupun dijanjikan oleh pemimpin mereka seperti Sungai Panjang dan Ahli Parlimen

Sungai Besar dan sebagainya tetapi apabila Pakatan Rakyat mengambil alih, dapat mandat daripada rakyat, kita memproses tanpa kira parti politik, tak kisah mereka ini ahli-ahli UMNO, saya sebagai ADUN Sekinchan, saya menyokong penuh pemberian hak milik kepada mereka, tidak ada masalah, yang mereka sokong tidak ada masalah, itu bukan bicara kita, pertimbangan kita. Jadi kita berikan dan pada tahun yang lepas Yang Amat Berhormat dan EXCO Kerajaan Negeri telah meluluskan 55 hak milik geran kepada penduduk Kampung Penerangan. Ini cara, kerja Pakatan Rakyat tetapi ada satu masalah yang timbul selepas pemberian hak milik ini. Masalah yang timbul itu ialah premium yang dibayar yang dikenakan terhadap mereka ini yang rata-rata daif miskin, agak tinggi. Sekarang ini satu kaki persegi lebih kurang 15 ringgit, menurut juruukur penilaian dari Jabatan Penilaian Negeri Selangor. 15 ringgit dan satu tapak rumah yang mereka duduk mereka terpaksa membayar 10 hingga 20 ribu bagi mereka ini adalah satu bebanan yang agak berat, maka dengan itu mereka telah membuat surat rayuan kepada Kerajaan Negeri, agar kalau boleh dikurangkan premium.

Maka dengan itu, saya sebagai ADUN Sekinchan, wakil rakyat di situ saya memanjangkan perkara ini, nak mintak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kalau boleh kita beri bukan sahaja di Hulu Selangor, apabila pembangkang tuduh kita nak guna-gunakan tidak. Di Bahagian Sekinchan, di Parit 5 kita bagi. Kalau boleh kita semak bagilah satu kaki satu ringgit pun tak apa yang penting mereka betul-betul dapat menikmati nikmatnya, rasanya permintaan Pakatan Rakyat mereka tahu kita prihatin kepada mereka. Minta pertimbangkan lah Yang Berhormat Dato' Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Permatang nak juga. Bagilah.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Sekinchan, saya nak minta mohon pandangan Yang Berhormat Sekinchan mengenai ketelusan yang disebut tadi mengenai pembahagian tanah yang mana tanpa memilih parti dan sokongan. Baru-baru ini pada awal April, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyampaikan Borang 5A di SKC, Hulu Selangor dan satu peristiwa yang agak memeranjatkan apabila seorang individu yang saya sendiri dapat jumpa dan dapat tanya apa masalah mereka beritahu individu yang seorang ini lahir di situ, besar di situ, beranak di situ, berkeluarga di situ, suami pun bekerja di SKC, tetapi oleh kerana dia itu mungkin Ahli UMNO, maka namanya dikeluarkan. Itu sahaja, minta pandangan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, ingatan daripada Permatang. Ya Permatang yang dulu tak matang tapi ini matang sedikit tetapi pun kurang sikit matangnya. Sebab dia tidak menyiasat fakta, tetapi walau bagaimanapun tak ada masalah sudah diungkit kan. Kira saya minta Kerajaan Negeri, kita sebagai satu kerajaan yang terbuka, prihatin dan bertanggungjawab tolong siasat sama ada dakwaan daripada Y.B Permatang ini benar atau tidak. Siapa nama tolong beritahu lah ya. Tolong beritahu, panjangkan tak ada masalah EXCO kita sentiasa mendengar rintihan daripada rakyat, termasuk daripada Permatang wakil rakyat, tidak ada masalah. Kalau boleh tolong, kita akan tolong itu saja. Ini kerajaan Pakatan Rakyat dia lain dari Barisan Nasional. Barisan Nasional dia banyak protokol nak jumpa pun susah, ini tidak kita boleh jumpa seperti pemimpin kita boleh jumpa di warung kopi, tak ada masalah. Rakyat boleh jumpa bila-bila masa, jadi masalah yang dibangkitkan itu, kerajaan ambil maklumlah, itu saja dan Tuan Speaker saya juga beberapa kali membangkitkan beberapa perkara tentang soal pentadbiran PBT ini tetapi saya nampak kebelakangan ini PBT di seluruh negeri Selangor ini, imej dan perkhidmatan penyampaian ada sedikit peningkatan daripada sebelum ini. Namun begitu saya nampak masih ada kelemahan, ada rungutan, ada *complaint* mengatakan seperti

yang diutarakan oleh Bukit Antarabangsa, di mana sampah sarap masih ada longgokan-longgokan di sana sini. Seperti Kapar, di mana-mana tempatlah yang ada, oleh kerana Alam Flora dan sebagainya kurang efisien sebagainya. Saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian penuh dan seterusnya disoal aspek yang ingin saya tekankan ialah terdapat juga GLC-GLC Gamolin Company dengan izin yang banyak hutang cukai pintu kepada PBT-PBT kita, tengok rekod semak, yang hutang selain daripada swasta, individu, GLC juga banyak hutang dan menyebabkan hasil mereka yang dikutip tidak mendapat sasaran oleh sebab GLC. Maka dengan itu, saya nak mintak Y.A.B Dato' Menteri Besar selaku pengerusi kepada semua GLC ini memantau selia dan ambil tindakan terhadap GLC yang ingkar dan tindak menunjukkan amalan dan teladan yang baik untuk membayar cukai pintu, kalau kita sendiri pun tidak bayar, tak payah akan ikut teladan kita. Ini satu amalan yang tidak sihat yang saya nampak di sini dan seterusnya juga saya juga menerima *complaint* aduan tentang PBT ini di mana masih ada lagi pegawai-pegawai yang ingkar, yang cuba menggunakan taktik-taktik tertentu dengan peruntukkan melalui indeks apabila kerja-kerja 20 ribu ke bawah 20 ribu ini mereka keluarkan tetapi mereka menggunakan *claim* gambar yang lama, tapi apabila you lawat, pergi lawat tapak asal tidak ada kerja apa-apa tapi gambar yang dikeluarkan untuk *claim* adalah gambar sebelum ini. Jadi kalau ada perkara-perkara seperti ini kalau ada benarnya saya mintaklah pihak kerajaan, EXCO, PBT tolong pantau perkara ini. Ini cukup penting kerana ini melibatkan wang rakyat, kalau ada kerja betul dilakukan kita baya, harus bayar. Tetapi kerja kalau tidak dilakukan tetapi di *claim* ini satu penyelewengan, jadi kita pantau perkara ini cukup penting dan seterusnya ada sedikit masalah tentang kekurangan rumah di Sekinchan khususnya di kawasan Sekinchan khususnya di *Side A*, di kawasan bendang di kawasan *Side A* di mana ramai anak-anak muda yang baru nak berkahwin tidak ada rumah kerana kekurangan tanah, tanah di Sekinchan cukup hanya sedikit dan banyak semua adalah tanah bendang, tidak boleh di tukar syarat yang ada tanah kerajaan hanya sedikit sahaja. Oleh itu, ada sekeping tanah di *Side A* Sekinchan yang telah dipanjangkan dihantar kertas kerja ke MTES tetapi ditangguhkan sekarang ini satu pendengaran awam telah dibuat, saya mintak kerajaan negeri segerakan proses kelulusan supaya rumah-rumah yang dibina di situ dapat dibeli oleh penduduk-penduduk yang betul memerlukan rumah ini satu keperluan di situ kerana mereka sering tanya saya datang ke pejabat mengadu bila projek itu akan dijalankan, mereka mengharapkan dah *standby* wang ringgit untuk membeli rumah tetapi tak ada rumah untuk dibeli. Ini satu perkara serius Tuan Speaker, dan seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kumpulan Semesta Sdn. Bhd di mana pada tahun ini Tahun 2009 sebanyak 8.21 juta telah berjaya dikutip daripada royalti pasir, satu pencapaian yang boleh kita bangga tetapi masih di tahap yang boleh dipertingkatkan kerana kalau kira daripada bahan batuan seperti pasir di negeri Selangor ini, saya rasa pencapaian 1 kali ganda ke atas sekiranya pengurusan Semesta ini telus bertanggungjawab nak mengadakan pemantauan yang lebih berkesan saya harap pengurusan Semesta pada tahun 2010 ini akan melipatgandakan kerja dan dapat meningkatkan keuntungan supaya program-program merakyatkan ekonomi Negara Selangor MES ini dapat peruntukan yang lebih daripada keuntungan tersebut ini satu kebaikan dan kebajikan untuk rakyat iaitu hasil masuk yang kita terima dari rakyat, kita pulangkan pada rakyat untuk dinikmati oleh semua rakyat negeri Selangor, ini yang cukup penting. Sebagai akhir saya ingin merumuskan dengan satu pantun "Kemiskinan kami nak basmi, baru dua tahun PR memerintah, Berilah peluang kepada kami, Untuk membasmi gejala rasuah". Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** *Assalamualaikum w.b.t.*  
salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih.



**TUAN SPEAKER:** Ya, Y.B. selepas ini semua saya berikan masa 20 minit untuk setiap ahli yang mengambil bahagian.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada Paya Jaras untuk memberikan ucapan ataupun dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Selama 2 penggal saya berada di dalam dewan ini, saya dapati bahawa titah Tuanku yang terpendek adalah pada penggal kali ini. Namun demikian, setelah saya amat-amati bahawa titah Tuanku mempunyai 1 makna yang begitu luas yang perlu kita sama-sama ambil iktibar untuk kita menjayakan hasrat rakyat dan juga apa yang telah kita perbahaskan selama ini. Maka tidak perlu kita menuding jari begitu banyak kepada pihak-pihak yang tertentu jangan kita bercakap seperti orang yang mabuk ataupun sedang mabuk, ataupun seperti orang yang sedang mabuk kuasa. Namun demikian saya ingin mengambil kesempatan di sini ingin membahaskan iaitu pada 9 November tahun lalu sidang Dewan Negeri telah meluluskan bajet tambahan sebanyak 392 juta ringgit Malaysia untuk sayap pelaburan Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Menteri Besar, MBI untuk membiayai hutang yang ditanggung oleh Talam Corporation kepada beberapa agensi kerajaan. Ini juga telah dibincangkan sebelum ini oleh beberapa ADUN dan secara prinsipnya adalah tidak bermoral dan tidak beretika kita menggunakan duit kerajaan ataupun duit rakyat dia sendiri untuk membeli mengambil alih hutang yang dibuat oleh sebuah syarikat swasta. Padahal kaedah menyelamatkan syarikat swasta dan korporat ini ditentang dulu habis-habisan oleh Pakatan Pembangkang ketika era krisis ekonomi tahun 1988. Justifikasi kaedah kerajaan membantu syarikat bermasalah ketika itu adalah untuk menyelamatkan ekonomi negara secara keseluruhannya akibat ketidakupayaan mantan Menteri Kewangan ketika itu dan kini penasihat ekonomi Negeri Selangor sendiri mengeluarkan negara dari kemelut ekonomi akibat serangan Spekulator mata wang, tetapi mengapa kini kaedah tersebut digunakan kerana masalah hutang Talam ini tidak akan menjejaskan ekonomi negeri Selangor keseluruhannya iaitu satu masalah tetapi kenapa tidak digunakan secara kutipan yang biasa seperti dahulu, adakah perkataan Pembangkang kini menjadi kerajaan negeri sudah berubah dan mengadakan prinsip atau yang Y.A.B Menteri Besar terlalu cerdik sehingga semua EXCO, ADUN Pakatan Rakyat keseluruhan diperbodohkan. Pengambilan hutang Talam Corporation oleh kerajaan negeri adalah satu pengumuman secara silap mata kewangan dalam sektor korporat yang dikenali sebagai "*Round Tripping*" yang dimaksudkan oleh ADUN Bukit Antarabangsa, antara strategi "*Round Tripping*" ini ialah syarikat menjual aset yang telah digunakan yang tidak digunakan kepada syarikat lain dan pada masa yang sama setuju untuk membeli kembali aset yang sama atau yang bersama nilainya pada harga yang sama. "*Round Tripping*" bertujuan untuk menunjukkan peningkatan untung dalam akaun, biarpun tiada untung sebenar, ia banyak dilakukan syarikat-syarikat di bursa saham untuk memberi keyakinan kepada pelabur. Kaedah *Round Tripping* ini biasa digunakan oleh penyangak korporat, memetik kata-kata mantan Setiausaha Agung PR Dato' Salahudin Hashim yang turut mengkritik pembelian hutang Talam Corporation ini sebagai kata ini adalah muslihat lama yang digunakan oleh penyangak-penyangak di dalam korporat dengan izin "*This is old trick use by the crooks in the corporate sector*". Persoalannya siapakah penyangak-penyangak ini tepuk dada tanya selera, sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Maka kaedah *Round Tripping* yang digunakan oleh kerajaan negeri ketika ini dianggap penyelewengan kerana ia bertujuan untuk menunjukkan tambahan pendapatan besar dalam akaun kerajaan negeri, walhal keuntungan ini tidak tulen walaupun aset-aset hutang Talam ini merupakan milik anak syarikat kerajaan negeri namun ia dimasukkan ke dalam akaun kerajaan negeri sebagai bayaran hutang mereka kepada Kerajaan Negeri.....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker saya ingin mencelah. Saya berharap kenyataan ini, direkodkan supaya menunjukkan Paya Jaras kurang faham tentang cara pembuatan itu: Tak ada kerugian kepada negeri dan saya dah beri ceramah mengenai perkara

ini di UNISEL sendiri pada "*Post Graduate Student*" untuk menerangkan cara, boleh jadi tujuan ini tidak murni, jadi saya harap Paya Jaras jangan membuat kenyataan yang tidak betul macam ini. Saya anggap ini bukan satu usaha murni tetapi tujuannya tidak baik untuk mengatakan orang menggunakan cara ini untuk tidak memberikan kebaikan pada negeri. Esok pagi saya sudah sediakan jawapan untuk soalan dari...juga dari pembangkang untuk soalan mulut dan saya terangkan jawapannya. Tapi kenyataan yang dibuat oleh Paya Jaras itu ialah kenyataan yang tidak betul. Dan..aa...saudara boleh berbahas di sini ataupun di luar dan saya boleh bagi ceramah kepada saudara apa yang berlaku dan bagaimana mengakaunkan dan supaya tidak lagi saudara buat mulut yang tak betul macam ni.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Terima kasih. Oleh yang demikian, oleh kerana jawapan dari Y.A.B Menteri Besar sendiri, kita akan mendapat satu jawapan yang telus. Harapan dari kita semua dan saya mohon kepada Y.A.B. supaya jawapan tersebut jelas pada besok pagi " " soalan saya no. 13. Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, oleh ia akan dijelaskan maka saya balik pada beberapa perkara yang ingin saya nyatakan. Pertamanya, saya ingin mendapat penjelasan seperti dalam Dewan Rakyat yang lepas, persidangan yang lepas, bahawa saya pernah bertanya, ini seperti soalan pagi tadi iaitu ada sebuah projek perumahan yang masih terbengkalai di kawasan saya, Paya Jaras. Dan seperti yang telah dijanjikan sebelum ini, bahawa projek tersebut akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Zakat Negeri. Oleh yang demikian saya rasa amat terharu sekiranya perkara ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang telah dijanjikan. Dan apa yang telah menyebabkan keadaan di situ amat teruk dan terbiar sekali, yang menyebabkan masalah-masalah sosial dan juga masalah yang sepatutnya tidak berlaku sekiranya projek tersebut tidak tergendala. Perkara lain yang ingin saya nyatakan bahawa dalam RMK yang Ke-10, Paya Jaras juga telah mencadangkan bahawa cadangan laluan untuk sebuah jalan diadakan atau dibina melalui Bukit Bristol, Ladang Bristol iaitu daripada Kuari yang sedia ada di Paya Jaras. Seperti yang kita lihat pada hari ini dalam SINAR sendiri masalah-masalah yang pencemaran yang berlaku yang terbiar tidak diendahkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang lalu, PBT-PBT dan juga pihak yang tertentu. Maka saya mohonlah sekiranya Y.B. Exco yang terbabit boleh turun sekali lagi bersama dengan Wakil Rakyat atau DUN saya sendiri dan juga Ahli-ahli Majlis untuk kita memantau dan melihat ataupun boleh kita menyelesaikan masalah ini sebaik yang mungkin. Ini oleh kerana perkara ini terbiar semenjak beberapa tahun yang lepas dan janji demi janji telah pun diminta ataupun telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu apabila semenjak dahulu lagi hinggalah dua tahun yang berlalu Pakatan Rakyat sendiri telah menjanjikan bahawa cuba menyelesaikan masalah-masalah ini. Maka sekiranya permohonan tersebut diluluskan dalam RMK 10 maka saya berasa perkara ini mungkin kita dapat selesaikan dengan baik. Cuma satu perkara ia melibatkan pihak-pihak tertentu seperti Kerajaan Negeri dan sebagainya. Maka kerjasama daripada dua pihak iaitu daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri perlu ada dalam perkara ini. Apa yang kita lihat tadi adalah sebenarnya perbalahan bertikam lidah begitu banyak sekali. Ada usul-usul yang telah pun dibawa di peringkat Parlimen, di Sidang Parlimen, maka saya yakin tidak perlu kita untuk membahaskan perkara remeh-temeh itu yang telah pun dibahaskan, pun dijawab oleh pihak-pihak yang terbabit. Maka saya rasa kita mengambil masa yang begitu pendek pada hari ini dan esok mungkin yang saya dengar akan tamat perbahasan malam besok maka tentulah apa yang kita nak bahaskan di sini adalah perkara-perkara yang boleh menambah baik pada semua masyarakat. Dan apa yang kita nak bahas selain daripada itu kita turun sama-sama ke Hulu Selangor dan kita pastikan bahawa kita bendera masing-masing. Begitu juga Barisan Nasional kita tidak akan mengalah dan kita pasti kita akan berusaha penuh, yakin kepada rakyat bahawa sekiranya ada kesilapan kami, Barisan Nasional, kami akan baikpulih dan Insya-Allah di Hulu Selangor adalah medan kita untuk sama-sama menentukan sama ada kita, Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat akan terus menerajui Negeri Selangor itu. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh*.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker.....

**TUAN SPEAKER:** Ya Bangi.....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Bangi berdiri untuk membahaskan usul terima kasih di atas titah DYMM Tuanku semalam. DYMM Tuanku telah memuji kerajaan Pakatan Rakyat setelah selama dua tahun memerintah telah berjaya umpamanya dari segi merakyatkan ekonomi Negeri Selangor, pelaburan yang baik, Pentadbiran secara telus, harmoni masyarakat, menekan industri Teknologi Tinggi, Perkhidmatan Pengangkutan, menekankan guna Indeks Ukuran Prestasi, Modal Insan dan Sukan. ADUN Bangi ingin menyentuh ke dalam bidang Modal Insan sahaja. Dari segi modal insan ini memang kita maklumi bahawa negeri Selangor amat menekankan dari segi Pendidikan. Tetapi dalam hal tertentu kita melihat umpamanya dari prestasi sekolah-sekolah di Negeri Selangor ini sendiri kita kadang-kadang meragui tentang keputusan yang dikeluarkan. Oleh kerana barangkali Negeri Selangor ini bukan berpihak atau di sebelah Kerajaan BN, umpamanya bagi tahun ini dipilih 20 buah sekolah Berprestasi Tinggi, dalam mana kita lihat untuk peringkat sekolah menengah hanya sebuah sekolah sahaja yang dipilih dari negeri Selangor iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah di Klang. Tetapi Sekolah Menengah harian daripada empat buah Sekolah Menengah harian seluruh Malaysia yang diangkat kepada Sekolah Berprestasi Tinggi, sebuah sekolah di Bandar Baru Bangi yang pada masa keputusan diumumkan adalah merupakan sekolah harian terbaik di seluruh Malaysia iaitu Jalan 4, Bandar Baru Bangi, sekolah harian, tetapi tidak termasuk di bawah sekolah yang Berprestasi Tinggi. Saya bimbang oleh kerana Bangi ni ialah dalam Negeri Selangor sebagai negeri bukan pihak BN, maka sengaja di...tidak diangkatkan sekolah ini menjadi sekolah antara sekolah harian yang Berprestasi Tinggi. Selain daripada itu sekolah rendah sendiri kita di Selangor hanya dua buah sekolah sahaja yang dipilih iaitu Sekolah Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur dan Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Yang lain-lain tidak termasuk daripada Selangor sebagai sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Ini barangkali oleh kerana kita memang tidak mendapat kerja sama yang baik daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk kita memberi perhatian terhadap anak-anak kita yang juga bersekolah di sekolah Kerajaan Persekutuan. Kita tidak boleh masuk di sekolah-sekolah berkenaan bahkan anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah berkenaan pun kalau kita nak bimbing mereka tidak boleh melalui sekolah berkenaan tetapi hanya bekerjasama dengan ibu bapa melalui luar daripada sekolah itu. Padahal benda ni kalau diberi kerjasama ini adalah untuk kepentingan anak-anak kita. Untuk makluman contoh daripada tuisyen yang kita bimbing baru-baru ini bagi tahun 2009, contoh di Bandar Baru Bangi, kita telah membimbing seramai 110 orang pelajar SPM. Dari hasil keputusan yang telah kita pantau dan kita buat statistik menunjukkan bahawa peningkatan yang nyata dalam semua mata pelajaran yang kita bimbing. Umpamanya dalam Bahasa Malaysia dari 110 orang pelajar yang kita bimbing 100% daripada lulus. Padahal pada tahun 2008 hanya 97% sahaja dari pelajar ini yang lulus dalam Bahasa Malaysia...pelajar yang samalah yang kita ambil daripada keputusan percubaan sebelum padanya. Bahasa Inggeris lulu meningkat 100% daripada 70% sebelum padanya kepada 71%. Matematik meningkat daripada 78% kepada 91% dan Sejarah meningkat daripada 76% kepada 78%. Antara mereka daripada 110 orang ni seorang dapat 7A dan seorang lagi 5A. Mereka ni adalah anak-anak miskin yang di bawah paras....apa ni.....1500 pendapat...aa...gaji orang tuanya.....saya minta maaf Tuan Speaker terpaksa minim sikit. ..So, kita mengira kalau kita mendapat galakan bersama dengan sekolah, Persatuan Ibu bapa dan sebagainya, kita dapat meningkatkan prestasi anak-anak kit di sekolah-sekolah Kerajaan itu. Setakat ini kita hanya bekerja dari luar sahaja dengan tidak mendapat kerjasama daripada pihak sekolah dan juga pihak ibu bapa. Dari satu segi pula kita daripada Sekolah Menengah Agama di Negeri Selangor ini yang telah dikeluarkan oleh JAIS

bagi tahun 2009 daripada...lebih daripada 200 Sekolah Menengah Agama itu dalam mana 2267 pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Menengah ESMA, 84% adalah lulus iaitu meningkat 1.7%daripada tahun 1998. Manakala apa ni tadi, kalau kita lihat mereka ini, mereka yang lulus ni, Tuan Speaker, hanya satu daripada 8 orang yang lulus dengan tuntas yang paling baik yang berpeluang menyambung ke Sekolah Menengah Agama. Sebab itu sepatutnya kita memberi peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar Sekolah Agama ini dengan memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah yang sedemikian. Barangkali tidak begitu bijak bagi kita membuat polisi. Sebagaimana kita maklum maknanya Selangor tidak akan menambah lagi Sekolah Menengah Agama ini. Hanya kita mengharapkan kepada 23 buah Sekolah Menengah yang kita serap daripada Kerajaan Persekutuan dan sekolah ini pula kita tak dapat masuk pun. Yang anehnya sekolah kita, bangunan kita, tanah kita dan sebagainya tetapi bila kita serah kepada mereka kita tidak dapat masuk dan kita tidak dapat menentukan polisi sepenuhnya daripada menerima pelajar-pelajar khususnya dari sekolah-sekolah yang kita latih di bawah Sekolah Agama pada bawah Kerajaan Negeri kita. Kemudian saya nak menyentuh juga tentang Sekolah Rakyat. Kita mempunyai masalah yang kita warisi daripada Kerajaan Persekutuan dalam mana sekolah-sekolah ini selama ini tidak diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan iaitu melibatkan Sekolah Tamil sebanyak 97 buah, sekolah di Negeri Selangor dengan murid-murid 35,104 orang, Sekolah Cina, 108 buah dengan muridnya 123,107 orang dan sekolah yang beraliran Sekolah Islam 260 sekolah dengan 88,154 orang murid. Jadi jumlah sekolah dan murid-murid ini begitu ramai sekali. Dengan peruntukan yang kita beri kepada sekolah-sekolah Tamil seperti RM4 juta, Sekolah Cina RM4 juta, Sekolah Agama RM6 juta sebenarnya amat tidak mencukupi untuk memperbaiki infrastruktur dan juga kemudahan dan juga elaun dan sebagainya di sekolah berkenaan. Sebab itu saya fikir sepatutnya, ertinya kerajaan Negeri memberi perhatian yang lebih untuk memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah ini. Dan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya menambahkan peruntukan ini kerana sekolah-sekolah ini adalah sekolah sewajarnya mereka memberi perhatian yang sama. Selain daripada itu dalam hubungan dengan masalah membina modal insan ini kerana saya diberi tugas juga melihat dari segi perpustakaan khususnya di Hulu Langat. Saya dalam masa diberi tugas ini dapat melihat betapa banyak masalah di perpustakaan-perpustakaan yang mana di negeri kita ini berjumlah sebanyak 91 buah perpustakaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bangi, saya minta berhenti sekejap kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, disebabkan urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan 1 dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 7.00 malam dan seterusnya bersambung pada jam 8.00 malam hingga 9.00 malam. “

**YB DATO' DR. HASAN BIN ALI:** Saya menyokong usul tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **USUL INI DIPERSETUJUI**.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Di Negeri Selangor kita, kita mempunyai sebanyak 91 buah perpustakaan yang bersifat Perpustakaan Negeri sebuah, kemudian perpustakaan cawangan pekan, desa dan sebagainya. Pengalaman kitalah di Hulu Langat, perpustakaan kurang berfungsi umpamanya kita pernah mencadangkan supaya perpustakaan ini dibuka pada hari Sabtu dan Ahad kerana pelajar-pelajar yang banyak menggunakannya. Bila kita buka pada hari yang lain, pelajar tidak dapat pergi. Bila hari Sabtu dan Ahad kita tutup. Saya telah menulis surat kepada pihak Perpustakaan Negeri, jawapannya kita tak ada tenaga. Sebenarnya boleh di'*rotate*'kan pada hari-hari Isnin, Selasa dikurangkan tenaga kemudian dipindahkan kepada Hari Sabtu dan Ahad supaya murid-murid, pelajar-pelajar dan orang ramai dapat menggunakan pada hari minggu ini untuk mereka ke perpustakaan. Kalau tidak kita lihat perpustakaan itu lengang sahaja memang tidak ada orang pada hari Isnin sehingga hari Jumaat. Jadi perlu difikirkanlah ertinya kalau tak dapat ditambah tenaga yang dapat menjaga perpustakaan dikurangkan pada hari-hari lain dipindah kepada hari Sabtu dan Ahad supaya perpustakaan ini boleh dibuka. Kerana kebiasaannya pada hari Minggu sedemikianlah orang dapat ada peluang untuk mereka pergi ke perpustakaan. Daripada apa yang saya dapat maklumat jugalah, banyak daripada perpustakaan kecil ini tidak bergerak, tidak berjalan, setengahnya ditutup, setengahnya naik lalang dan sebagainya ertinya tidak dimajukan. Bahkan ada perpustakaan di ambang, sebuah daripadanya telah diubah daripada perpustakaan kepada pejabat. Orang kitalah, kalau kita sebut tak sedap jugalah. Jadi perpustakaan itu macam ditutup. Jadi penduduk setempat mengadu jugalah perpustakaan dah bertukar kepada pejabat yang sepatutnya tidak berlaku sedemikian. Jadi ertinya perhatian kita terhadap perpustakaan agak kurang memberangsangkan padahal kita mahu memajukan Selangor sebagai hub pendidikan. Dan kalau kita lihat pada peruntukan pada 2007 iaitu sebanyak RM13,591,236.00 makin menjadi kurang kepada 2008 hanya RM12,633,500.00. Kita tak ada statistik 2009 mungkin lebih rendah lagi ataupun setara. Tapi ertinya jumlah yang sedemikian dengan 91 buah perpustakaan memang tidak mencukupi bagi menjalankan pentadbiran apa lagi untuk menambahkan koleksi buku-buku yang sepatutnya ada di perpustakaan-perpustakaan berkenaan. Pentingnya dari segi ertinya kita memupuk anak-anak kita cinta kepada perpustakaan, memberi tumpuan kepada pelajaran dan sebagainya untuk mengelakkan mereka terjatuh kepada gejala sosial yang boleh merosakkan masa depan mereka. Dalam hal ini kita merasa dukacita dengan statistik yang baru dikeluarkan iaitu pada 8 April 2010 baru-baru ini yang menyebutkan bahawa Negeri Selangor adalah negeri yang paling tinggi dari segi gejala sosial dalam mana buang bayi sebanyak 105 orang iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2010. Manakala dera kanak-kanak, mendera kanak-kanak paling tinggi juga iaitu 3,234 orang. Ini jauh meninggalkan negeri-negeri lain, Negeri Sembilan 799 mendera, Pulau Pinang 891, Perak 861 kecuali Kuala Lumpur iaitu 2,221. Jadi gejala-gejala sosial ini sebenarnya menimbulkan semacam kebimbangan di tengah masyarakat kerana berterusan berlaku terutama membuang bayi dan sebagainya. Jadi kita seharusnya memberi perhatian supaya dapat menyekat gejala-gejala sosial ini dari terus merebak. Saya fikir peranan ini bukan sahaja ertinya pada pendidikan ataupun pendidikan sekolah dan sebagainya tetapi juga bergantung kepada JAIS, pendidikan keagamaan dan sebagainya dan seharusnya diberi perhatian serius supaya perkara ini tidak merebak yang berkait lagi dengan kemungkinan gejala jenayah yang memang banyak berlaku dari segi statistiknya pada 2005 iaitu 157,459 kes, 2006 - 198,622 kes, 2007 - 224,298 dan selepas itu kemungkinan ertinya tidak kurang daripada suku juta kes-kes gejala jenayah ini yang walaupun dikatakan baru ini menurun tetapi sebenarnya tidaklah begitu banyak dari segi penurunannya dari segi gejala sosial ini. Jadi kita harap pihak ertinya Kerajaan Negeri khususnya dari segi pendidikan keagamaan memberi perhatian terhadap masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat kita khususnya di Negeri

Selangor Darul Ehsan ini. Saya fikir setakat itu dahulu. Saya menyokong usul yang dibahaskan di atas titah Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker kerana memberi peluang untuk Teratai mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Tuanku. Puan Timbalan Speaker, kita difahamkan Kerajaan Pusat selalu mewar-warkan slogan 1 Malaysia. Sampai ada Yang Berhormat di sini juga hendak mewar-warkan 1 Malaysia di Dewan yang mulia ini. Tetapi slogan ini selalu ditinggal slogan sahaja yang serupa yang apa yang rakan seperjuangan kita berucap tadi. Cakap tak serupa bikin. Manakala di sebelah Negeri Selangor kita juga nampak ada sebahagian majlis mencontohi slogan 1 Malaysia di PBT-PBT kebelakangan ini. Jadi apabila saya tanya Ahli Majlis mengapa ada slogan sebegitu, mereka jawab mereka sendiri tak tahu siapa yang menentukan hala tuju atau slogan yang diwar-warkan di dalam majlis. Dan di sini saya hendak ingatkan Ahli Majlis merupakan *Board of Director*, dengan izin untuk satu majlis. Jadi semua slogan ataupun hala tuju merupakan satu imej untuk PBT. Jadi ini haruslah ditentukan oleh Ahli Majlis dan bukan sebahagian kakitangan atau penjawat awam. Jadi saya berharap segala hala tuju dan slogan mestilah dapat persetujuan Ahli Majlis dan bukan penjawat awam dan kita juga difahamkan ada sebahagian kakitangan kerajaan juga berucap dalam 1 Malaysia di PBT. Ini bukan dihalang, tak ada masalah tapi mereka betul-betul 1 Malaysia, itu tak ada masalah. Tapi yang saya fahamkan contohnya di PBT MPAJ, pengambilan kakitangan awam yang tidak berbilang kaum berlaku sejak tahun 2008 sampai Mac 2010. pada bulan, tahun 2008 sampai Mac 2010, jumlah pengambilan kakitangan baru adalah 146 orang. Tetapi yang ditawarkan temu duga hanya diberi peluang untuk temu duga di antaranya hanya 5 orang India sahaja, tidak ada orang Cina, 141 adalah Melayu. Jadi inilah, ini sudah bercanggah dengan titah ucapan Tuanku yang mengatakan bahawa segala perbezaan di antara kita merupakan satu aset dan bukan punca perbalahan. Buanglah segala prejudis yang ada kerana apa juga cabaran yang bakal dihadapi tidak pernah mengenalkan warna kulit dan keturunan. Jadi saya membangkitkan isu ini kerana pejabat saya selalu menerima aduan dari kalangan masyarakat yang mana mereka mengadukan bahawa mereka tidak boleh bercakap dalam Bahasa Melayu walaupun mereka ..... dengan izin tetapi beliau ada masalah untuk buat aduan dan dia juga minta pegawai-pegawai di Majlis boleh berucap dalam berbagai bahasa. Mungkin bahasa Jawa juga, Tamil juga ataupun Bahasa Mandarin. Sekarang pejabat saya merupakan satu agen untuk PBT kerana ramai di antara mereka tidak mahu pergi ke PBT untuk buat aduan. Sepatutnya ini semua kerja adalah kerja PBT dan bukan Pejabat ADUN. Dalam isu pengambilan kakitangan, saya berharap semua notis haruslah disiarkan di dalam surat khabar Cina dan Tamil juga. Dan kita hendak pastikan tidak akan masukkan notis di dalam surat khabar Utusan sebab yang saya fahamkan ada sebahagian Majlis masih masukkan dalam Utusan Melayu yang Utusan Melayu sudah diboikot oleh Dewan, di Dewan yang mulia ini pada tahun 2008.

Jadi Puan Timbalan Speaker, kita pun faham isu penjaja adalah satu isu yang memang sakit kepala dan juga menimbulkan banyak masalah di masyarakat. Di kawasan MPAJ merupakan tempat yang mempunyai penjaja yang paling banyak di Negeri Selangor mengikut bilangan gerai. Jadi di antara gerai-gerai, terdapat banyak tapak gerai yang dibina oleh UMNO dan masih sampai hari ini masih UMNO. Ahli UMNO yang mengutip sewaan. Jadi kadar sewaan adalah di antara RM500 sampai RM800 satu gerai yang haram tidak tanpa lesen. Penjaja-penjaja termasuk pasar malam, pasar pagi atau gerai UMNO dalam mewujudkan banyak masalah kebersihan dan juga kesesakan trafik di komuniti yang berkaitan. Jadi saya berharap

Majlis boleh membekukan semua permohonan dan mengehadkan bilangan petak yang boleh disewa kepada para penjaja untuk menyusun semula semua isu-isu tempatan termasuk kebersihan dan juga kesesakan jalan raya. Di sini Teratai juga ingin meminta semua permohonan gerai bermusim haruslah dapat *consentious* daripada Ahli Majlis ataupun Ahli Dewan Negeri untuk memastikan tapak tersebut tidak akan menimbulkan masalah kebersihan dan kesesakan jalan.

Puan Timbalan Speaker, kita baru-baru pagi tadi kita dengar jawapan dari Yang Amat Berhormat mengenai isu tanah dan tol. Saya memang bersetuju peranan kita adalah memantau semua prestasi di Pejabat Tanah ataupun Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat maklumat yang sepatutnya kita haruslah dapat. Kita juga tahu setiap dua, tiga bulan kita semua ADUN adalah satu mesyuarat di Pejabat Tanah tetapi isu-isu yang kita bincang adalah berkaitan dengan jalan raya, trafik, bangunan dan sebagainya. Itu seolah-olah macam satu Majlis Mesyuarat Tempatan tapi melibatkan ADUN sahaja. Jadi saya berasa kalau

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ia, dipersilakan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ia, adakah Yang Berhormat dari Teratai bersetuju dengan saya bahawa Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah ini haruslah lebih fokus dan haruslah lebih menumpukan kepada hal ehwal tanah dan bukannya merayau ke seluruh dunia bercakap tentang kesihatan, veterinar, pertanian semua sekali. Tapi lebih fokus kepada hal ehwal tanah, setuju ke Yang Berhormat.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ini, saya memang 100% bersetuju sebab isu-isu tempatan haruslah ditangani oleh ahli majlis tempatan dan bukannya ahli dewan negeri, kita Ahli Dewan Negeri seharusnya diberi peranan yang lagi penting dalam pemantauan dan untuk menentukan pembangunan satu kawasan, jadi sudah berkali-kali kita mesyuarat dalam pejabat tanah tetapi saya juga berkali-kali meminta supaya isu-isu tanah, mana TOL yang sudah diluluskan, mana tanah yang sudah diluluskan atau pemohon di mana dikemukakan kepada Ahli Dewan Negeri tetapi tidak ada tindakan sampai hari ini, walau pun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga memberi saranan pada sidang dewan tahun lepas yang akhir, tetapi supaya Ahli Dewan Negeri boleh membincang ataupun mengetahui apa perkembangan mengenai tanah-tanah yang apa yang di kawasan mereka masing-masing, tetapi masihlah kita bermesyuarat untuk membincang isu tempatan sahaja. Jadi, Teratai ingin mencadangkan kalau untuk peranan pemantauan, segala permohonan tanah atau TOL laporan atau [cc copy] dengan haruslah dihantar kepada Ahli Dewan Negeri yang berkenaan kita minta satu salinan sahaja diberi kepada ADUN semasa permohonan jadi kalau kita nampak ada unsur-unsur yang luar biasa Ahli Dewan Negeri boleh tanya, itulah cara kita boleh buat pemantauan. Kalau tanah atau TOL sudah lulus barulah kita sedar ada masalah, jadi bagaimanakah kita boleh memantau.

Jadi, Puan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pagi tadi kita juga ada bincang isu draf rancangan tempatan dalam jawapan soalan mulut, kita tahu pada tahun 2009 draf-draf rancangan telah dikemukakan di PBT-PBT masing-masing, salah satu draf yang dikemukakan di MPAJ, dibuat oleh syarikat perunding Urban Research Sdn Bhd setelah diteliti oleh konsultan-konsultan atas jemputan Teratai, masalah yang terbesar ataupun yang kritikal dalam draf itu ialah draf itu tidak mempunyai plot *re-shaw* yang mana itu adalah *crue-show* untuk semua draf rancangan plot *resource* kalau satu draf tidak ada plot *resource*

bagaimanakah kita boleh menentu, di manakah tempat kita nak bina rumah ibadat, mana kah kita nak bina sekolah tidak ada statistik dan sokongan.

Satu lagi isu yang serius di dalam draf rancangan MPAJ ialah semua pelan-pelan yang di dalam rancangan draf itu tidak boleh dibaca langsung, apa maksud tidak boleh dibaca langsung dia ada pelan tapi semua dalam satu muka surat atau A3 sahaja, jadi macam mana kita tahu itu kawasan lapang ke? atau kawasan sekolah atau kawasan tanah rizab untuk sungai ataupun jalan tak nampak langsung, jadi ini amat serius dan juga, walaupun kita baca cd juga ada satu cd, tapi kita tidak boleh *zoom* ini juga, kalau pelan itu tidak dapat dibaca bagaimanakah penduduk tahu kawasan lapang mereka ada pembangunan yang baru ataupun ada perubahan.

Puan Timbalan Speaker, jadi kalau mengikut pandangan saya dengan konsultan draf Rancangan MPAJ haruslah di buat sekali lagi sebab ia tidak mengikut standard yang sepatutnya, ini bukan kesalahan PBT tetapi syarikat konsultan yang ambil projek itu, ia tidak profesional, kalau pihak kerajaan tidak percaya saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan melantik satu konsultan untuk memberi pandangan, saya juga faham kerja ini memang leceh, tetapi adalah satu rancangan tempatan untuk 10 tahun. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kita haruslah keluarkan draf yang boleh dibaca dan diteliti oleh orang ramai dan bukan buku yang tidak boleh dibaca.

Teratai juga, merasa hairan selepas mendengar EXCO dalam sesi bertanya mulut iaitu, walau pun draf rancangan ini melibatkan peruntukan kerajaan tetapi Ahli Dewan Negeri tidak diberi peranan, jadi semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di dewan yang mulia ini merupakan wakil rakyat, pandangan Ahli Dewan Negeri haruslah diberi prioriti, kalau katakan ahli majlis tempatan boleh melibatkan diri dalam proses [*screening true*] tetapi mengapa wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat tiada peranan dalam draf rancangan, jadi kalau kita lihat, jadi Teratai ingin memohon supaya pandangan Ahli Dewan Negeri termasuk ahli pembangkang di sini juga diambil berat, kalau tidak kita merasa ada masalah untuk menjawab soalan-soalan daripada rakyat, sebab rakyat yang pilih kita, kita yang pilih ahli majlis jadi, inilah perbahasan saya hari, sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam satu Malaysia, Sungai Burong ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberikan ucapan dalam perbahasan menjunjung kasih, titah DYMM Sultan Selangor di Mesyuarat Pertama pembukaan, penggal ketiga Dewan Negeri Ke Dua Belas Tahun 2010. Sungai Burong mengucapkan setinggi terima kasih pada titah DYMM Tuanku yang telah memberikan nasihat dan pandangan terutamanya dalam mengingatkan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri supaya fokus kepada isu-isu pembangun yang membawa kepada kesejahteraan negeri dan jangan banyak berpolitik, di samping itu, kita juga harus bersyukur dengan pembangunan yang telah pun dinikmati di Negeri Selangor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sesungguhnya Negeri Selangor amat bertuah kerana telah berjaya keluar daripada kemelesetan ekonomi dan juga dapat mencapai pertumbuhan yang baik, dan ini sebenarnya telah dicapai oleh usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat yang telah berjaya melalui projek rangsangan ekonomi mengeluarkan negara kita daripada kemelut ekonomi selama 2 tahun yang lepas dan hari ini kita telah melihat petunjuk-petunjuk yang begitu baik dari segi kadar pertumbuhan ekonomi yang telah dapat dinikmati oleh negara



kita ini dan saya rasa Negeri Selangor dengan tidak banyak berbuat apa-apa pun telah dapat menikmati pembangunan tersebut yang telah dapat dinikmati oleh seluruh rakyat jelata.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun nampaknya DYMM Tuanku telah mengingatkan kita supaya jangan banyak berpolitik dan mempolitikkan isu-isu, tapi nampaknya hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat masih terperangkap dengan isu-isu yang cuba membawa perkara ini kepada politik terutamanya kepada dalam menghadapi pilihan raya di Hulu Selangor, Pagi tadi Bukit Antarabangsa telah membangkitkan isu tanah Yayasan Basmi Kemiskinan dan telah menyarankan diterbitkan kertas putih, yang kemudian akan dijadikan sebagai peluru-peluru yang akan dibawa dalam kempen pilihan raya parti Pakatan Rakyat yang akan datang ini. Sebenarnya isu Yayasan Basmi Kemiskinan ini tidak perlu dibuat kertas putih dan kalau pun Kerajaan Pakatan Rakyat ada kertas putih, kita juga akan membawa kertas biru dalam pilihan raya akan datang yang akan menjelaskan tindak tanduk kerajaan Pakatan rakyat terutamanya dalam menangani isu tanah bagi pembinaan Universiti Teknologi Malaysia yang....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat dari Sungai Burong mengatakan bahawa Pakatan berpolitik fasal YBK dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor ini, saya ingin bertanya adakah? Yang Berhormat sedar bahawa yang datang ke Dewan membahas isu ini membawa bahagian dalam perbahasan YBK Kertas putih dan sebagainya adalah Pakatan Rakyat, malahan kalau kita lihat Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional, rakan-rakan Yang Berhormat sendiri dari Hulu Selangor khususnya Kuala Kubu Baharu, Batang Kali, Hulu Bernam, khususnya Batang Kali YBK tanah yang dipertikaikan terletak di kawasanya semua sudah hilang selepas tengah hari, jadi siapa yang berpolitik, siapa yang hendak membahaskan isu ini dan mencari kebenaran dan saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Terima kasih di atas penjelasan tersebut, yang membawa isu yang jelas ini pada pagi tadi ialah Bukit Damansara, jadi kerana itu saya pun, Bukit Antarabangsa minta maaf, minta maaf. Saya fikir kita pun akan memperjelaskan juga, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat terhadap isu tanah yang telah diberikan kepada YBK ini yang akan dibangunkan sebuah Universiti yang akan memberikan pembangunan yang menjanakan ekonomi dan seterusnya peluang pekerjaan dan pertumbuhan di kawasan Serendah yang masih terpinggir, dan tertinggal masa ini.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta laluan, minta laluan. Sekejap sahaja, kalaulah YBK ini benar-benar nak bangunkan Serendah nak bina UITM di Serendah, mengapa ia nya tidak dilakukan semasa Barisan Nasional menjadi kerajaan, tanah ini diberikan kepada YBK di Serendah bukan hari ini, dan bertahun diberi bertahun yang lalu dan Serendah sekarang ini kurang maju, bukan sekarang ini sahaja kurang maju, memang selama ini kurang maju, dan mengapa ini tidak dilakukan dahulu dan dilakukan pada masa sekarang.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN LIAS:** Sabar ya, saya akan jelaskan sebentar lagi, sebenarnya YBK adalah sebuah Yayasan yang ditubuhkan untuk dengan agenda membasmi kemiskinan, ia adalah sebuah Yayasan bukan Kerajaan dan tidak berorientasikan keuntungan, sebenarnya YBK ini telah banyak memberikan sumbangan yang besar kepada rakyat dan kerajaan negeri Selangor sumbangan ini telah bermula daripada awal lagi apabila ia telah ditubuhkan, 20 tahun yang lalu dengan tujuan matlamat untuk membebaskan keluarga termiskin, meningkat kehidupan keluarga termiskin, dan miskin dalam bidang ekonomi, memberikan bantuan galakan dan bimbingan kepada golongan termiskin, dan miskin dalam

kemahiran hidup, dan juga memajukan aktiviti-aktiviti amal dan khidmat sukarelawan ke arah pembentukan masyarakat penyayang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat YBK, sebenarnya adalah satu badan yang bebas daripada dipengaruhi oleh politik dan kerajaan kerana ia mahu beroperasi dengan bebas dan telus, bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak swasta dan kerajaan negeri sebelum ini, adalah kerana kejayaan dan komitmen berterusan yang berkesan, YBK membasmi kemiskinan di Negeri Selangor, daripada dulu lagi YBK ini apabila ditubuhkan tidak ada campur tangan daripada Kerajaan Negeri, tidak campur tangan daripada Menteri Besar dan juga daripada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang telah bebas dipilih daripada mereka-mereka yang menerajui Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), dan selama 20 tahun YBK sebenarnya telah berjaya membantu rakyat miskin keluar daripada kemiskinan yang ini yang perlu dijelaskan kepada rakyat pada hari ini, program perlindungan kasih, pemulihan rumah-rumah yang dulu dikenali sebagai PPRT (Program Pemulihan Rakyat Termiskin) sehingga kini berjumlah sebanyak 458 keluarga di seluruh Selangor yang meliputi kawasan Desa Kasih di Merbau Berdarah di Tebuk Pulai, di Tanjung Karang, di Batu 23, Sungai Burung, yang telah diwujudkan daripada tahun 1992 hingga 1999, YBK juga terlibat dalam pembinaan dan menjayakan program asrama kasih, pembiayaan kos sara hidup dan persekolahan pelajar menengah rendah dari kalangan yatim dan termiskin sebanyak 2509 pelajar menengah dan 277 pelajar rendah terlibat dalam dua asrama kasih yang dibina di Serendah pada tahun 1994 dan di Gesil pada tahun 2003. Perbelanjaan melibatkan 20,000 untuk setiap pelajar-pelajar peserta di asrama kasih ini selama lima tahun yang bernilai daripada lima juta atau tepatnya 5.081 juta telah dibelanjakan untuk anak-anak yang malang ini. Dan tidak ada satu daripada bantuan pun diminta daripada kerajaan Selangor untuk perbelanjaan tersebut. Pusat latihan YBK yang dibangunkan di atas tanah YBK seluas 5.46 ekar di Kuala Selangor dengan kos sebanyak 1.9 juta lengkap dengan asrama, bilik kuliah dan bengkel latihan, dewan makan, surau dan padang. Ia menawarkan sijil kemahiran mekanik, kenderaan motor automatik, mekanik, kelengkapan tolak tanah jentera berat, pelukis pelan yang bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia MLVK, sijil kecekapan CIDB tahap satu dan dua. Dan sehingga kini seramai 1173 orang pelatih dari kalangan keluarga-keluarga termiskin rakyat di negeri Selangor telah memperolehi atau mengikuti program di sini. Selain daripada itu juga YBK telah menjalankan program-program untuk golongan termiskin dan miskin yang memerlukan seperti program kuntum, kumpulan tuisyen hujung minggu sukarelawan YBK, Café DKasih, misi antarabangsa yang menghadapi bencana alam seperti tsunami di Aceh, membantu rakyat Bosnia yang terlibat dalam kancah peperangan dan juga program-program yang lain seperti program pemulihan sikap, motivasi, program kesihatan dan lain-lain. YBK tidak pernah memilih bulu atau politik dalam mana-mana kaum dalam memberikan bantuan dan program. Dan selama 20 tahun penubuhannya YBK telah membelanjakan sebanyak RM83,445,206.00 bagi membiayai pelbagai program yang dilaksanakan. Memang benar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kg. Tunku bahawa pada tahun 1995 negeri Selangor telah dikurniakan tanah oleh YBK sebanyak 1900 ekar di Mukim Serendah Hulu Selangor. Tapi tanah yang diberikan ini adalah merupakan tanah hutan yang masih kosong yang belum ada infrastrukturnya untuk dibangunkan dan kelulusan diberikan adalah berstatus *mix development* dengan izin dengan bebanan cukai sebanyak 1.1 juta yang meliputi 12 lot tanah yang dibahagikan kepada kelompok hartanah A, B, C dan D. Melalui program *join venture* YBK dengan Ombak Kayangan Sdn. Bhd telah dipertanggungjawabkan untuk membayar premium tanah tersebut. Walau bagaimana oleh kerana ada krisis pada tahun 1997 sebagai sebuah yayasan yang hanya berdasarkan kepada sumber sumbangan-sumbangan untuk membiayai, maka YBK tidak mempunyai kemampuan untuk membayar cukai yang mengakibatkan cukai yang tertunggak. Walau bagaimana pun YBK tetap mempunyai keutamaan untuk meneruskan operasi membasmi kemiskinan berbanding dengan keperluan untuk membayar cukai tersebut. Walau bagaimana pun YBK

telah membayar sebanyak 4.1 juta caruman kepada kerajaan negeri bagi caruman parit kepada JPS bagi Pengairan dan Saliran projek tersebut. YBK telah berusaha untuk mendapatkan sumber yang *viable* untuk melaksanakan projeknya dan dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh YBK, YBK telah berjaya mendapat pertimbangan daripada Unit Perancang Ekonomi untuk membina sebuah universiti yang dikenali sebagai UITM kampus cawangan di kawasan seluas 700 ekar yang dianggarkan menelan perbelanjaan sebanyak 300 juta. Dan dengan adanya kelulusan ini jika ia dapat dilaksanakan ia akan memberikan suatu sumber yang besar kepada YBK untuk boleh melaksanakan program-program yang besar yang termasuk di dalam program ini. Tapi apa yang malang sekali dan menyedihkan kerana YBK telah mempunyai tunggakan hutang kerajaan negeri telah bercadang untuk merampas balik tanah YBK tersebut.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya. Saya ingin bertanya, pertama adakah Yang Berhormat sudah terima laporan ini atau tidak, yang kedua adakah Yang Berhormat sudah baca laporan ini atau tidak dan yang ketiga jika Yang Berhormat sudah baca, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat terhadap muka surat 16 dan saya ingin memetik untuk membantu pertanyaan saya. Mengikut pelan pembangunan tanah YBK tersebut terdapat cadangan pembangunan tanah seluas 448.4 ekar yang berasalnya diperuntukkan kepada UITM untuk membina kampusnya, tanah seluas 448.4 ekar. Bagaimana pun hasil daripada analisis audit terhadap pelan lakar, di mana tanah-tanah yang telah dikeluarkan notis 6A dan notis 8A, ini notis untuk ambil balik tanah, mendapati rampasan tanah yang dilakukan tidak melibatkan tanah-tanah untuk pembangunan kampus UITM tersebut. Kita ada gambar foto 13 merupakan pelan lakar di mana lokasi tanah-tanah yang terlibat. Tanah yang dikenakan notis 6A, 8A dengan tanah yang hendak dibangunkan UITM tak sama. Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sudah baca.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kampung Tunku saya faham dan saya dah baca dah laporan tanah ini ya. Sebenarnya kalau kita lihat notis yang telah dikeluarkan dan juga cukai-cukai yang dipulangkan termasuk cukai-cukai ke atas tapak tanah yang akan dilaksanakan projek universiti UITM ini. Jadi laporan itu sebenarnya tidak tepat dan apabila dibentangkan saya akan mempersoalkan alasan ini. Sebab YBK telah menerima sendiri notis yang dikeluarkan daripada Pejabat Tanah dan telah memulangkan cek-cek, bayaran cukai tanah yang terlepas pun dipulangkan kepada YBK atas tujuan apa saya pun tidak berapa pasti. Tapi ini adalah jelas bahawa nampaknya kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor memang tidak mahu melihat UITM ini berada di Serendah itu yang jelas. Dan ini menimbulkan tanda tanya sama ada berkaitan dengan isu UITM yang mana pernah Yang Berhormat Menteri Besar dalam berkempen di Permatang Pauh telah menyarankan supaya dinaikkan kuota bumiputera sebanyak 10 % lagi kepada di buka kepada bukan bumiputera. Dan ini telah menyebabkan bantahan daripada pelajar-pelajar apabila seramai 10,000 pelajar UITM telah membantah. Adakah mungkin kerana ini maka Kerajaan Pakatan Rakyat merasakan bahawa mereka telah tidak bersetuju untuk memastikan UITM ini berada di negeri Selangor. Ini yang pertama yang menghairankan kita. Yang kedua, terdapat tekanan-tekanan yang begitu hebat kepada YBK sebenarnya pada awalnya YBK melihat bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Negeri Selangor ini tidaklah mungkin akan menghalang pelaksanaan projek tersebut kerana rancangan pelan pembangunan yang dikemukakan melalui kebenaran merancang telah diluluskan oleh *one stop centre* Majlis Daerah Hulu Selangor di mana semua 16 jabatan teknikal termasuk IKRAM telah memberikan kelulusan yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah memberikan syarat. Yang

pertama untuk membolehkan perkara ini dilaksanakan mestilah YBK disusun semula dengan meletakkan pengurusinya ialah YAB Dato Menteri Besar dan tiga ahli duduk dalam lembaga pengarah dilantik daripada menteri di negeri Selangor. Sedangkan kita tahu YBK merupakan sebuah yayasan yang ditubuhkan semata-mata untuk memberikan merupakan satu badan bebas, badan NGOs, *None Government Organisation* dengan izin yang bertujuan untuk memberikan khidmat kepada rakyat dalam program pembasmian kemiskinan dan ia seharusnya bebas sebagaimana ianya ditubuhkan pada asalnya. Tapi dengan cara ini apabila ia tidak diterima oleh lembaga pengarah YBK maka, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah memutuskan untuk merampas semua tanah-tanah yang dimiliki oleh YBK tersebut. Inilah yang telah berlaku dan kita merasakan bahawa ada niat yang tidak baik atau niat jahat dengan mengenakan syarat-syarat tersebut kepada YBK. Hari ini Bukit Antarabangsa pula menimbulkan bahawa YBK itu adalah Dato Zainal Sakom dan YBK itu adalah Dato Zainal Sakom dan isteri yang keduanya. Barangkali oleh....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung telah cukup dua puluh minit ya.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya. Ok saya sedikit lagi untuk menghabiskan ini. Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Pagi tadi Bukit Antarabangsa mengaitkan YBK ini dengan Dato Zainal Sakom dan isterinya dan membuat tuduhan fitnah bahawa kepentingan-kepentingan dalam syarikat Permodalan YBK itu adalah juga dimiliki oleh beliau dan isterinya. Hari ini tuan-tuan saya ingin tunjukkan bukti ya daripada *search* yang dibuat kepada ROC yang menunjukkan bahawa Dato Zainal Sakom hanya mempunyai saham RM1 sahaja dalam YBK dan YBK mempunyai saham sebanyak 25% di dalam Fajar Synergy Sdn. Bhd. Itu adalah saham yang dimiliki oleh YBK dan tidak ada saham dimiliki oleh isteri Dato Zainal Sakom. Jadi ini adalah satu fitnah yang telah dilemparkan oleh Bukit Antarabangsa yang pada pandangan saya mungkin oleh kerana pilihan raya di Hulu Selangor dan ada kemungkinannya dulu cerita-cerita mungkin ada orang Melayu mahu calon orang Melayu di dalam kawasan Parlimen Hulu Selangor dan salah seorang mungkin nama yang naik ini adalah Dato Zainal Sakom kerana itu *this is enemy which has to be killed* dengan izin. Jadi inilah motif politik yang saya nampak dalam perkara berhubung dengan Yayasan Basmi Kemiskinan. Oleh itu saya sebagai kesimpulannya ingin merayu ya kepada YAB Dato Menteri Besar, demi kemakmuran rakyat negeri Selangor, demi untuk membolehkan Serendah ini dimajukan, demi untuk supaya nilai ekonomi tanah di Serendah itu dapat dinikmati oleh rakyat di Negeri Selangor ini saya mohon kepada YAB Dato Menteri Besar pertimbanglah semula untuk memberikan tanah itu kepada YBK supaya kita dapat melaksanakan pembinaan sebuah universiti di Serendah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita tahu pembangunan di Shah Alam ini dengan adanya UiTM di Shah Alam ini ia telah memberikan ekonomi yang begitu baik kepada masyarakat Shah Alam. Beribu-ribu pekerjaan dinikmati oleh masyarakat yang tinggal di kawasan Shah Alam. Rumah-rumah sewa di Seksyen 7, Seksyen 3 di Shah Alam telah dapat menikmati pembangunan menikmati pendapatan, menikmati nilai ekonomi dengan adanya UiTM dan rakyat negeri Selangor memang mendapat faedah daripada itu. Mengapa hari ini kita harus menolak. Kalau YAB Dato' Menteri Besar dan Pakatan Rakyat mahu supaya Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Barisan Nasional membantu Kerajaan Negeri, inilah masanya wang RM 300 juta di atas tangan, tinggal kita ambil Untuk membantu negeri Selangor, sama-sama kita membawa kemajuan kepada negeri Selangor. Inilah yang berlaku tuan-tuan dan kita perlu menceritakan kepada rakyat tujuan yang baik., niat yang baik ini jangan dipolitikkan. Kita harus membantu dan menyokong usaha-usaha untuk memberi kebaikan kepada rakyat. Inilah harapan saya, saya mungkin telah mengambil masa yang banyak, Puan Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan mengambil bahagian dalam ucapan ini. *Salam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Subang Jaya dipersilakan

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** . Terima kasih, Subang Jaya turut mengambil bahagian dalam membahaskan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku. DYMM Sultan Selangor telah menyatakan dalam ucapan Tuanku bahawa perkhidmatan pengangkutan awam berkesan amatlah diperlukan. Kita semua tahu ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi kita juga tahu bahawa sehingga hari ini kita masih kekurangan jaringan pengangkutan awam yang efektif dan langkah-langkah efektif belum diusahakan Kerajaan Persekutuan. Di Subang Jaya saya telah meminta supaya MPSJ membuat kajian trafik yang menyeluruh di Persiaran Tujuan, Persiaran Kewajipan dan SS 16. Namun demikian kos untuk mengatasi masalah trafik tinggi dan tidak boleh hanya di atasi dengan pembinaan lebih jalan raya. Oleh sebab itu saya berharap masalah trafik di Lembah Klang ataupun Klang *Valley* dengan izin boleh disokong oleh satu sistem pengangkutan awam yang boleh sekali gus mengurangkan jumlah ataupun *volume* kenderaan di jalan raya. Saya diberitahu setiap bulan lebih kurang 6,000 kenderaan baru ini hanya untuk satu jenama kenderaan sahaja ditambah kepada jumlah kenderaan yang sedia ada. Saya berharap dengan adanya Klang *Valley Transport Consult* masalah trafik yang kronik di DUN-DUN di kawasan Bandar boleh di kurangkan. Saya menyeru supaya EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Asas Negeri boleh memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk membuat pertama, .... Trafik Study, untuk seluruh Klang Valley contohnya pembangunan di DUN Seri Serdang, ataupun di DUN Kinrara akan melibatkan perubahan trafik di Lebuhraya Damansara Puchong. Dan sekali gus melibatkan DUN Damansara Utama, Seri Setia, Subang Jaya dan Taman Medan. Kajian trafik ini mahal dan tidak mampu ditanggung oleh PBT. Keduaanya, Klang Valley Trafik *Consult* harus melibatkan semua operator lebuhraya seperti NPE, LDP, KESAS, NKVE kerana mereka beroperasi di Selangor. Contohnya jambatan Batu Tiga dan USJ tidak mendapat sokongan dan kerjasama KESAS dan LLM untuk membuat *sleep road* ke Lebuhraya KESAS untuk menyuraikan trafik. DYMM Sultan Selangor juga telah bertitah bahawa Tuanku mahu melihat supaya seluruh jentera kerajaan negeri membuat anjakan paradigma untuk meningkatkan produk aktiviti kerja. Saya berharap Dato' Menteri Besar dan EXCO PBT boleh mengarahkan supaya semua PBT dan Pejabat Tanah di Selangor membuat perubahan yang berikut:

Pertamanya membuka lebih kaunter pembayaran supaya rakyat tidak perlu menunggu lama. Sesetengah PBT yang saya perhatikan, ada 8 kaunter tetapi yang dibuka hanya 4. Agensi kerajaan mesti memberikan khidmat yang cemerlang di kaunter. Keduaanya Kaunter dibuka mengikut waktu pejabat, ada kaunter yang dibuka pada pukul 2.00 petang dan ditutup pada pukul 3.30 petang. Ini telah membuat penduduk tidak senang hati kerana waktu pembukaan terlalu singkat. Ketiganya pegawai Pejabat Tanah harus menggunakan e-mail seperti pegawai-pegawai di PBT. Saya nak puji pegawai MPSJ kerana mereka sekarang sedang belajar mengendalikan *e-mail* mereka dengan baik dan cekap. Keempatnya, *best post time for* PBT seperti memperbaiki lampu rosak, pokok tumbang, longkang kotor harus di singkatkan daripada 14 hari ke 3 hari. Kerana ini semua kerja asas. Dengan izin basic work. Dan akhir sekali kaunter servis pelanggan ataupun *customers services counter* di PBT dan di Pejabat Tanah yang diuruskan, harus diuruskan oleh seorang pekerja yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil. Ini kerana di PBT sekarang, sudah ada Unit Pelaburan dan kemudahan ini boleh membantu PBT dan pejabat Tanah lebih mesra pelanggan. Kelima-lima cadangan ini tidak mahal untuk diimplementasikan hanya perlukan satu *ship* dalam pemikiran. *Mine side change* dengan izin dan saya percaya ini akan terus mengangkat martabat pengurusan kerajaan untuk manfaat semua. DYMM Sultan Selangor juga bertitah bahawa sistem ganjaran yang munasabah hendaklah dibaiki dan diberikan kepada pekerja

sektor awam yang berprestasi cemerlang. Ini sangat penting supaya ada pertandingan yang sihat dan motivasi untuk mereka bekerja dengan lebih cemerlang. Saya bersimpati terhadap pekerja-pekerja PBT yang rajin bekerja tetapi tidak mempunyai ruang untuk terus maju. Saya juga berharap EXCO Perumahan boleh teruskan usaha gigih untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai, air percuma untuk golongan miskin yang masih belum mempunyai meter individu dan akhir sekali di konsep komuniti berpagar. Mengenai konsep komuniti berpagar, baru-baru ini KPKT telah mengeluarkan *statement* bahawa 100 peratus kebenaran penduduk diperlukan jika mereka mahu mengadakan konsep komuniti berpagar. Bagaimanakah keperluan KPKT akan diselaraskan dengan garis panduan kerajaan negeri. Saya sekali lagi meminta supaya sebelum garis panduan yang baru di keluarkan oleh kerajaan negeri, satu mesyuarat boleh diadakan dengan pihak Polis, Kementerian Dalam Negeri dan KPKT supaya penduduk tidak keliru dengan 2 garis panduan yang akan dikeluarkan. Tanah untuk kegunaan utiliti, berikutan dengan kes telekom di USJ6 Kes ini masih di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri. Saya meminta supaya satu keputusan dikeluarkan secepat mungkin. Dan harapan saya Jawatankuasa Perancang Negeri akan menganduskan keputusan MPSJ untuk membatalkan kebenaran merancang yang telah diberikan kepada pemaju. Saya meminta supaya kerajaan negeri akan membuat polisi yang baru iaitu mewajibkan kemasukan syarat-syarat nyata untuk tanah telekom yang jelas maksudnya dalam geran tanah. Seperti contoh tangki air walaupun syarat nyata mengatakan ia perusahaan tetapi dalam pelan tanah jelas tertera huruf TA iaitu Tangki Air supaya tiada salah guna tanah yang akan berlaku. Kerajaan negeri mesti mempertahankan tanah utiliti dari dibangunkan sebagai komersial. Akhir sekali saya ingin sekali lagi mengeluarkan perasaan kecewa saya dengan kehadiran kakitangan awam dan ketua-ketua agensi kerajaan yang seharusnya hadir dalam sidang dewan ini supaya masalah penduduk yang dibawa oleh wakil-wakil rakyat tak kira Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat boleh mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pegawai kerajaan tengoklah kerusi-kerusi sekarang semua hampir kosong. Saya puji yang masih ada di sini duduk dan dengar masalah penduduk yang dibawa oleh wakil-wakil rakyat. Tahun lepas teguran yang sama telah dibuat tetapi perkara ini berulang lagi tahun ini. DYMM Sultan Selangor telah mengatakan bahawa Dewan ini adalah medan terbaik untuk menyelesaikan berbagai isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Bagaimana nak tahu hal rakyat, jika tidak duduk dalam Dewan dan mendengar masalah penduduk. Kita selalu dengar “*change has come*” dengan izin, tetapi bagaimana nak melaksanakan perubahan jika tenaga kerja perkhidmatan awam masih enggan berubah dalam cara kerja mereka. Saya meminta supaya Menteri Besar boleh menitik beratkan hal ini supaya agensi kerajaan, PBT, Pejabat Daerah boleh memperbaiki pentadbiran dan perkhidmatan kepada rakyat. Dengan ini saya menyokong usul menjunjung titah ucapan DYMM Sultan Selangor. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker, memberi peluang kepada Kajang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Dalam titah ucapan Tuanku, menyatakan Kerajaan Selangor terbukti menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara iaitu anggaran sebanyak 21% dan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan saling memerlukan, saling memerlukan. Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan perlu dipererat demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Selangor. Atas alasan inilah Kajang ingin mengambil kesempatan membahaskan bahawa kita dapati bahawa hakikatnya apa yang berlaku sekarang di negeri Selangor kita nampak peruntukan yang diberi daripada Kerajaan Persekutuan, hasil daripada kita yang diberi kepada Kerajaan Persekutuan 21% tetapi yang dipulangkan memang begitu sedikit secara bandingannya. Dan apa terjadi kepada saluran-saluran peruntukan ini yang seharusnya memanfaatkan pembangunan di negeri Selangor ini. Kita dapati sistem yang sedia

ada pada kerajaan kita bahawa sistem yang ikut pada perlembagaan Persekutuan, kita ada Kerajaan Pusat, kita ada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan dan sistem inilah yang kita amalkan. Tetapi kita nampak Kerajaan Persekutuan telah tidak mengikuti apa sistem yang wujud pada hari ini. Oleh kerana kepentingan politiklah Kerajaan Pusat yang dikawal oleh Barisan Nasional mewujudkan satu sistem lagi selain dari sistem yang sudah ada alam perundangan yang telah wujud. Adakan satu sistem di mana peruntukan ini disalurkan iaitu melalui Jabatan Perdana Menteri dan ke Pejabat Pembangunan Persekutuan di setiap negeri bawah Pakatan Rakyat. Dan duit ini disalurkan melalui ICU untuk pembangunan setempat dan melalui orang-orang politik dalam Barisan Nasional termasuk JKKP yang beria-ia memanggil sendiri sebagai Ketua Kampung yang sepatutnya tidak harus guna istilah Ketua Kampung yang hanya khas pada sistem pentadbiran dalam negeri. Jadi kita nampak sistem begini digunakan oleh Barisan Nasional untuk kepentingan politik yang memang bercanggah dengan prinsip dan juga prinsip pentadbiran yang sedia wujud. Dan inilah

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Puan Timbalan Speaker, mohon penjelasan. Terima kasih Kajang. Tadi Y.B. beritahu kita bahawa ada peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak disalurkan kepada Kerajaan Negeri contoh dalam ucapan Ketua pembangkang tadi menyebut contohnya adalah geran MARRIS yang diperuntukkan sebanyak RM 315 juta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sebagai memenuhi tanggungjawab sebagaimana dalam Perlembagaan. Jadi saya mohon YB Kajang tolong gariskan yang mana hak-hak Kerajaan Negeri yang tidak dilaksanakan tolong jelaskan *detail* supaya boleh dituntut melalui sistem perundangan. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih DUN Permatang, memang adanya MARRIS dan juga geran. Memang sudah diperuntukkan yang terpaksa oleh Kerajaan persekutuan menyalurkan ikut perundangan. Jadi ada misalnya kita tengok cukai pendapatan, cukai korporat yang dikenakan yang dibayar kepada kerajaan pusat tetapi kesemua ini tidak diagihkan secara saksama dan kita dapati kalau kita katakan Jepun. Di Negara Jepun 32 peratus daripada cukai yang dibayar itu dipulangkan ke negeri. Kita tidak nampak ini berlaku di keadaan bila Pakatan Rakyat mengambil alih negeri-negeri seperti Selangor ini dan kita tahu memang ADUN-ADUN, Yang Berhormat yang di sebelah memang faham, memang faham sangat dalam hati bahawa ini semua memang wujud. Memang wujud apa yang dilakukan sekarang dan memang mendapat peruntukan ini melalui rakan-rakan kita di sebelah sana dan

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Y.B. Kajang dengan izin *no personal low fence* hanya saya keliru kerana Y.B sebagai ahli politik. Satu, sebelum cakap jangan sedap mulut saja bercakap, kena teliti dengan elok tentang apa yang diperkatakan kerana suka tak suka, rasionalnya kita sebagai wakil rakyat perlukan wang ringgit untuk buat kerja. Kerajaan negeri memang tidak ada peruntukan untuk memberi peruntukan kepada wakil rakyat-wakil rakyat pembangkang seperti saya dan sahabat-sahabat saya di sebelah sini. Maka kalau begitu ini kita nak perjuangkan bukan untuk poket sendiri, untuk rakyat. Kalau kerajaan negeri di mana kita sendiri pun dengar dengan begitu jelas daripada Y.B. Bukit Antarabangsa mengatakan bahawa longkang tak dijaga, sampah tak dikutip, macam-macam masalah maka sekurang-kurangnya kita yang diberikan peruntukan bukan sebanyak wakil rakyat negeri tetapi kurang ya. Duit itu kita guna pakai untuk membantu rakyat di kawasan kita masing-masing. Walhal Y.B. sendiri tahu ada pula wakil-wakil kawasan yang bukan wakil rakyat tetapi yang telah pun dilantik oleh pihak kerajaan negeri yang membuka pejabat juga seperti wakil rakyat, berlagak seperti

wakil rakyat, panggil diri mereka wakil rakyat kononnya di kawasan saya sendiri satu pejabat dibuka yang mengatakan bahawa pusat khidmat DUN Taman Templer walhal wakil rakyat yang dilantik ataupun dipilih oleh rakyat adalah saya sendiri walaupun saya ini daripada parti Barisan Nasional tetapi mandat diberikan oleh rakyat tetapi ini pula mereka diberi peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada kita tetapi mereka pula buka pejabat dan kononnya merekalah yang menjadi wakil rakyat dan mendabik dada di kawasan tersebut. Maka saya rasa ini soal politik. Y.B. kalau boleh dalam dewan ini sepertimana titah tuanku eloklah kita bincangkan perkara-perkara yang boleh beri manfaat kepada rakyat di kawasan kita masing-masing daripada kita mengungkit kenapa orang tu buat macam ni, kenapa orang ni buat macam tu. Saya rasa ini tidak akan membawa hasil langsung. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Templer. Kita nampak walaupun dalam negeri kita ada sistem walau di DUN yang Pakatan tidak menang ia diambil alih oleh Exco. Dijaga oleh Exco dan peruntukan itu memang di pejabat daerah dan dikawal selia oleh pejabat daerah. Untuk memastikan adanya *accountability* perbelanjaannya memang sah dan disalurkan kepada rakyat. Dan kawalan di sistem memang wujud untuk memastikan ketidakadaan tirsan yang berlaku seperti waktu-waktu dulu di mana kita memang banyak melihat ketirisan dan penyelewengan wang akibat daripada pentadbiran yang tidak telus. Dan juga kita nampak sistem yang diwujudkan sekarang yang selari, sistem yang selari dengan sistem yang formal yang sepatutnya. Sistem yang diwujudkan oleh pusat adalah tidak telus dan akhirnya kita nampak orang politik di bawah itu yang mengawal peruntukan ini dan menggunakannya. Siapakah yang menyelia dan memastikan segala ini tidak diselewengkan? Jadi dikawal selia pada peringkat pejabat-pejabat ini memang tidak kalau di banding dengan pejabat daerah yang masih mengawal selia peruntukan yang diperuntukkan oleh negeri. Ok. Sila.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Boleh ya Kajang. Terima kasih. Y.B. Puan Timbalan Speaker, Y.B. Kajang. Saya sebut apa yang Y.B. tadi sebut mengenai ketulusan yang diamalkan oleh Pakatan Rakyat dan saya sebut balik mengenai peruntukan MARIS yang diperuntukkan oleh kerajaan yang tadi disebut oleh ucapan ketua pembangkang bahawa RM315juta yang sepatutnya diguna untuk menyelenggara jalan dan juga jalan di dalam kawasan-kawasan PBT tetapi pada tahun 2009 daripada RM313juta yang diperuntukkan hanya RM45juta sahaja yang digunakan untuk tujuan jalan, pembaikan jalan dan sebagainya. Sedangkan seratus lebih juta RM115juta dan bakinya ke mana pergi? Ketulusan mana Y.B. saya nak minta pandangan Y.B. mengenai perkara ini. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih dan soalan telah dibangkit awal pagi tadi dan pihak Exco dan juga Y.A.B akan menjawab dengan jelasnya nanti. Dan apa yang kita nampak kewujudan sistem yang selari dengan sistem yang formal, penyampaian yang formal ini merupakan satu kita kata pemerkoasaan ataupun penganiayaan kepada sistem yang wujud yang sedia ada dan ini...

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** .....dan ini merupakan yang telah

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Biar saya jelaskan terlebih dahulu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tidak. Ini cadangan baik



**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. kita nak minta. Ok, tak apa.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Biar saya jelaskan dahulu ya. Dan sistem yang wujud ini telah diceroboh dan cuba diganggu sistem yang wujud ini. Maka ia telah bercanggah dengan prinsip desentralisasi atau prinsip dikonsansterasi yang memang diamalkan bukan sahaja kita tapi di bangsa-bangsa bersatu seperti yang dinyatakan dalam bangsa-bangsa bersatu iaitu di forum-forumnya termasuk *komanwel local government forum* pada 2007 dan juga pada *united nation population fund 2007*. jadi, sistem yang sebegini memang diamalkan dan proses desentralisasi ini memang harus kita pergiatkan untuk memajukan supaya segala peruntukan tidak lagi dipusatkan di kerajaan pusat tapi diturunkan ke kerajaan setempat dan dikawal selia oleh kerajaan setempat memang boleh dijalankan dengan baiknya. Dan ini adalah semangat yang kita ada tapi kena nampak sistem yang diwujudkan oleh kerajaan persekutuan memang bercanggah dengan prinsip ini dan bercanggah dengan perkembangan dunia semasa. Puan Timbalan Speaker, selain daripada hal ini Kajang juga ingin membawa perhatian yang berkaitan dengan keadaan di mana masalah orang asli yang memang kurang diberi perhatian dan juga kurang penumpuan dari segi pembangunan. Walaupun kita nampak kerajaan Pakatan Rakyat Selangor ini telah meneliti dan mengkaji masalah masyarakat orang asli dan telah berperingkat secara berperingkat membantu masyarakat orang asli supaya terus maju seperti masyarakat lain dalam negeri ini. Masalah tanah merupakan masalah yang utama ataupun mata pencarian ataupun tradisi budaya orang asli. Kita dapati dahulunya banyak tanah warisan orang asli telah dirampas, diguna untuk pembangunan dan pampasan tanah ataupun pemberian tanah yang baru kepada masyarakat orang asli memang tidak diberi perhatian. Maka Kajang ingin bercadang kerajaan Selangor harus meneliti tanah yang kepunyaan anak syarikat khususnya PKPS yang masih banyak terbiar di seluruh Selangor ini diberi milik ataupun diwartakan untuk penempatan kampung-kampung orang asli untuk memajukan orang asli dan mempertahankan budaya dan adat orang asli. Sehubungan itu juga, terdapat juga tanah PKPS dan juga anak syarikat negeri Selangor yang tidak dibangunkan. Contohnya di Taman Agrotik di Dusun Tua iaitu kampung Semungkis yang seluas 500 ekar yang telah wujud begitu lama tetapi terbiar sehingga hari ini. Betapa baiknya kalau tanah 500 ekar ini diberi milik ataupun dipajakkan kepada orang asli dan juga orang kampung untuk tanam cucuk dan untuk memanfaatkan mereka ini. Puan Timbalan Speaker, perkara yang akhir yang saya juga ingin membawa perhatian Y.A.B. Menteri Besar bahawa kita nampak pembangunan dalam dua tahun ini sudah amat berbeza di negeri Selangor. Dan konsep pembangunan juga berubah. Akan tetapi kita nampak juga bahawa Selangor ini dia terus maju kerana peletakannya di pusat Negara Malaysia ini. Dan tempat strategik inilah dan juga sejarahnya telah membolehkan negeri Selangor terus maju. Maka kita harus lihat kembali pola pembangunan kita ataupun *paten* pembangunan di negeri Selangor ini tidak hanya satu kesinambungan daripada yang lepas. Kita harus ada strategi dan juga ada dasar-dasar yang berbeza daripada yang dahulunya. Kita harus seperti titah ucapan tuanku, kita harus menjadi satu model ataupun *benchmark* bagi semua negeri di Malaysia. Maka Kajang ingin mencadangkan beberapa cadangan untuk rujukan. Pertama, pembangunan industri *hi-tech* dan juga berasaskan teknologi hijau harus kita perembangkan. Kedua, Selangor sebagai hab pendidikan tinggi. Kita mempunyai status dan juga infrastruktur yang cukup dan ini akan membawa pendapatan kepada kita iaitu khasnya pelajar-pelajar di Asia yang memang suka datang ke Negara kita untuk melanjutkan pelajaran tinggi dan kalau kita fokuskan menjadi hab pendidikan tinggi, bukan sahaja dapat pendapatannya ia juga merupakan satu pembekalan sumber tenaga yang berprofesional dan berkemahiran tinggi untuk memajukan industri yang berteknologi tinggi. Dari segi pertanian pula kita nampak pertanian di negeri Selangor masih agak *conventional* dan mempraktikkan pertanian yang memerlukan tenaga dan tanah yang luas. Pertanian yang berteknologi tinggi dan agro pelancongan juga harus kita pertingkatkan buat masa sekarang ini menurut lawatan dan juga

kajian daripada laporan audit kita dapati Jabatan Pertanian kita masih langsung tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk mempromosikan agro-pelancongan. Di mana sektor ini merupakan satu sektor yang boleh mendatangkan pendapatan yang amat tinggi. Kajang mencadangkan tanah PKPM iaitu tanah kekal pengeluaran makanan yang memang wujud di setiap daerah sehingga sekarang ini memang gagal dan terbengkalai. Maka dicadangkan semua PKPM ini menjadi pusat-pusat agro-pelancongan yang bersepadu, lengkap dengan infrastruktur seperti jalan, bekalan air, rumah rehat, *homestay* dan juga program-program budaya yang berasaskan tradisi pelbagai kaum di Negeri Selangor ini.

Keempat, iaitu sistem penyampaian di PBT dan Pejabat Daerah. Walaupun kita nampak banyak kemajuan telah tercapai tetapi kita masih menerima banyak lagi aduan-aduan termasuk kelewatan proses dan dokumen-dokumen dan juga amalan rasuah yang masih terdapat di Kerajaan Tempatan.

Perkara yang kedua; berkaitan dengan sistem penyampaian di PBT dan Pejabat Daerah ialah pengurusan sisa pejal. Masalah ini jadi makin memang agak tenat dan telah banyak diperbincangkan maka dicadangkan Kerajaan Negeri mengambil tindakan tegas mengkaji semula perjanjian antara Alam Flora Sdn. Bhd.

Akhir sekali masalah keselamatan. Masalah keselamatan, walaupun ia merupakan tugas Kerajaan Pusat di bawah Polis tetapi masalahnya masih tak di selesai dan masih tenat di kawasan-kawasan bandar khususnya di Selangor ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang masa sudah menunjukkan pukul 6.00 petang. dan tempoh pun dah tamat, bagi.....

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Setengah minit. Kita memang telah meluluskan pemasangan CCTV tetapi itu tidak mencukupi dan kita bercadang program rondaan PBT iaitu melibatkan Penguatkuasa PBT dan juga bersama dengan kejuruan. Buat rondaan supaya masalah keselamatan ini dapat dikurangkan dan ia akan terus menunjukkan satu negeri yang maju, selesa dan selamat. Sekian terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Satu Malaysia. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang setelah bercuti rehat untuk memberikan ucapan dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri 2010. Kita telah menghayati ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Antara lain Tuanku mahu Kerajaan Pakatan Rakyat dapat terus membela rakyat tetapi saya rasa Kerajaan Pakatan masih bertindak seperti pembangkang dengan membuat tuduhan kepada Barisan Nasional secara berulang-ulang dan adalah lebih baik Kerajaan menumpukan agenda pembangunan rakyat. Saya dapati masih belum ada peningkatan dan kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalaulah Pakatan Rakyat menyumbang 21% kepada pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Barisan dulu menyumbang lebih 22% dan seharusnya dipertingkatkan lagi 22% bukan 21%.

Setelah dua tahun Pakatan Rakyat Pembangkang memerintah Negeri Selangor, banyak perkara yang berhubung kait dengan permasalahan belia gagal ditangani kerana Kerajaan Negeri gagal mengotakan janji untuk membangunkan kepimpinan dan perekonomian mengatasi masalah sosial golongan belia Selangor yang jelas dan merakyat. Walaupun sudah

diperjelaskan banyak kemajuan dan pelaksanaan tetapi hakikatnya masih belum mencukupi. Kita masih ingat ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika membentangkan Bajet 2009 antaranya iaitu memperuntukkan tiga juta bagi mewujudkan Majlis Belia dan Sukan Negeri untuk pelbagai program kursus kepada belia. Memberi peluang kepada golongan belia supaya menyuarakan pendapat, menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada belia-belia anak Selangor, membantu golongan belia yang tercicir dalam pelajaran, latihan kemahiran teknikal menurut bilangan yang sesuai dengan peruntukan dua (2) juta, membantu dan membimbing peniaga muda dalam bentuk kewangan, infrastruktur dan latihan. Kemudian dalam Bajet 2010 janji dinyatakan antaranya penubuhan Sekretariat Belia Negeri Selangor yang berfungsi untuk melaksanakan program-program belia seperti kursus dan latihan kepimpinan, latihan-latihan meningkatkan jati diri, ekonomi, berpersatuan, kemahiran, bermasyarakat dan kesukarelawan. Program penggerak belia tempatan sebagai jentera penggerak negeri, melaksanakan program-program pembentukan modal insan. Persoalannya, sebagai bekas pemimpin belia dan .... akar umbi, saya tidak merasakan gelombang apa-apa perubahan dan sebarang gerakan untuk merealisasikan agenda pemerikasaan kepimpinan dan perekonomian golongan belia di Selangor kini. Saya tidak melihat program yang jelas tersusun dan diyakini dalam membantu perekonomian belia iaitu program keusahawanan khas untuk belia, program latihan teknikal dan juga memberi kemahiran kepada belia agar mendapat pekerjaan yang baik dan program membantu golongan belia yang tercicir dalam pelajaran. Atau mungkinkah program yang dianjurkan tetapi tidak merakyat kerana atas dasar pilihan mengikut parti-parti politik tertentu. Sehingga kini tidak melihat sembarang data maklumat pelaksanaan program *output* dan *input* impak positif *outcome* hasil bentuk-bentuk program yang telah dinyatakan. Jika program kepimpinan belia dianjurkan oleh Sekretariat Belia Negeri adakah ia melahirkan aktiviti sosial memperjuangkan isu-isu masyarakat atau menjadi aktivis politik parti-parti tertentu. Kesimpulannya

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dengkil benarkan? Silakan Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat, mengapakah Yang Berhormat bercakap itu PEPT adalah untuk menjalankan program parti politik. Bolehkah bagi contoh dengan atau pun bukti yang kukuh yang mana ini PEPT tidak menyertai parti politik ataupun menggunakan peruntukan kerajaan untuk parti politik.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya menyatakan demikian kerana belum ada sebarang kemajuan yang dibuat menerusi program ini, sebab itu saya menyatakan adakah ia dibuat berdasarkan menjurus kepada kehendak politik. Saya sambung ye. Kesimpulannya Timbalan Tuan Speaker, saya mengatakan program-program ini hanyalah khayalan dan retorik untuk menarik golongan belia supaya suka kepada Kerajaan Negeri kerana jelasnya ramai golongan belia masih tidak mempunyai pekerjaan dan sukar mendapat peluang perniagaan.

Kerajaan Pimpinan Rakyat terlalu mendorong golongan belia berpolitik melebihi agenda pembangunan dan pemerikasaan beliau yang lebih utama. Pertama dalam Bajet 2010 juga dinyatakan antaranya; Program Jom Mendaftar Undi dengan peruntukan 150,000 (seratus lima puluh ribu) untuk menggalakkan belia mendaftarkan sebagai pengundi. Persoalannya program ini amat menghairankan apabila agenda untuk memperkasakan modal insan dan perekonomian belia Kerajaan Negeri beralih pula kepada agenda memperkukuhkan kedudukan politik parti kerajaan melalui program Jom Daftar Undi.

**YB PUAN LEE YING HA:** Puan Timbalan Speaker, minta laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Adakah Dengkil membenarkan.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya ingat saya hendak teruskan dulu, saya takut nanti 20 minit tak cukup untuk saya ni.

**YB PUAN LEE YING HA:** Mesti cukup sebab soalan pendek sahaja.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya teruskan dulu, nanti kalau ada masa kita boleh ya

**YB PUAN LEE YING HA:** Okey Dato', terima kasih.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Dulu tak cukup 20 minit, tak sempat habis dulu. Adalah lebih baik untuk kerajaan memberi kesedaran tentang tanggungjawab memilih dan berpolitik kepada generasi muda tetapi bukannya keutamaan bagi sebuah Kerajaan mengadakan peruntukan sebegitu banyak untuk Program Jom Daftar Undi. Seharusnya keutamaan ialah untuk memperkasakan modal insan dan perekonomian belia menyatakan wang kerajaan telah digunakan untuk agenda politik. Dengan lebih jelas belia semakin terdesak, tiada hala tuju kerana kurang peluang-peluang pekerjaan dan punca pendapatan yang mengundang berbagai-bagai masalah kehidupan, ia ibarat janji yang tiada jawapan.

Keduanya; kita lihat pemimpin muda Pakatan Rakyat mengeluarkan pandangan yang mengelirukan dan penuh muslihat politik. Dewan Pemuda PAS memutuskan bahawa Ahi Parlimen Pembangkang yang mengisytiharkan keluar parti dan menjadi Wakil Rakyat Bebas sebagai haram, sebaliknya menganggap Ahli Parlimen Barisan Nasional yang hendak melompat parti bagi menyertai pembangkang menerusi gerakan 16 September 2008 sebagai halal. Persoalannya, pandangan ini mewakili generasi muda tentang politik yang mengelirukan rakan-rakan mereka atas nama Islam. Apakah ia keutamaan, sedangkan kita tegas mengatakan keutamaan ialah pemerksaan modal insan dan perekonomian. Hukum-hakam agama sebenarnya tertakluk kepada pihak berkuasa agama. Dalam hal-hal pentadbiran agama Islam Selangor misalnya hanya 5 pihak boleh mengeluarkan kenyataan yang ada hubung kait dengan Islam iaitu Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, kedua; Majlis Agama Islam Selangor, ketiga; Jabatan Mufti Negeri Selangor, keempat; Ketua Hakim Syarie, kelima; Jabatan Agama Islam Selangor JAIS. Malang sekali senarai tersebut juga tidak langsung menamakan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam apatah lagi perkumpulan politik langsung tidak *relevan* dan hanya mengelirukan rakyat khususnya generasi muda.

Saya sendiri tidak pernah ingat suatu kenyataan program atau gerakan kesungguhan mana-mana parti politik Pakatan Rakyat dari golongan mudanya yang mahu menggerakkan agenda pemerksaan modal insan dan perekonomian. Contoh yang adalah hanyalah berdemonstrasi dan pernyataan politik yang mengelirukan maka pendapat itu sebenarnya lebih kepada pertimbangan politik hanya apabila menguntungkan parti itu sahaja.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri gagal mengawal masalah sosial yang melanda terutamanya golongan belia. Yang Berhormat Selat Klang yang juga EXCO Pendidikan Selangor, pernah menggelarkan Selangor sewaktu pemerintahan Barisan Nasional sebagai Darul maksiat dan Darul mungkar kerana masalah sosial dengan merujuk kepada data masalah sosial. Tetapi kini kita lihat ada beberapa data dan maklumat yang harus diambil perhatian. Menurut perangkaan Polis Diraja Malaysia, Selangor mencatatkan kes pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak tertinggi di negara ini. Sebanyak 105 (seratus lima) kes sejak tahun 2005 hingga tahun

2009. Kita sangsi dengan program SPIES Negeri. Adakah mampu membendung masalah sosial ini, kerana gejala ini semakin berleluasa dan meningkat kebelakangan ini. Kalau buang bayi sekarang sudah tentu dihasilkan waktu Pakatan Rakyat memerintah bukan waktu Barisan Nasional. Masalah Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya umpamanya, didakwa mengugut untuk menyebarkan gambar bogel seorang setiausaha, kita sangsi dengan pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis. Adakah mereka dari kalangan yang layak dan bebas dari permasalahan jenayah. Mengikut Majlis Keselamatan Negara terdapat 5,911 (lima ribu sembilan ratus sebelas) tempat judi, hiburan dan SPA pada tahun 2009 yang beroperasi secara haram sejak Pakatan Rakyat memerintah tahun 2008 malah lebih 4 ribu seperti yang diakui oleh Yang Berhormat EXCO berkenaan ketika Julai 2009. Sedangkan kawasan saya, sekarang kawasan saya Dengkil saya difahamkan ada 13 pusat mesin slot judi dan ada rumah urut dan di taman-taman perumahan Putera Perdana, Taman Emas pun sudah ada pusat judi dan rumah urut. Sedangkan sewaktu Barisan Nasional memerintah dahulu pusat hiburan, judi dan dihadkan kepada 700 (tujuh ratus) sahaja. Malah sewaktu Barisan Nasional memerintah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, EXCO, ADUN bersama-sama Penguatkuasa turun padang menyita premis berkenaan dan tidak membiarkan penguatkuasaan bersendirian. Sekarang kita mahu lihat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO Agama, Yang Berhormat EXCO Pendidikan dan EXCO Pihak Berkuasa Tempatan turun padang ke premis-premis hiburan tersebut membuat serbuan, tangkapan dan penyitaan, jangan lagi berdolak dan beretorik.

Yang Berhormat Pandamaran pula didakwa telah menyalahgunakan kuasa dengan campur tangan tindakan Penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam merampas 70 tin dan botol minuman keras dari kedai serbaneka *Seven Eleven*, di Seksyen 8 Shah Alam pada hal Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Shah Alam telah menghalang penjualan arak di kawasan majoriti Islam. Saya minta EXCO Pendidikan Selat Klang yang berbangga dengan kursus SPIES kena ajar Yang Berhormat Pandamaran agar faham akan masalah ini. Yang Berhormat Gombak Setia kena ajar dan faham beri faham Yang Berhormat Pandamaran tentang sensitifnya masalah arak ini kepada orang Islam jangan hanya lepas batuk di tangga, pandai tampal stiker tidak dibenarkan menjual arak di premis perniagaan sahaja.

Adakah Yang Berhormat Gombak Setia dan Selat Klang mahu inisiatif baik yang didakwa dalam SPIES menjadi sia-sia kerana faktor luaran seperti rumah urut, penjualan arak dan sebagainya yang tidak dibanteras malah Yang Berhormat Gombak Setia pernah berkata hendak buat satu pasukan *amar maaruf nahi mungkar* tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa pun yang kita dengar. Nampaknya semua Yang Berhormat EXCO-EXCO Pendidikan dan Agama hanya pandai beretorik dan berdalih tetapi realitinya tidak mampu untuk menunjukkan contoh baik bagi mendidik generasi belia kita Selangor kita sekarang menjadi lebih Darul maksiat.

Puan Timbalan Speaker, Puan Timbalan Speaker kerajaan negeri gagal menjadi contoh baik kepada generasi muda negeri Selangor. Kerajaan Negeri mempelopori satu budaya yang kurang cantik iaitu budaya berdemonstrasi, dan berdendam. Kita ADUN Barisan Nasional pernah mengutarakan kebimbangan dengan siri demonstrasi yang ada di negeri Selangor khususnya di Lembah Klang. Asas kebimbangan ini akan menjadi trend ikutan dengan tontonan kurang cantik kepada generasi muda hari ini dan akan datang di Selangor. Kebimbangan yang dinyatakan pada tahun 2008 itu kini mula menampakkan realiti menurut Ketua Pengarah Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dilaporkan berkata keseluruhannya insiden demonstrasi jalanan yang berlaku di Selangor lebih kurang 420 kes tahun 2009 dan 483 kes tahun 2008. Beliau mengatakan banyak pihak memilih untuk mengadakan demonstrasi jalanan bagi membuat bantahan dan meluahkan keinginan mereka keadaan ini menyebabkan Selangor antara negeri paling panas dari segi perpaduan berbanding negeri-negeri lain. Pada

masa yang sama Daerah Klang dilaporkan sebagai daerah yang paling panas di negara ini ekoran dari pelbagai insiden keganasan dan demonstrasi termasuk kes pengeboman gereja. Persoalannya siapakah yang memulakan budaya ini sejarah dan rakyat tidak akan lupa bahawa Pakatan Rakyatlah dan kerajaan negeri yang mempeloporinya. Buktinya perhimpunan menghitung masa dari *Black Fourteen* dari arah kemenangan rakyat pada 14 April 2008 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor juga turut hadir. Perhimpunan protes sejuta rakyat pada Julai 2008 bertempat di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dengkil Batu Caves ingin mencelah.

**YB DATO' MARSOM BIN PAING:** Boleh

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Yang Berhormat saya minta penjelasan, apakah bantahan kepada demonstrasi itu merujuk kepada demonstrasi di Kelab Sulaiman ketika tertubuhnya UMNO dulu.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya hanya menyatakan bahawa demonstrasi ianya bermula dari tahun 1998 ia berurutan, berekoran sehinggalah menjadi satu budaya dan minat kepada beliau untuk meluahkan rasa pandangan melalui demonstrasi itu. Saya ingin teruskan. Perhimpunan Perdana Sambutan Hari Malaysia di Stadium Majlis Bandar Raya Petaling Jaya kononnya tarikh pembentukan kerajaan baru Malaysia pada 16 September 2008 yang nyata satu pembohongan politik terbesar dalam sejarah Malaysia. Ini adalah rentetan dari siri demonstrasi jalanan seperti protes harga minyak di Kuala Lumpur awal 2008, pertama pokoknya budaya berdemonstrasi menunjukkan perasaan kemarahan, kebencian ini mulai ditanam diajar dibaja telah tumbuh mekar akibat permainan ahli-ahli politik. Kedua senario berdemonstrasi ini amat sukar kita lihat di zaman pemerintahan Barisan Nasional di Negeri Selangor dahulu. Ini kerana kita Kerajaan Barisan Nasional tidak mengajar rakyat berdemonstrasi tetapi mengadakan rakyat berdialog dan perbincangan tertutup untuk menyelesaikan masalah sensitif. Titah Tuanku mahu melihat Wakil Rakyat lebih bekerja dari berpolitik semestinya teguran ini kepada Kerajaan Pakatan Rakyat sebagai Kerajaan Negeri. Kesimpulannya Kerajaan Selangor mengajar rakyat khususnya golongan belia menganuti budaya kurang cantik berdemonstrasi dan dendam.

Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak stabil hanya beretorik, berbohong dan gagal menunaikan janji untuk memimpin negara ini dengan baik. Satu perkara yang harus Pakatan ingat bahawa Pakatan Rakyat dapat memerintah negeri Selangor bukanlah kerana Pakatan hebat, kepimpinan hebat, perancangan hebat yang boleh dibanggakan yang boleh menambahbaikkan negeri Selangor. Pakatan dapat memerintah Negeri Selangor kerana berjaya menabur fitnah, pembohongan dan hasutan serta berjaya mengelirukan pemikiran rakyat sehingga rakyat memberikan undian kepada Pakatan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil

**YANG BERHORMAT TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dengkil yang mengatakan Pakatan Rakyat dapat memerintah kerana kita menabur fitnah dan sebagainya. Saya nak tanya adakah rakyat terpuakau atau tidak dapat menilai sehingga kita Pakatan Rakyat dapat menabur fitnah sedangkan media-media arus perdana dan semua surat khabar dikawal oleh Barisan Nasional pada ketika itu. Adakah Yang Berhormat Dengkil tidak mengakui bahawa adalah kelemahan pentadbiran Barisan Nasional yang tidak membela rakyat malah merobohkan kuil, kuil hindu dan sebagainya menyebabkan kemarahan rakyat sehingga rakyat hilang kepercayaan kepada Barisan Nasional. Sekian terima kasih.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Barang kali itu ada membantu kejatuhan kerajaan negeri tetapi perlu diingat bahawa sekarang ini kita sendiri dengar bagaimana pembohongan yang dibuat oleh kepimpinan Pakatan yang diakui sendiri oleh mereka-mereka yang menubuhkan keadilan ketika itu. Sekarang ini sudah menjelaskan dengan lebih jelas lagi bahawa apa yang dibuat oleh pemimpin Pakatan Rakyat adalah semata-mata dusta dan bohong. Dan kita sendiri telah dengar bagaimana rakyat terpengaruh dengan pembohongan ketua pembangkang sehingga semua rakyat terpedaya. Tetapi Insya-Allah saya nak sambung Pakatan dapat memerintah Negeri Selangor ...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil masa sudah cukup.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya sudah cakap tadi saya nak sambung.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil masa sudah cukup saya beri 1 minit lagi...

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Saya minta sedikit lagi. Pakatan dapat memerintah negeri Selangor.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** 1 minit..

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Pakatan dapat memerintah Negeri Selangor kerana berjaya menabur fitnah, pembohongan dan hasutan serta berjaya mengelirukan rakyat sehingga rakyat memberikan undian kepada Pakatan. Tetapi hari ini rakyat sudah mula sedar bahawa mereka ini tertipu. Manifesto pilihan raya retorik perjuangan kepimpinan yang mereka sokongan adalah sebuah kerajaan yang tidak tahu mengurus sebuah kerajaan malah tidak pun tahu mengurus sebuah parti walau pun hanya bertaraf cadang sahaja. Bukan sahaja rakyat tertipu tetapi pemimpin kanan pakatan juga keliru dan tertipu kerana bukan perjuangan membela rakyat tetapi perjuangan kepentingan orang tertentu iaitu satu perjuangan yang terkutuk dan hina sanggup melakukan fitnah menghancurkan perpaduan bangsa hanya semata-mata menuntut tuntutan nafsu tanpa memikirkan kepentingan rakyat. Berani mencabar tetapi tak berani menerima cabaran. Berani mengheret ke mahkamah tapi mencari helah ke mahkamah. Ayat Al-Quran dan hadis menjadi sebutan tetapi takut menjunjung Al-Quran. Itulah dia Ketua Pembangkang. Saya rasa Kerajaan Pakatan Rakyat kerajaan syok sendiri kerana rakyat di bawah sana sudah sedar dan menyesal memberi kepercayaan Pakatan memerintah. Kalau nak tawan Putrajaya lupakan sajalah. Minta maaf banyak-banyak tetapi kalau nak melawat Putrajaya besok boleh saya tolong aturkan. Buktinya kita tunggu di Hulu Selangor. Sekian saya menyokong titah ucapan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik silakan Kuang.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada DUN Kuang untuk memberikan ucapan dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga pada kali ini tetapi isu yang saya nak bawa ni isu pasir tetapi EXCO pasir tidak ada ini macam ni Sekinchan selalu nampak bila ADUN pembangkang tak ada tetapi bila EXCO tak ada macam mana lah ceritanya. Tapi macam mana pun saya cakaplah juga kerana saya sudah sedia. Seminggu menyediakannya Sekinchan. Saya masih ingat lagi kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku di Balairung seri Istana Klang mengungkapkan 2008 bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat akan mengumpulkan 150 juta setahun duit hasil pasir. Sasaran kutipan ini besar betul nampaknya. Dalam bajet 2009 juga sekali Kerajaan Negeri ini kata Menteri Besar Kerajaan Negeri mengguna pendekatan untuk tidak memberi permit kepada mana syarikat-syarikat lain dan mana-mana individu sebaliknya memberi peluang kepada KSSB Kuala Semesta melaksanakan operasi pasir di tanah kerajaan. Langkah ini juga mampu meningkatkan hasil kerajaan berlipat-lipat ganda dijangkakan 150 juta setahun di hadapan di samping membendung aktiviti-aktiviti negatif seperti mencuri pasir yang semakin meluas kini. Ini ucapan Menteri Besar. Ini amat di sanggar meleset dengan kenyataan Yang Berhormat EXCO Kota Anggerik yang *absent* ini pada 8 Julai 2009 mengatakan jumlah jualan Kumpulan Semesta Berhad untuk industri pasir sebanyak 22 juta sahaja. Kemudian ini ucapan Menteri Besar pula. Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika Bajet 2010 pada November 2009 mengatakan sehingga 21 Oktober 2009 hasil daripada royalti pasir yang telah dijelaskan oleh KSSB kepada Pejabat Tanah dan Galian berjumlah 4.678 juta ringgit jumlah ini menurun berbanding pendapatan tahun 2008 sebanyak 7.1. Kerajaan Negeri nampaknya gagal mengunjurkan pendapatan sebenar dan realistik hasil pasir negeri. Jumlah yang diberi hanya retorik bagi membangga diri dan menyeronokkan rakyat sahaja. Perbandingan di antara sasaran yang sebenar yang dapat dikutip tersasar jauh dari 150 juta menjadi hanya sekitar 22 juta dan royalti tahun 2009 hanya 4.6 juta. Jika jumlah 4.6 juta diambil hanya 3% sahaja daripada jumlah sasaran ia tersasar jauh bagai langit dengan bumi. Jika sasaran 150 juta diambil kira dengan harga 20 ringgit setiap ton metrik maka kira 75 ton metrik pasir dikeluarkan setahun atau 6 juta metrik ton pasir mesti dikeluarkan sebulan. Ternyata ia tersasar kerana hanya kira-kira 250 ribu ton metrik sahaja dapat dikeluarkan sehingga Oktober 2009. Tetapi saya khuatir kerana pasir saya lihat pengeluarannya pagi petang siang malam awal pagi pun ada kalau tak percaya boleh datang Kuang saya boleh bawak EXCO dan Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan nak tengok 4.30 pagi lori pasir lalu di Kuang. Saya boleh tunjukkan. Nampaknya Kerajaan Negeri tidak telus dan gagal menunjukkan secara terperinci pendapatan hasil jualan yang sebenarnya agar dapat difahami oleh rakyat. Ketidaktelusan ini amat berlawanan dengan manifesto Pakatan Rakyat tentang urus tadbir berwibawa iaitu memastikan ketelusan pentadbiran negeri. Baru ucapan bajet juga saya banyak baca ucapan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan yang pertama dikatakan jangka batuan pula berjumlah RM50 juta diperolehi oleh Kerajaan Negeri pada 2009. Langkah diberi kepada KSB melaksanakan tanah Kerajaan mampu meningkatkan hasil Kerajaan berlipat ganda sampai tahun hadapan. Kenyataan Yang Berhormat EXCO 8 Julai mengatakan jumlah RM22 juta dan kemudian Menteri Besar 2010 bajet kata RM4.6 juta. Menteri Besar cakap lagi bajet 2010 macam-macam lah angka-angka ini saya kira mengelirukan bukan sahaja Wakil Rakyat Pembangkang tetapi juga rakyat di luar sana. Jadi saya sendiri nak tanyalah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar apa yang dikatakan royalti, apa yang dikatakan keuntungan yang dihasilkan oleh KSB ini sekejap kata ini sekejap kata begini yang mana satu yang dihasilkan oleh KSB ini dan bagaimana angka RM22 juta diperolehi macam mana angka RM150 juta dianggarkan yang ini saya nak tanya supaya



Menteri Besar jelaskan dengan betul-betul yang mana sebenarnya hasil pasir yang mana satu yang RM22 juta ke? yang RM4.6 juta ke? Yang RM150 juta ke? Yang RM50 juta ke” yang mana satu bagi tau betul-betul. Kemudian saya juga nampak apa yang berlaku Kerajaan Negeri telah barangkali dalam mengira apa berupaya membuat unjuran pendapatan. Adakah kerana harga pasir di Selangor yang tinggi segitar RM22 setan terlalu tinggi jika dibandingkan dengan Negeri Perak RM7 atau RM8 maka itu pembeli pasir beralih ke Negeri jiran. Maka apakah langkah untuk menjadikan harga pasir kita stabil. Kerajaan Negeri tidak terus gagal memberikan data terperinci hasil keluaran pasir dan maklumat sebenar pecahan keuntungan harga pasir yang diperolehi. Saya menggesa agar data dan maklumat yang terperinci dan sebenar pengeluaran harga pasaran pasir dibentangkan segera. Kerajaan Negeri mewujudkan monopoli dalam industri pasir di Selangor melalui penubuhan Syarikat Kumpulan semester ini. Ucapan bajet 2009 saya tentu lagi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kerajaan Negeri mewujudkan pendekatan untuk tidak memberi permit kepada mana-mana Syarikat lain dan individu sebaliknya memberi peluang kepada ASSB melaksanakan operasi pasir di tanah Kerajaan. Ucapan saya cod ini walaupun Kerajaan mula memberikan permit mengeluarkan pasir untuk tanah-tanah persendirian tetapi bagi tanah Kerajaan hanya ASSB. Apa istimewanya ASSB saya tengok senarai Lembaga Pengarah Ahli ASSB ini saya kira yang mana satu ini siapa Lembaga Pengarah ini Abdul Shukor nama sama Abdul Shukor Nagor, menangor kalau Shukor Idrus sini. Kemudian Wong Shukor siapa dia? Ramly bin Abdul Majid ah yang saya kenal satu Datuk Omar Arif Abdul Rahman ini saya kenal. Mohd Aris bin Abu Bakar ah ini saya tak kenal Rosmariah bt Osman. Siapa lagi yang kita beri istimewa ini? Betul ke *collection* ini, betul ke kutipan ini? Atur dah lalu pintu belakang ah ini nak *check* ini.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, Timbalan mintalah...

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kemudian takut kehilangan perniagaan mereka-mereka tidak bersaing dalam

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Kuang Sg. Burong nak

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Oh saudara mesti bagi

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sg Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Kuang. Saya nak ingin bertanya adakah benar saya dimaklumkan Syarikat ini bukan sahaja mengutip pasir tetapi doket-doket yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah pun dikawal oleh mereka dan jika benar adakah mereka terang-terang penyalahgunaan kuasa. Terima kasih.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sg Burong saya nak jawab ini saya bukan EXCO nya. Tapi barangkali itulah lebih dari itu saya ingat saya katakan tadi pasir ini keluar tuan-tuan, Yang Berhormat, Yang Berhormat semua dari pagi sampai petang, petang sampai ke malam, malam sampai ke awal pagi bersih keluar. Barangkali ini semua di Monopoli oleh ASSB, barangkali ASSB ini lebih besar dari Pentadbir Tanah Daerah, barangkali, barangkali. Kemudian Kerajaan Negeri melalui ASSB gagal meneruskan harga pasir negeri dengan baik banyak insiden kecurian dan tangkapan yang dilaporkan. Ucapan bajet lagi oleh Menteri Besar 2009 langkah memberi peluang kepada ASSB melaksanakan operasi pasir di tanah Kerajaan ini juga mampu meningkatkan hasil Kerajaan Negeri berlipat-lipat ganda dijangka RM150 juta setahun dan macam-macam. Langkah berikut dikatakan diambil untuk membendung masalah kecurian pasir bagi pada ASSB nak lindungi kecurian pasir tetapi dah bagi kepada ASSB lagi hebat curi pasir, lagi hebat ASSB ini seperti dikatakan oleh Sg Burong tadi Pejabat Daerah dia

pun berkuasa juga. Ini nak bentangkan menubuhkan salah satu hanya satu Syarikat yang ada penguatkuasaan ada aktiviti terkawal tetapi persoalan bagaimana dengan kuari persendirian siapa pula yang mengawal. Kemudian EXCO mengumumkan, EXCO pula mengumumkan satu pasukan dinamakan rakan pasir lain macam bunyinya akan ditubuhkan dalam membantu dan memberi maklumat mengenai kegiatan curi pasir kepada beliau dan PTD. Persoalannya sejauh manakah keberkesanan kaedah ini? Adakah rakan-rakan rakyat biasa atau pun sebenarnya mereka rakan curi pasir yang turut bersekongkol mengeluarkan pasir secara haram. Persoalan utama mengapa masalah tujuan pasir masih berleluasa dan kerap dilaporkan kata dah ada ASSB tapi curi masih hebat lagi. Antara dakwaan kegiatan curi-curi pasir

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Curi pasir di belakang kompaun UNISEL kemudian lembangan Sg Langat ah ini curi pasir saya keluarkan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan

**TIMBALAN SPEAKER:** Kuang

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dan Dengkil, kemudian Sepang

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang, Sekinchan, silakan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Puan Timbalan Speaker. Saya ingin memberitahu Kuang sekiranya ada penyelewengan dan sebagai yang Kuang ada *detail* dan sebagainya minta buat laporan polis dan laporan kepada SPRM yang dikuasai oleh pihak Barisan Nasional. Tolong buat laporan jangan agak-agak, jangan agak-agak buat laporan jangan tuduh sebarang tanpa Cuma kita kata adalah curi ini dan curi itu sebagai memang ada kecurian pasir tetapi boleh buat, buat laporan polis dan saya cabar buat laporan kepada SPRM tak perlu tunggu. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sebenar laporan polis kita pun sudah buat. SPRM tak payah buat rakyat dah buat Setiausaha Sulit EXCO pun kena tahan saya teruskan. Kita sangsi dengan ketelusan KSSB mengawal kegiatan curi pasir kerana bersekongkol dengan aktiviti pengeluaran pasir di luar waktu yang dibenarkan kerana kemudian merayu atas kompaun akibat kesalahan pengeluaran bahan bantuan EXCO juga Bantu di sana Kuala Selangor walau pun permitnya sah tetapi kenapa pengeluaran dibuat di luar waktu. Kenapa KSSB merayu bagi pihak pesalah ini jelas satu penyeludupan dan mungkin penjualan pasir secara haram yang tidak akan di'*report*'kan. Kita makin sangsi kerana pada 20 Januari 2010 saya nak beritahu kepada Sekinchan sekurang pencegahan rasuah Malaysia SPRM telah menahan Setiausaha Sulit seorang EXCO Kerajaan Negeri saya tak payah repot ada orang dah repot. Bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah melibatkan ketelusan konkrit pasir dan lawatan ke Cina baru-baru ini. Kita sangsi dengan perkembangan ini bak pepatah jika tiada angin masakan pokok berubah bahawa jawa saya tak tahu. Maksud ini saya tahu kalau saya tahu bahasa jawa mesti saya sebutkan jawa. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dalam Sinar Harian 18 November 2009 mengeluarkan kenyataan bahawa EXCO tidak tahu mengenai kecurian pasir yang berlaku EXCO tak tahu ini perkara bukan boleh sorok dalam poket Sekinchan. Lori pasir besar tak kan tak tahu kemudian Menteri Besar sekali lagi mengakui dan berterima kasih kepada rakyat yang memberi maklumat dan membuat laporan berkenaan kecurian pasir ini dan beliau sendiri mewakili pernah menerima khidmat pesanan ringkas memberitahu ada kecurian pasir yang berlaku. Walaupun ada banyak aduan dan maklumat

diberi kepada Kerajaan Negeri tetapi mengapa tindakan undang-undang juga tidak diambil. Adakah mereka melindungi kroninya? Laporan Ketua Audit 2008 saya ingat ini saya berhentikan dulu. Saya nak sentuhkan EXCO hari ini saya banyak lagi isu saya nak cakap ini. Tapi saya takut masa tak cukup.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang tinggal 3 minit.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** 3 minit saya oleh kerana EXCO Pelajaran ada dekat di sini. Saya nak tanya mengenai Universiti UNISEL Selangor ini nampaknya penurunan pelajar yang melapur yang nak masuk Universiti Selangor. Universiti Selangor ini sebuah Universiti yang diwujudkan semasa Barisan Nasional dulu yang menjadi kebanggaan Negeri Selangor tahun

Tahun 2007	-	6,758 orang
Tahun 2008	-	4,477 orang
Tahun 2009	-	2,441 orang

Tetapi belanja tahun 2008 RM79 bilion juta, tetapi belanja 2009 duit dah kurang RM94 juta barangkali gaji dinaikkan dan kakitangan Cuma satu saya menjadi pertikaian iaitu Pelantikan .....saya tak nak sebut namanya kalau EXCO nak boleh jumpa saya. Isunya Timbalan Naib Canselor ini ada polis repot, polis repot kes rogol, bahaya ini saya nak baca sedikit *easy report* untuk pengetahuan izin kepada Timbalan Speaker, isi nya di buat oleh pelapor. Dia memberitahu bahawa kesakitan tak lalu berdaya ditindih sehingga dia berjaya merogol dan kemudian diugut tidak memberitahu sesiapa termasuk keluarga atau rakan, pertama pensyarah jika hal ini berlaku dia mengugut untuk mereka macam-macam cerita supaya saya dibuat dari Universiti dia telah banyak kali memaksudkan saya isteri yang ketiga. Saya tak nak dan kata dengan rogol sahaja dan saya terpaksa bersetuju bernikah dengan dia. Ini jadi kes ini berlaku di UPM hati-hatilah pilih besok anak kita masalah di UNISEL itu saya kalau nak dara saya tak berani ngantuk. Dah Timbalan Naib Canselor lelaki rogol orang laporan polis bukan suka saya nak reka terlampau sangat memilih pandai sangat itu jadi gantung. Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker saya kira cukup buat masa ini dan sekali lagi berterima kasih pada Yang Berhormat Timbalan PUAN TIMBALAN SPEAKER memberi peluang. Saya Kuang menyokong Usul Titah D.Y.M.M. Tuanku. Sekian *assalamualaikum*, salam sejahtera salam 1 Malaysia.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Caves

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** *Bismillahirrahmanirrahim*, terima kasih, Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang budiman, pemerhati Dewan, pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai media. Terima kasih, *Assalamualaikumwarahmatullah wbt*. Batu Caves mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan untuk membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke 3 Sidang Dewan Negeri Selangor Kali Ke 12.

Tuan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang budiman, sesungguhnya ucapan dan titah Duli Yang Maha Mulia adalah sangat perlu kita halusi dan untuk kita faham, tidak lain dan tidak bukan menjadi salah satu daripada aras tanda kita dan seterusnya panduan besar kita dalam meneruskan pentadbiran dalam di negeri Selangor, apatah lagi dalam Dewan dan juga di satu institusi yang begitu penting dalam negeri kita yang sangat penting untuk membentuk dasar-dasar penting negeri, membuat rang undang-undang negeri yang akan dipanggil enakmen, dan

seterusnya membahas dan memeriksa sejauh mana perjalanan serta operasi Kerajaan Negeri berjalan untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat, sebagaimana yang disebut di hujung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa ini untuk memastikan negeri Selangor berada sebagai sebuah negeri yang idaman, maju, sejahtera dan berkebijakan.

Timbalan Tuan Speaker, dalam ucapan yang telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, baginda memberikan penghargaan yang cukup tinggi terhadap ikhtiar dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, khususnya dalam memastikan pentadbiran dan urus tadbir Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang baik dan seterusnya mampu untuk mencapai satu tahap empat bintang ataupun yang dipanggil sebagai pentadbiran yang bersih sebagaimana yang diumumkan oleh Lembaga ataupun Jabatan Audit Negara. Pengiktirafan ini merupakan salah satu pencapaian yang penting dan kita dapat tunjukkan dengan program-program seperti merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang telah melalui fasa kedua dan seterusnya mampu memberikan kebaikan dan hasil terus kepada rakyat negeri Selangor, yang tidak pernah dibuat ataupun gagal di fikir dan dicanai serta direka oleh pentadbir-pentadbir sebelum ini.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan serta seluruh ahli Dewan yang setia, sesungguhnya salah satu daripada landasan ataupun salah daripada petunjuk kebangkitan dan juga kemampuan ekonomi negeri Selangor adalah rekod yang telah disebutkan dalam ucapan ini, iaitu kemampuan kita mengharungi gelombang kemelesetan ekonomi dunia walaupun kita berada dalam keadaan yang kurang stabil ataupun berada dalam keadaan serangan ekonomi yang hebat di peringkat dunia, akibat daripada skandal ataupun krisis sub-prima, yang telah menghancurkan beberapa agensi-agensi besar perniagaan di peringkat dunia, namun Negeri Selangor dengan kaedah dan perancangan yang tepat serta dengan cara dan kaedah pentadbiran yang berhati-hati, kita tidak semberono dan tidak bermewah-mewah, malahan kita cukup berhati-hati dalam mentadbir serta menguruskan negeri walaupun ia agak perlahan tetapi paling tidak, kita berjaya melepasi kekangan dan kemelut itu dengan penuh berjaya.

Sebagaimana yang disebut oleh sebelah sana tadi, mengatakan ini semua kejayaan kerana 'stimulase pakej' kerajaan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, namun bagi saya satu penghargaan yang cukup besar juga patut diberikan kepada Kerajaan Negeri kerana mampu untuk menguruskan negeri, mampu untuk mengembalikan dana dan hasil negeri yang selama ini tersembunyi dan hilang daripada pandangan paparan awam. Sebagai contoh yang berlaku dengan hutang Talam berjumlah 392 juta ringgit Malaysia itu, yang sebelum ini tersembunyi entah di mana, terletak di subsidiari kepada GLC dan akaunnya tidak jelas, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengambil sikap untuk mencari, memastikan, mengira dan memastikan hasil itu kembali dalam kira-kira negeri dan kita berusaha sedikit sebanyak untuk mengembalikan wang itu kepada rakyat dengan kutipan yang telah mampu dicatat oleh Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, dalam tempoh beberapa bulan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita telah mampu mengutip 50 juta ringgit Malaysia dan jumlah yang besar selepas itu mungkin akan dapat dikutip selepas ini, dan kita akan dapat mendengar penjelasan yang telah dibuat ataupun yang akan dibuat dalam sesi penggulungan nanti. Saya terdengar tadi fasal isu pasir, saya rasa saya tidak boleh menjelaskan dengan rinci sebab itu tugas EXCO, namun dalam sesi yang lepas, ataupun dalam dua sesi yang lepas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menjelaskan bagaimana kira-kira 150 juta itu wujud. Dan ia adalah satu benda yang wujud, namun ia tidak dikaut semua atau tidak di ambil dulu semua pada ketika ini. Dan kalau Kuang ada di situ pada ketika itu, sudah pasti beliau faham, tapi beliau mengambil sikap untuk duduk di luar, dan tidak hadir dan membangkitkan hal ini dan saya minta Kuang tunggu hingga sampai esok sebab mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekali lagi akan menjelaskan

dan kalau sedikit banyak jangan baca ucapan bajet saja, sebaliknya baca penggulungan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam sidang yang lepas.

Puan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Salah satu isu yang besar yang saya rasa masih lagi membelenggu serta isu yang begitu signifikan dalam permasalahan rakyat ialah isu tanah, tanah yang menjadi hasil penting serta menjadi warisan penting kepada kehidupan masyarakat. Dan Pakar Ekonomi seperti Nano Disoto, sebagai contoh, melihat bahawa pemilikan tanah ataupun geran tanah itu, adalah satu aset yang penting untuk memastikan ia boleh dilaburkan kepada masa hadapan dan konsep pemberian tanah kepada rakyat, khusus kepada mereka yang benar-benar tinggal di satu tempat yang lama sebagaimana yang disebut Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah satu langkah yang terpuji. Namun begitu ada beberapa kekangan pentadbiran yang saya lihat perlu diambil kira dan perlu di naik taraf daripada segi urusan, kerana dulu wujudnya satu jabatan ataupun satu jawatankuasa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Tanah Daerah. Namun apa yang berlaku dalam Jawatankuasa Tanah Daerah adalah masalah berlapis-lapis dan bertindan-tindan antara satu sama lain. Wujudnya *list-list* yang di buat, *list* Ketua Cawangan, *list* Ketua Cawangan Kuang sebagai contoh, *list* Ketua Cawangan Taman Templer sebagai contoh, dan akhirnya ia telah menimbulkan masalah kerana orang-orang luar yang tidak sepatutnya mendapat dan memperoleh tanah itu, mendapat, gagal untuk memiliki tanah dan akhirnya tanah itu terlepas kepada watak-watak dan insan-insan yang jauh daripada satu-satu kawasan.

Namun begitu apabila Kerajaan Negeri mengambilkan sikap 'sentralisasi' terhadap pengurusan tanah, ia satu langkah yang baik, tapi saya harap ia bukan boleh dikurangkan 'sentralisasi' itu di peringkat EXCO, maknanya ada beberapa pihak yang dipercayai seperti EXCO-EXCO yang boleh turun di beberapa kawasan-kawasan Pejabat Tanah, dan mampu untuk menyelesaikan permasalahan tanah termasuk yang berlaku di Batu Caves. Alhamdulillah, hasil dua tahun perbincangan dan rencana dengan Pejabat Tanah Daerah Gombak, saya ucap terima kasih di atas kerjasama mereka. Permasalahan di kawasan India *Settlement* hampir selesai. Namun ia masih lagi tidak selesai kerana ia perlu mendapat kelulusan EXCO dan sebagainya. Begitu juga masalah-masalah lain yang di Batu Caves sebagai contoh, masalah setinggian di kampung Melayu di Batu Caves Selatan, di sekitar dalam 28 keluarga semuanya, yang sebahagiannya tinggal di tanah Kerajaan, yang sebahagiannya lebih dari 30 tahun beranak pinak dan berkeluarga berwarisan di situ, tertakluk di kawasan tanah kerajaan yang saya kira ia sangat perlu untuk kita fikirkan bagaimana kaedah dan cara pembangunan yang terbaik untuk rakyat.

Saya tertarik dengan kaedah penyelesaian yang dibuat di Bukit Botak. Bagaimana satu langkah yang dibuat oleh Kerajaan bukan merobohkan dengan kaedah menghantar FRU dan pasukan penguat kuasa sebaliknya dengan cara perbincangan sebagaimana yang berlaku di Berembang dahulu. Habis rumah-rumah dirobuhkan dengan tanpa usul periksa, menghantar pasukan keselamatan, menghantar pasukan keselamatan PBT, dan akhirnya permusuhan berlaku di kalangan pegawai terhadap setinggian ataupun yang dipanggil peneroka-peneroka bandar itu. Kaedah penyelesaian di Bukit Botak dan kaedah penyelesaian di kawasan Kampung Berembang itu, saya kira adalah satu kaedah yang terbaik dan ia patut dipercepatkan. Dengan '*release-kan tension*' dengan izin, ataupun mengurangkan tekanan itu di peringkat sentral ataupun di peringkat Kerajaan Negeri dan melepaskannya di peringkat daerah, dengan wakil-wakil tertentu yang dipilih, yang dipercayai dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya sangat, Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, saya sangat setuju dengan cadangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa tugas Ahli Dewan adalah untuk merangka dan membuat dasar. Tugas Ahli Dewan yang nombor wahid dan nombor satu adalah hadir dalam Dewan dan merangka dasar-dasar

yang penting. Namun begitu ada beberapa perkara-perkara realiti yang perlu dihadapi oleh Ahli-Ahli Dewan, dan kita kerap diserang dan dihadapi dengan masalah-masalah tertentu sebagaimana contoh, saya rasa, EXCO yang berkenaan cukup faham dengan isu ini berkenaan dengan Kampung Seri Temenggung, yang telah dirampas tanah mereka pada tahun-tahun kegilaan setinggian sifar dan pihak Majlis Tempatan terpaksa membayar sejumlah wang berjuta ringgit Malaysia di akibat kegilaan mengosongkan kawasan setinggian untuk membina kawasan perumahan. Namun kawasan perumahan yang dibina atas sebab untuk kawasan setinggian itu kembali dibina dengan kawasan ataupun perumahan separuh ataupun separuh komersial, perumahan kos sederhana, yang saya kira tak mampu untuk dimiliki oleh para peneroka bandar kawasan terbabit. Perbincangan demi perbincangan dilakukan namun tiada penyelesaian, namun saya harap satu jalan penyelesaian yang penting dan kaedah penyelesaian Bukit Botak itu saya lihat satu cara yang terbaik, yang mungkin boleh dijadikan satu dasar penting yang boleh kita selesaikan semua kawasan-kawasan setinggian yang saya kira masih ada lagi beberapa perkara ataupun beberapa tempat yang berlaku di negeri Selangor yang perlu kita selesaikan.

Seperkara lagi daripada pengamatan dan makluman yang kita dapat, banyak masalah yang kita lalui khususnya di kawasan perumahan ini meliputi dalam kawasan mengenai badan pengurusan bersama ataupun JMB, *Joint Management Body*, dengan izin, pembersihan tanah milik bersama, '*common property*'. Masalah projek perumahan terbengkalai, keretakan bangunan dan bahan binaan yang tidak berkualiti. Selain daripada keluhan rakyat dan media masa, ada yang datang berjumpa saya secara bersendirian, mengadu hal dan ketidakpuasan hati mereka dengan hartanah yang dimiliki itu tidak berkualiti dan tidak seperti mana yang telah dijanjikan oleh pemaju dan perspektif dahulu. Arkitek, Jurutera dan Pemaju menuding jari kepada kontraktor akan hasil yang mendatangkan masalah berkenaan kepada pembeli dan tuan punya tanah. Sedangkan kerja-kerja kontraktor itu adalah di bawah tanggungjawab pemaju. Sementara kualiti kerja kontraktor pula adalah di bawah penyeliaan Arkitek dan Jurutera. Pada pendapat saya, lain-lain profesional yang dijumpai bukan daripada kalangan arkitek, jurutera dan sebagai pemaju, punca utama masalah tersebut kerana kelemahan pengurusan, pemantauan penyeliaan dan penguatkuasaan undang-undang, iaitu semasa pembangunan di rancang, diluluskan, dibina dan pemeriksaan bangunan sebaik projek siap sebelum diberikan Sijil Menduduki Bangunan ataupun CF. Kemelut ini bertambah dengan pegawai daripada PBT yang sendiri memantau bangunan sepatutnya menguasai Akta 133 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, serta lain-lain Undang-Undang berkaitan, terdiri daripada mereka yang tidak kompeten dan tidak terlatih untuk menguruskan peranan kawalan bangunan. Ketika ini Jawatankuasa Pusat Seheni, *One Stop Centre*, OSC, dan ahli-ahlinya menjalankan tugas utama menyemak bangunan-bangunan, cadangan pembangunan, adalah berperanan agar syarat-syarat '*development Order*' dengan izin, tersusun dengan sempurna dengan kehendak syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Ini tidak dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa OSC tersebut dengan baik kerana mereka tidak ada kepakaran dalam perkara dan ciri-ciri pembangunan dan mereka juga tidak pergi menyiasat ke tapak pembangunan yang disebutkan itu. Pada hemat saya, hal ini boleh di atasi jika diadakan jabatan yang dipanggil sebagai Jabatan Kawalan Bangunan, di PBT, yang stafnya diketuai oleh anggota mereka yang mempunyai pendidikan secara profesional dalam bidang ukur bangunan. Profesion ini telah di iktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA, sebagai staf profesional dalam gred perkhidmatan J41 hingga 45, setara dengan arkitek, jurutera, pegawai penilai, pegawai perancang, juruukur dan lain-lain. Di negara luar seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Scotland telah sekian lama mengguna pakai profesion juruukur bangunan, mereka dapat mengawal kualiti bangunan, pembinaan di negara mereka dengan cemerlang. Saya juga dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Kuala Langat, Banting telah mengambil inisiatif, Majlis Perbandaran Kuala Langat telah pun mengambil inisiatif pertama di Selangor ataupun di

Malaysia mewujudkan Jabatan Kawalan Bangunan, dengan di ketuai oleh seorang Juruukur Bangunan. Oleh itu tidak timbul apa yang disebut sebagai '*conflict of interest*' dalam kerja-kerja kelulusan pelan dan dapat diwujudkan satu proses yang dipanggil sebagai '*check and balance*'.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang setia, saya kira, beberapa aspek yang perlu dilihat adalah aspek kawalan keselamatan bangunan, aspek selenggaraan, pemeliharaan bangunan, aspek prestasi bangunan dan audit serta beberapa perkara yang boleh diiktiraf oleh juruukur bangunan seperti kawalan bangunan, penyelenggaraan bangunan dan prestasi bangunan audit. Tuan Speaker, saya sedang memendekkan atau merangkumkan satu kertas yang dicadangkan oleh seorang Ahli Majlis kita yang bernama Profesor Madya Dr. Hussin Mad Dini, Ahli Majlis Perbandaran Selayang juga sememangnya terlibat dalam bidang juruukur bangunan ini, dan saya kira kalau perkara ini di ambil perhatian serius oleh Kerajaan terutama EXCO dan meneliti kemungkinan untuk menubuhkan jabatan ini secara tidak langsung pengurusan bangunan yang telah melingkari masalah-masalah terutama di kawasan-kawasan perumahan kos rendah yang sebahagiannya melibatkan daripada kawasan-kawasan program setinggan sifar dulu, dapat kita atasi secara perlahan-lahan serta dapatkan secara keseluruhannya masalah masyarakat melahirkan masyarakat yang benar-benar maju serta bertambah tamadun dan boleh mencapai impian dan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju.

Timbalan Speaker.. Boleh saya sambung lepas ni...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Caves.. saya minta Batu Caves sambung selepas ini ya..

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Speaker, saya turut perintah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 7.01 minit, dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga 8.00 malam. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 7.01 malam )**

( Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam )

**Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Ya Batu Caves. 5 minit lagi

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Sudah malam Tuan Speaker kita sambung sampai pukul 11. Maaf Tuan Speaker saya sambung. Terima kasih Tuan Speaker. Saya membangkitkan tadi Sg. Pelek pula, saya membangkitkan tadi bahawa adalah Kerajaan Negeri sepatutnya meningkatkan kualiti pentadbiran khususnya di Majlis Pihak Tempatan dengan saya sarankan satu pembentangan ataupun ringkasan daripada cadangan agar dibentukkan satu *department* (dengan izin) atau jawatankuasa ataupun Jabatan Juru Ukur Bangunan justeru dapat mengawal selia memantau dan seterusnya melihat secara keseluruhan bagaimana projek-projek pembangunan isi bangunan-bangunan yang secara tidak langsung banyak menyebabkan masalah-masalah rakyat khususnya masalah rakyat di bawah. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Yang Setia saya lihat dalam ucapan ataupun Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Baginda menegaskan betapa pentingnya peranan media agar menyalurkan maklumat yang betul serta maklumat yang tepat. Seterusnya rakyat tidak berada kekeliruan. *Defenden of media* (dengan izin) yang boleh dianggap sebahagian demokrasi sebagai *foot pos for* demokrasi yang boleh memastikan proses semak dan periksa dan seterusnya maklumat-maklumat terus kepada rakyat menjadi panduan yang penting kepada rakyat menentukan hala tuju mereka memandu kehidupan mereka dan seterusnya memutuskan keputusan politik mereka. Amat malang Kerajaan Negeri Selangor menerima serangan-serangan daripada media yang tidak beretika yang kadang kala memaparkan berita-berita yang separuh benar. Saya memberi contoh apa yang berlaku kepada Batu Caves keluar di TV3 Aduan Rakyat berkenaan dengan lalang di kawasan perkuburan di Jalan Sg. Tua. Ketika laporan itu dibuat kira-kira 3 minggu sebelum laporan itu dipaparkan. Kita sedang merangka dan menyusun agar menyelesaikan masalah itu dan kebetulan sebelum mereka sampai itu dan sebelum mereka sampai itu kita mengadakan gotong royong untuk membersihkan kawasan perkuburan berkenaan. Amat malang masalah yang diselesaikan 2 minggu sebelum itu kurangnya prihatin daripada syarikat-syarikat media yang sangat rapat dengan UMNO dan Barisan Nasional ini. Akhirnya memberi gambaran sangat *negative* yang tidak menjelaskan yang tidak menunjukkan sejauh mana usaha dan ikhtiar kita itu satu contoh yang kecil. Tetapi bagaimana contoh-contoh yang besar yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri yang kita telah keluarkan laporan urus tadbir Selangor dasar program dan fakta yang menjelaskan dengan perinci dengan laporan kita program rakyat dan ekonomi. Saya ingin menyentuh tadi yang disentuh oleh sebahagian di sana kononnya kita tidak membuat apa-apa selain daripada air percuma. Kalau kita semak daripada program rakyat ekonomi yang telah di rencana oleh Kerajaan Negeri mempunyai program yang cukup banyak termasuk hadiah masuk universiti yang telah menelan belanja hampir RM10 juta. RM9 juta bermakna 9 ribu lebih pelajar-pelajar ataupun Mahasiswa Tahun Pertama Universiti yang masuk Universiti telah menerima manfaat terus daripada Kerajaan Negeri. Inilah beza kita dengan Barisan Nasional yang mengutamakan kepentingan kepada rakyat dan tidak menyalurkan kepada agensi-agensi dan orang-orang tengah sebagaimana yang didedahkan dalam Dewan ini dalam laporan Bil. 7/2010 tentang YDK. Saya hendak sentuh tadi disentuh kononnya kita sentuh isu *political* tapi ini berkenaan dengan pentadbiran hampir 2 ribu ekar tanah diberi kepada Yayasan Basmi Kemiskinan yang matlamat awalnya adalah untuk membasmi kemiskinan tetapi daripada laporan audit dibuat oleh kita. Walaupun ada kekangan daripada mereka menyalurkan undang-undang dan sebagainya menggunakan Peguam dan sebagainya kita menemui masalah-masalah yang penuh curiga yang harus dijelaskan berani kerana benar takut kerana salah. Saya kira Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan



seluruh jentera Kerajaan mempunyai hujah yang jelas mengapa kita mengambil langkah ini. Bukan kita ingin menolak pembangunan tetapi pembangunan itu janganlah meruntuhkan manusia dengan memperbodohkan kita dengan fakta-fakta dan emosi sebagaimana yang telah dipermainkan oleh juak-juak UMNO dan Barisan Nasional. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian Seterusnya Kerajaan Negeri sememangnya banyak fokus dan satu usaha yang terpuji dengan menjalankan usaha-usaha belia. Saya tertarik tadi Dengkil yang tak ada dalam Dewan menyentuh tentang program pembangunan belia yang tidak nampak dia. Saya pun tertanya-tanya sebab kalau dalam rekod kebetulan saya salah seorang yang membantu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar nanti akan dijelaskan oleh beliau dalam gulungan. Dan saya minta beliau Barisan Nasional yang tidak datang jangan jadi macam Kuang tadi tanya pasal pasir tapi kita sudah jawab pasir dua tiga kali sebelum ini tapi tidak datang mengambil keputusan untuk menyemak kepada fakta-fakta yang separa betul dan akhirnya mengeluarkan kenyataan-kenyataan bagi saya tidak berasas malahan tidak benar. Kalau ikut daripada peratusan dan juga laporan yang kita peroleh program belia di seluruh Negeri Selangor kita membentuk jawatankuasa-jawatankuasa belia penggerak belia tempatan yang keseluruhannya ada 290 penggerak-penggerak belia tempatan seluruh Negeri Selangor. Ada lebih kurang 70% daripada penggerak-penggerak belia Negeri Selangor ini telah bergerak pada tahun lalu Februari 2010. Bermakna hampir 200 program atau lebih program belia berakar umbi yang sedang berjalan yang mengumpul lebih kurang 40 atau 50 golongan belia. Memang saya anggap bukan sempurna masih banyak lagi peluang-peluang dan usaha-usaha patut dijalankan untuk membangunkan belia. Justeru itu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri yang baru sahaja mengumumkan hadiah penting kepada rakyat mengumumkan mikro kredit atau pinjaman mikro kredit kepada masyarakat Negeri Selangor sebanyak 50 juta yang akan diurus tadbir oleh Y.B. Gombak Setia agar memberikan sedikit ruang kepada golongan belia sekitar 10 persen atau 20% daripada peruntukan itu, dan insya-Allah penggerak-penggerak belia tempatan kita akan menyalurkan golongan-golongan belia tanpa tiada masalah politik tanpa mengira warna kulit atau tanpa mengasing mencerakin mereka mengikut agama atau ikutan mereka. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian yang setia. Akhirnya saya ingin menyentuh bagaimana pandangan silap yang telah dibuat oleh wakil-wakil Barisan Nasional. Sebaliknya kita ingin mahu pembangunan yang menyeluruh yang mahukan belia-belia ini bukan sahaja menjadi pak turut pada tokeh-tokeh besar dan pemimpin-pemimpin besar mereka. Sebaliknya mereka *gerund* bangun (dengan izin) mereka terbentuk dengan satu golongan yang mahir termasuk yang memahami aspek-aspek politik. Saya sangat dukacita tadi seorang pemimpin dan penggerak belia sebelum ini seperti bengkel juga yang lain menganggap bahawa Program Jom Daftar Undi ini adalah satu program *political yes di is political but di is not political* (dengan izin) ini bukan untuk parti politik PKR, PAS atau DAP sebaliknya ini adalah satu program untuk mengajak rakyat menjadi pendaftar kepada pengundi dan mereka boleh memilih menggunakan kuasa mereka bagi setiap penggal atau setiap pilihanraya umum atau pilihanraya kecil yang akan berlangsung. Keinginan serta ajarkan dan kempen yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini. Saya kira adalah satu usaha yang selaras dengan seruan daripada SPR yang mengumumkan berjuta masyarakat rakyat kita masih belum mendaftar mengundi kita galakkan dan kalau UMNO dan Barisan di sebelah sana rasa ingin bersama dengan Program Jom Daftar Undi saya rasa bagi program penggerak belia tempatan Sekretariat Belia kita membuka tangan kita mengajak mereka bersama-sama menyertai Program Jom Daftar Undi ini untuk memastikan anak-anak muda ini menjadi salah seorang yang sedar tentang tanggungjawab mereka. Bukanlah satu usaha *di politik saiz* (dengan izin) atau nyah politikkan golongan muda sebagaimana yang berlaku dalam arena dan capaian dan capaian serta rencana UMNO dan Barisan Nasional (dengan izin). Saya rasa kita lihat bagaimana usaha-usaha UMNO dan Barisan Nasional untuk mengurangkan rangka politik kepada generasi muda. Politik ini dianggap kotor akta Universiti dan Kolej Universiti digubal mengekang gerakan-gerakan anak-anak muda daripada menonjol serta menunjukkan cita rasa serta *adeslima* yang telah kita

tontonkan. Akhir sekali saya hendak sentuh tentang demokrasi disentuh demokrasi Negeri Selangor sebagaimana contoh negeri yang paling panas tapi kadang kala kita disebut kita negeri yang paling panas pencapaian pelaburan Negeri Selangor mencatat nombor 1 di seluruh negeri semenanjung nombor 2 di seluruh Negeri Malaysia. Apakah ini tidak menunjukkan bahawa demonstrasi ini tidak secara langsung memberikan kesan kepada hasrat dan keinginan masyarakat untuk hadir dan juga pelabur-pelabur di luar sana untuk menanam pelaburan modal mereka seterusnya menjadikan negeri kita sebagai sebuah negeri yang berjaya menarik pelabur-pelabur ini dan berjaya memberikan impak yang besar kepada program pembangunan dan pemulihan ekonomi negara yang diserang oleh gelombang masalah ekonomi pada tahun 2007 dan 2008. Tuan Speaker akhirnya saya menyeru kepada semua pihak khususnya jentera Kerajaan dan juga seluruh Ahli Dewan menyambut baik dan menanamkan fikiran yang terbuka apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan menegur agar kita jangan *politik saiz* keterlaluan sebaliknya melihat dengan isu yang objektif. Contohnya YDK adalah sungguh contoh objektif, pelaburan yang curang penggunaan Dana yang tidak jelas. Saya tahu Sg. Burung yang baru masuk jelas ada banyak yang telah diberikan oleh YDK boleh disenaraikan tapi kita juga ada senaraikan masalah-masalah yang harus diselesaikan dan kalau tidak hendak diselesaikan bermakna kita telah mengkhianati amanah telah diberikan oleh rakyat dengan tidak memeriksa sejauh mana satu badan yang diberikan tanggungjawab diberikan tanah yang cukup besar, diberikan amanah untuk membasmi kemiskinan menggunakan sebahagian besar atau sebahagian daripada peruntukkan itu untuk kepentingan setengah pihak dan individu yang sangat rapat dan berkait dengan UMNO dan Barisan Nasional. Akhirnya Tuan Speaker saya memohon agar Kerajaan Negeri memberikan pengiktirafan yang jelas kepada wakil-wakil kita, Ketua-ketua Kampung yang sememangnya yang bekerja keras untuk memastikan Kerajaan Pakatan Rakyat terus bergerak dan memastikan mereka berjalan dengan sempurna. Alhamdulillah baru-baru ini telah diberikan watakah sempena dengan sahnya mereka sebagai Ketua-ketua Kampung dan juga pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberikan senyum dan gembira kepada mereka dengan hadiah 10% daripada keuntungan kumpulan semesta atau keuntungan hasil pasir kepada Ketua-ketua Kampung ini. Namun begitu ada beberapa perkara yang saya kita perlu diambil perhatian secara terperinci oleh EXCO berkenaan. Berkenaan dengan elaun mereka berkenaan dengan kehadiran mereka dalam mesyuarat-mesyuarat kebanyakan mereka ini golongan-golongan mereka yang pencen. Ada juga sebahagiannya masih lagi perlu bekerja dan mereka memberhentikan kerja untuk menjadi Ketua Kampung dan menjadi wakil kita di peringkat desa dan di peringkat kampung. Apa salahnya agar elaun mereka ini ditingkatkan kehadiran mereka kepada program-program ini diberikan elaun dan mereka tidak dihadkan sahaja elaun mereka untuk mesyuarat dan sebagainya. Tuan Speaker saya kira dalam tempoh 2 tahun Kerajaan Negeri ditadbir kita telah cuba dengan sedaya mungkin dengan menetapkan urus tadbir yang baik, urus tadbir yang bersih menjadi landasan yang penting kita. Memang jauh daripada sempurna tetapi kita seolah-olah kita telah berjaya sebenarnya membentuk satu budaya politik baru. Pengasingan kuasa yang ditonjolkan dalam Sidang Dewan. Penubuhan SELCAT sebagainya yang kali pertama saya kira dilakukan di negara kita patut menjadi tauladan bagaimana satu urus tadbir itu diurus, bagaimana melihat fungsi Undangan Negeri. Fungsi Ahli Eksekutif dan saya menyokong penuh usaha dan juga ikhtiar Kerajaan Negeri untuk kita menerbitkan kembali kerajaan tempatan bagi memastikan rakyat mempunyai suara terus mereka memilih wakil-wakil dipihak ketiga dan memastikan urus jalan tadbir kita berjalan dengan baik dan sempurna. Tuan Speaker saya rasa cukup sampai di situ sekian saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Bukit Antarabangsa tadi. Assalamualaikum.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pelek

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan di dalam pembahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Sidang Dewan Negeri Ke12 Tahun 2010. Saya masih ingat pada tahun lepas saya sebut berapa angka. No.1 yang saya sebut 308 sehingga hari ini dua tahun lebih semua ingat, No.2 yang saya sebut ialah 916 iaitu 16 September tahun lepas Tahun 2008 dan saya sebut. Dan saya ingin menyentuh tentang apa yang berlaku pada 16 September 2008 dan diikuti dengan Sidang Dewan Rakyat yang baru-baru ini kenyataan-kenyataan dikeluarkan yang dikeluarkan oleh ahli bebas pada Pakatan Rakyat mengatakan bahawa apa-apa yang berlaku semasa tu adalah cuma satu taktik bahawa sayap Pakatan Rakyat akan menerajui perintah memerintah Malaysia atau menduduki Putrajaya, jadi saya masih ingat pada waktu itu saya menegaskan di sini baik Kerajaan Negeri, baik Kerajaan Persekutuan, pilihanraya sudah lepas, marilah kita sama-sama bekerja untuk negeri, bekerja untuk persekutuan supaya rakyat jelata Negara kita boleh hidup dalam suasana aman dan damai dan makmur. Jadi tak payah saya ulas apa yang dikatakan oleh Zahrain, apa yang dikatakan oleh Zulkifli Nordin dan lain yang keluar dari parti Pakatan Rakyat di Parlimen yang baru berlangsung ini. Dua tahun lebih Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor ingin saya mengemukakan sedikit potongan surat khabar, keratan surat khabar yang saya ingin menyentuh pasal infrastruktur di kawasan saya, di kawasan-kawasan yang lain yang dalam gambar ini menunjukkan sampah, jalan yang berlubang-lubang, yang ini selepas kerja jalan yang apa tu, sisa-sisa yang ada di sana tak dibersihkan. Ini semua adalah masalah selepas dua tahun Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor dan difahamkan juga kemudahan asas seperti jalan, longkang, padang kurang diselenggarakan dan menyebabkan banyak berlakunya insiden-insiden atau berlakunya kemalangan yang tidak diingini berlaku. Saya berharap jangan jadi lagi satu insiden bahawa sayap Kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri khususnya pada PBT untuk menjalankan segala penyelenggaraan kemudahan asas di PBT-PBT. Saya difahamkan juga sejumlah tiga ratus lima belas juta diberi oleh MARRIS kepada PBT-PBT di Negeri Selangor sedangkan empat puluh lima juta sahaja dipakai untuk selenggaraan jalan yang empat puluh, yang *balance* nya, yang bakinya entah pergi ke mana. Jadi saya ingin mendapatkan sedikit sebanyak penjelasan dari pihak yang berkenaan. Beralih kepada tajuk yang saya nak sebut yang kedua ialah Negeri Selangor ini diduduki oleh ramai penduduk dan setiap hari rasa saya tak mahu lah, seminggu sekali atau sebulan sekali ada orang meninggal. Kekurangan tapak kubur baik Melayu, baik Cina baik India sangat kekurangan. Saya tidak tahu apa rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi saya ingin ambil kesempatan ini membawa perkara atau membawa satu tapak kubur Cina khususnya dipakai oleh penduduk Cina di Tanjung Sepat yang terletak di Daerah Sepang iaitu daripada jalan Sepang ke Bandar Baru Salak Tinggi. Saya difahamkan permohonan sudah dikemukakan sejak tahun 2006 hingga hari ini semakin kurangnya tanah untuk menanam apabila ada orang meninggal dunia. Bagi saya memang bagi pepatah orang Cina cakap memang apa ni *tsee woo chan cheng ti* apabila orang sudah meninggal tak ada tempat untuk tanam itu memang menjadi satu perkara yang tidak diingini dan saya harap pihak Kerajaan kita boleh mengambil perhatian prihatin atas tapak kubur Tanjung Sepat yang terletak di Daerah Sepang ini supaya apabila berlakunya apa kematian itu adalah tempat untuk orang Cina di Tanjung Sepat supaya dapat ditanam di tapak kubur Cina Tanjung Sepat yang terletak di Sepang. Yang nombor tiga saya ingin sentuh pasal peruntukan pasal sekolah SJKC, SJKT dan SAR, sekolah agama rakyat. Pada tahun 2009 saya masih ingat dalam Dewan ini saya bertanya pada EXCO yang berkenaan beliau jawab walaupun kawasan Barisan Nasional boleh kemukakan permohonan, saya sendiri usahakan sekolah SJKC, SJKT dan SAR dan saya hantar permohonan SJKC ke pejabat EXCO yang berkenaan tapi malangnya 2009 setahu saya SJKC, SJKT dan SAR di kawasan DUN Sungai Pelek tak dapat langsung peruntukan daripada peruntukan yang nak dibagi kepada SJKC, SJKT dan SAR ini. Saya kurang pasti mungkin kawasan DUN Sungai Pelek ini merupakan satu kawasan Barisan Nasional dan sama juga

mungkin kawasan saya yang jadi ADUN di kawasan masing-masing pun tidak dapat peruntukan tapi bagi saya ini duit daripada rakyat. Kalau nak diagih-agihkan pun elok lah kita sama rata bagi jangan menganaktirikan kawasan DUN Barisan Nasional di Negeri Selangor ini. Jadi tahun ini saya tahu pihak sekolah memang pun hantar saya faham ada borang untuk isi selepas mereka isi saya pun tak mahu campur, saya pun tak mahu sokong, pun tak mahu tandatangan. Apa yang kluatir bila tandatangan dan cop saya itu ada dekat sana mungkin, mungkin la, saya sebut mungkin apa yang diminta, dimohon oleh pihak Sekolah JKC, SJKT dan SAR itu macam tahun lepas 2009 satu sen pun *elek*. So, saya harap EXCO yang berkenaan boleh la, boleh mengambil berat tentang bukan hal saya tapi hak pendidikan semua lapisan masyarakat di Malaysia kita ini. Pagi tadi EXCO menjawab soalan mengenai projek rumah terbengkalai, Di kawasan saya ada banyak projek rumah terbengkalai dan pernah juga dalam Mesyuarat Hartanah dan Perumahan di Negeri Selangor salah satu tanah yang terbengkalai iaitu Taman Permata Salak pernah bawa kemukakan masalah mereka tetapi sehingga hari ini rasa saya dua tahun masalah masih berlarutan iaitu pembeli setiap bulan kena bayar ansuran dan mereka tak ada rumah boleh diduduki sehingga hari ini seperti juga di Taman Kenanga dan lain-lain lagi di Bandar Baru Salak Tinggi dan rasa saya pagi tadi tersilapnya jawapan EXCO berkenaan apa yang disebutkan di Taman Murni Sepang. Sebenarnya Taman Murni Sepang sudah diduduki oleh penduduk di sekitar kawasan kampung baru Sepang, Sungai Pelek, baik ladang Sepang duduk di Taman Murni Sepang lebih dari belasan tahun tetapi sehingga hari ini geran individu masing-masing pemilik rumah kedai masih tak diperolehi. Oleh kerana buat masa dahulu kita usahakan untuk premium tanah yang dibayar oleh kontraktor atau *developer* selesai, cukai tanah selesai, yuran ukur selesai. Sekarang dua tahun ini tambah lagi apa yang belum selesai setahu saya ialah seratus lebih lagi, seratus ribu lebih lagi hutang cukai tanah sebab dia adlah satu tanah yang empat puluh lima ekar di atas projek ini. Jadi saya berharap sangat pihak yang berkenaan kerajaan kita, kerajaan negeri kita bolehlah usahakan untuk ini supaya penduduk penghuni baik di rumah, kedai di Taman Murni ini boleh dapat geran individu masing-masing. Saya ingin juga menyentuh sedikit isu mengingkari penasihat ekonomi Selangor. Pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai selaku penasihat PKR sebagai Penasihat Ekonomi Selangor adalah bermotif politik kerana beliau tidak pandai ekonomi dan hamper melingkupkan ekonomi Malaysia pada tahun 1998 apabila Negara kita dilanda kegawatan ekonomi. Pelantikan DSAI penasihat PKR sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dengan gaji satu ringgit setahun hanya gimik murahan yang hanya sebenar dituju bertujuan politik iaitu bagi mengukuhkan cengkaman beliau di Negeri Selangor sebagai negeri PKR. Hal ini memang pelik, Sungai Pelek sebut pelik, hal ini memang pelik kerana dalam sejarah Selangor ini lah kali pertama seorang Dato Menteri Besar terpaksa di pimpin dan di nasihat oleh seorang lain dari segi ekonomi yang menunjukkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak berkemampuan mengurus ekonomi negeri kita. Padahal Yang Amat Berhormat Menteri Besar...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat. Ya, Sri Muda, mintak penjelasan? Boleh? Ya Sila.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Dari awal ucapan tadi saya perhatikan yang Sungai Pelek ini memang pelik, asyik dok hentam, dok belasah dok cerita tapi fakta tak ada. Kalau betul melingkupkan, Dato' Seri Anwar melingkupkan ekonomi kenapa sepanjang kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan kita mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang cukup baik, cukup hebat dan tak sampai pun lepas dia meninggalkan Kementerian Kewangan sampai hari ini tak ada pun Kementerian itu boleh mengatasi apa yang telah dilakukan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah berniat jahat dan saya minta ditarik baik.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya belum habis apa yang saya nak cakap dia sudah nak tarik balik macam mana semasa tu boleh jadi Tuan Speaker...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker saya nak minta izin.

**YB TUAN YAP EE WAH:** keadaan macam ni memang ada dalam teks ucapan saya dan sebentar nanti you boleh dengar kenapa.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Bukan, apa yang saya nak betulkan adalah niat jahat itu, niat jahat itu adalah jelas terserlah, ini *mala fide* menuduh tanpa bukti, tak boleh saya mintak ditarik balik,

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, memang ada, ada sebab-sebab saya berkata demikian.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tak boleh saya tak mahu, tarik balik kenyataan itu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya tak mahu tarik balik selagi saya belum habis apa yang saya nak cakap. Tak boleh.

**TUAN SPEAKER:** Tenang, tenang dulu. Yang Berhormat Sri Muda, Yang Berhormat mintak ditarik balik, jadi adakah itu permintaan Yang Berhormat sendiri ataupun permintaan...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** ..nanti dulu saya belum habis, sabar. Adakah itu permintaan Yang Berhormat sendiri ataupun permintaan yang berdasarkan kepada peraturan tetap tiga puluh enam, enam.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Permintaan saya itu berdasarkan kepada peraturan tetap itu, Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Jadi kalau bergantung kepada peraturan 36 (6) maka itu adalah keputusan Speaker, biar Speaker yang putuskan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Baik, saya akur.

**TUAN SPEAKER:** Baik, jadi permintaan Yang Berhormat Sri Muda berdasarkan tiga puluh enam itu tak dibenarkan kerana itu adalah pandangan Sungai Pelek, jadi soal sangka jahat itu tidak wujud. Dipersilakan Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Sungai Pelek. Boleh tak? Nak minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Minta penjelasan.

**YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Minta penjelasan, sikit saja, dua minit.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Biar saya cakap dulu, habis baru tanya la. Sabar la.

**TUAN SPEAKER:** Biar habis dulu. Sabar.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata jika RM 1.00 yang anda bayar sebagai gaji maka anda akan dapat nilai ekonomi Selangor RM 1.00 juga. Ini yang tak sedap saya dengar la. Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak faham sama sekali pengurusan kewangan dalam ekonomi Negara. Dia begitu taksud dengan dana kewangan antarabangsa. Saya jawab apa yang you tanya tadi. IMF dan bank dunia sehingga menerima bulat-bulat nasihat daripada dua institusi ini dan mengakibatkan suasana semasa 1998 suasana keadaan kewangan kita, ekonomi kita lebih teruk. Mereka meminta supaya negara ini mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk mencapai *supplies* menaikkan pinjaman bank dengan tinggi, kalau tak silap saya, buat masa itu kalau simpan dalam bank tu faedah kita 12.5 *interest* dia, kalau tak silap sayalah, ok. Faedah pinjaman bank yang dengan tinggi supaya peniaga kekeringan modal dan tidak dapat berniaga, ini yang dilakukan semasa 1998. Daripada enam bulan ke tiga bulan untuk menjadikan yang berhutang mufliis dan bank di beban dengan hutang tak bayar *non for firming loan* supaya bank tidak dapat berfungsi dan memerlukan suntikan modal dan bermacam lagi tindakan yang melemahkan dan memburukkan lagi ekonomi negara pada masa itu supaya .....

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Yang Berhormat Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda bangun ini .....

**YB YAP EE WAH:** Supaya terpaksa mendapat bantuan LMF dan bank dunia dengan syarat ekonomi Malaysia diserahkan kepada institusi-institusi tersebut. Jika pentadbiran ekonomi Malaysia diserahkan kepada LMF, menjadi lebih, keadaan akan menjadi lebih teruk dan buruk dan ringgit wang Malaysia ....

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Minta laluan .....

**TUAN SPEAKER:** Baik sekarang ni....ada dua orang minta laluan ni.....Yang Berhormat Sg. Pelek nak bagi jalan.....

**YB TUAN YAP EE WAH:** dia dulu lah .....

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves, sila.....

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, terima kasih. Dua soalan dan minta penjelasan. Pertama, logik yang pertama tadi, kalau disebut bahawa Yang Amat Berhormat kurang mantap kerana ambil penasihat ekonomi ataupun ambil penasihat. Begitu juga Kerajaan Pusat ambil penasihat agen yahudi *axcore*....., apakah itu kerajaan kurang mantap. Kedua, kedua jangan bangun dulu. Kedua, sedarkah Yang Berhormat bahawa negara-negara lain yang mengikut *prescription* dengan izin ataupun kaedah yang dibuat oleh LMF seperti Indonesia dan Korea mampu melepasi kekangan kemelut ekonomi pada ketika itu lebih awal dengan syarat mereka mengutamakan ketelusan dan sebagainya. Jadi saya minta Yang Berhormat tolong jelaskan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, rasa saya kita tidak pinjam dengan LMF. Kita tidak pinjam dengan bank dunia buat masa itu tetapi kita pulih juga ekonomi kita, walaupun lambat sedikit. Mereka pinjam, mereka hutang, mereka bayar, kita tak pinjam tiada hutang sama-sama

semua tak payah bayar, bukan saya yang bayar, semua tak payah bayar, ok. dan soalan no. 1 tadi, cuba tanya orang yang berkenaan, jangan tanya saya. Saya tak dapat jawab dan saya tak nak jawab di sini. Saya ingin .....

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi tempoh dua minit lagi .....

**YB TUAN YAP EE WAH:** ah ....

**TUAN SPEAKER:** dua minit lagi.....

**YB TUAN YAP EE WAH:** oh.. ya....akhirnya kuasa ke atas kewangan dan ekonomi terpaksa dipindah kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebagai Jawatankuasa dan *thing thank* yang di tubuh untuk menangani masalah kekusutan nilai ringgit dan ekonomi negara. MTENlah yang mencipta *currency control* atau kawalan mata wang dan menyekat *glob centre limit order book*, pasaran saham haram yang ditubuhkan di Singapura supaya segala perniagaan ringgit oleh penyangak mata wang dan penjual saham Malaysia dalam CLOB ditamatkan. Tindakan MTEN ini berjaya memulihkan ekonomi dan kewangan negara dan bukannya Dato' Seri Anwar Ibrahim yang hampir memusnahkan ekonomi negara. DSAI penasihat PKR dan penasihat ekonomi Selangor melakukan lagi, apa yang saya sebut tadi satu pembohongan terbesar kepada rakyat dalam sejarah Malaysia dengan mengatakan bakal berlakunya peralihan kuasa Kerajaan Persekutuan pada 16 September 2008 yang apa saya sebut sebentar tadi. Pada 16 September 2008, perhimpunan perdana Sambutan Hari Malaysia di Stadium di PJ Kelana Jaya, kononnya tarikh itulah pembentukan kerajaan baru Malaysia tapi tidak berlaku apa-apa tarikh tersebut. Terbaru DSAI, terbaru Dato' Seri Shahril Hashim, Ahli Parlimen Bayan Baru mengatakan:

i) Kami disogok cerita kononnya panglima angkatan tentera memberi .....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Ya.. Sg. Burong ada apa ni.....Sg. Burong, Sg. Burong Speaker tanya ni nak buat apa...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya, saya ingin mendapat penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Banyak penjelasan daripada rakan sendiri ini.....,silakan tak apa.

**YB. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sg. Pelek. Tadi Yang Berhormat Sg. Pelek sebut yang Dato' Seri Anwar Ibrahim itu pembohong, betul ke saya nak juga bertanya adakah benar, bukan sahaja dia bohong dengan orang-orang yang dia nak ajak untuk melompat tu membentuk kerajaan, tetapi dia membohongi Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan juga membohongi angkatan tentera yang menyatakan Agong pun menyebelahi dia dan juga angkatan tentera menyebelahi dia. Benarkah perkara ini, terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Sg. Burong. Tadi saya cakap Dato' Seri Zaharin Hashim Ahli Parlimen Bayan Baru menyatakan:

i) kami disogok cerita kononnya panglima angkatan tentera dan angkatan tentera memberi sokongan pembentukan kerajaan oleh Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Ahli Parlimen Permatang Pauh;

- ii) mereka juga diberitahu bahawa Yang Dipertuan Agong sedang menunggu di Istana untuk mendapatkan kenyataan jumlah ahli parlimen Barisan Nasional yang melompat 30 orang, 30 orang bagi membolehkan pihak pembangkang membentuk kerajaan. Ini apa yang disebut oleh Dato ' Seri Zaharain Hashim.

**TUAN SPEAKER:** Baik, Yang Berhormat, ya, Seri Muda...

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya sudah bagi sekali, saya ingat cukuplah.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat .....

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya masih ingat lagi pada tahun 1986. Pertubuhan Cina, DAP, MCA, Gerakan semua pergi ke To Kong Heng Ho Kong apa yang berlaku pada waktu itu. Sewaktu tu, semasa tu, Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah Menteri Pelajaran Malaysia. Beliau ingin menggunakan kuasa sebagai seorang menteri iaitu dalam Akta, Akta Pendidikan boleh menggunakan Klausula 61B, menamatkan mana-mana satu sekolah, mana-mana satu sekolah dan tidak boleh dicabar.

**TUAN SPEAKER:** Baik Yang Berhormat, masa saya bagi dua minit dah empat minit, jadi saya minta duduk.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya habis ni .....

**TUAN SPEAKER:** nanti, nanti dulu, pukul 8.34 saya dah bagi dua minit, sekarang dah 8.39 dah lebih sampai lima minit, saya dah lebih daripada adil. Jadi kalau saya bagi lebih maka tak adil pada yang lain, ya. Baik, terima kasih, sila duduk.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Okey. terima kasih banyak kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kota Damansara ingin membahaskan usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kota Damansara mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri terhadap prestasi yang menggalakkan. Namun begitu ada beberapa kerja lagi yang harus kita laksanakan. Kota Damansara juga merakamkan terima kasih kerana Kerajaan Negeri Selangor dapat menyelamatkan *forest rizab* Kota Damansara dengan EXCO, dengan penduduk dan kami juga banggalah. Sebelum ini, tanah ini dah di *parcel out* untuk pembangunan, dengan izin. Kami juga ingin menyarankan agar penduduk sendiri menguruskan *forest rizab* itu (hutan simpanan tersebut). Malahan juga di sebelah hutan simpan itu juga ada satu kawasan yang sudah dikepung untuk projek perumahan. Ada juga kami bertanya dia kata projek perumahan, itu adalah, saya difahamkan, kami difahamkan, Kota Damansara difahamkan bahawa itu adalah tanah JAIS tetapi JAIS tidak ada tanah pengganti. Kami telah mencuba mendapatkan maklumat termasuk Ahli Majlis dan penduduk di MBPJ nak tahu kronologi, apa yang dah berlaku hinggan JAIS menghilangkan sekeping tanah, tidak ada tanah ganti. Setakat ini kami belum menerima lagi apa-apa maklumat tentang perkara itu.

Kota Damansara juga mengucapkan terima kasih dan syabas juga kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan satu *task force* untuk Orang Asli. Prihatin terhadap masalah Orang Asli



khususnya masalah tanah. Walau bagaimanapun, Kota Damansara merasakan kita tidak kerja dengan lebih tegas lagi ataupun dengan lebih agresif lagi untuk membantu mereka.

Kota Damansara juga mengucapkan terima kasih kerana ada nurseri di Sungai Buloh yang satu masanya dulu kena melalui orang tengah membayar bulanan, sewa sekarang kami berjaya mendapatkan TOL tidak melalui orang tengah. Maknanya mereka bayar setahun sekali sahaja cukai ataupun TOL. Kini kita masih menunggu keputusan dari Kerajaan Negeri. Kami dah hantarkan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan sokongan. Juga, kami juga ingin mengetahui khususnya RRI tempat Institut Penyelidikan Getah. Difahamkan bahawa tanah itu akan dikembalikan pada Kerajaan Negeri dan memanglah kalau itu berlaku, Kota Damansara juga ingin mengambil sekeping tanah untuk nurseri, ya... untuk mereka, supaya mereka di tepi jalanan dan apabila jalan diperbesarkan mereka tetap bermasalah. Kami inginkan begitu.

Kerajaan juga telah bergerak untuk membantu dari segi perumahan terbengkalai. Kita juga menerima berbagai teguran kerana kita ingin mempercepatkan proses ini. Kota Damansara ada masalah kerana pemaju penyelamat tu, syarikat dulu tu berhutang cukai tanah dan kami juga telah menulis surat kepada Kerajaan Negeri untuk cuba mengecualikan mereka supaya mereka cepat mengerjakan tanah pembangunan tu agar penduduk dapat memindah ke tempat itu.

Kami juga berterima kasih kerana ada sumbangan mesin jahit di mana sekarang ni kita beri latihan kepada ibu-ibu tunggal dengan harapan bahawa bila mereka yang dah mahir akan carikan pemasaran. Akhirnya kami mahu mereka membentuk koperatif dan menjalankan kerja sendiri dengan harapan bahawa keuntungan tadi dibagi samarata.

Selain daripada itu juga, biarlah kita merenungi kembali prestasi kita agar dapat mengatasinya. Kita juga telah menerima berbagai teguran, adakah kita ini terperangkap dalam acuan yang lama menyebabkan kita tidak dapat menganjak ataupun apa yang dipanggil anjakan paradigma (*paradigm shift*).

Kekuatan kerajaan adalah memperkasakan rakyat. Persoalannya, adakah kita melakukan sesuatu untuk rakyat ataupun bersama rakyat. Soalan yang satu lagi adalah adakah kita mewujudkan satu budaya pautan dengan izin *creating dependency*. Tidak kena cara kita melaksanakannya. Walaupun adakah bantuan yang kita beri itu berbentuk kosmetik sahaja kerana kita tidak pertikaikan acuan yang ada, kerana acuan yang ada ini menindas dan menyebabkan ada yang merebut kuasa, kedudukan dan seterusnya. Haruskah kita bertemu dengan berbagai-bagai penduduk yang pernah berjuang tak kira dari masyarakat peneroka bandar, kilang, ladang yang berjuang menentang majikan, menentang Kerajaan Negeri, menentang polis akhirnya mereka berjaya mendapat sesuatu. Kerana kita mahu tahu semangat mereka bagaimana pada awal mereka bergerak.

Kerana kita ingin memperkasakan rakyat khususnya kaum wanita kerana pengalaman saya semasa dalam perjuangan ini apabila kaum wanita memahami perjuangan ini mereka lebih kukuh, lebih kuat dalam perjuangan. Juga sering kali dalam Dewan ini, sejak dahulu kita menimbulkan berbagai-bagai teguran. Adakah teguran ini diterima? Adakah teguran ini di bawa dalam mesyuarat? Kerana kita tidak mahu teguran ini hanya di sini sahaja tetapi tidak di bawa, dibincangkan kerana tidak sampai pada kami, *feedback*, ya bermakna kita tidak mahu nanti dikatakan di Dewan ini untuk melepaskan geram sahaja tetapi tidak ada suatu perkara yang satu yang berlaku untuk membantu memperbaiki keadaan. Juga, kita Kerajaan harus sedar bahawa Pilihan raya 2008 adalah satu fenomena politik. Menunjukkan bahawa kuasa rakyat telah bergerak. Adakah kita dapat melakukan sesuatu untuk memperkasakan mereka lagi

supaya mereka memahami bahawa merekalah yang menentukan haluan negara kita. Menentukan jenis pemimpin yang mereka mahu kerana aktiviti-aktiviti tak kira *Hindraf* ke, bersih ke, harga barang ke mereka melakukannya adalah kerana mereka terdesak. Mereka pergi di jalan raya kerana mereka terdesak kerana semua ruang yang lain tertutup kerana ini juga memberi gambaran bahawa kita sebagai Kerajaan harus mengambil kira keluhan rakyat dan apa yang harus kita lakukan.

Tuan Speaker. Kita juga harus mengambil kira peranan NGO kerana banyak juga kawan-kawan kita di sini berakar umbi dari NGO kerana mereka juga dapat membantu. Bagaimana kita nak melibatkan mereka dalam pembangunan negara kerana mereka juga mempunyai kemahiran, pemikiran yang tajam juga mempunyai sifat *organization* yang perlu dengan izin, sekarang ini juga di Kota Damansara kita ada beberapa badan NGO. Berkat dengan badan NGO yang hendak membasmikan kemiskinan dengan penyertaan rakyat dan juga Pejabat DUN. Ada juga Badan-badan NGO yang seperti macam katakan *forest reserve* ya so saya percaya dengan cara ini bukan sahaja kita dapat melibatkan rakyat tetapi juga NGO-NGO yang mahu membantu kita membangunkan negara.

Tuan Speaker. Masalah dari segi masalah kerja, pekerja masih belum selesai. Seperti mana yang dititahkan oleh Tuanku Sultan Selangor, krisis ekonomi masih belum reda lagi, kemiskinan menjadi masalah. Masalah perumahan memang menjadi satu isu walaupun kita sekarang berusaha khususnya PPR tetapi kita juga jangan lupa rumah kos rendah yang 5 tingkat mereka juga bermasalah ya dan ini juga harus kita bersama cuba menyelesaikan. Yang satu lagi itu juga, banyak kali kita cuba dan juga dalam kempen Kerajaan Pakatan Rakyat, berkenaan dengan *minimum wage* dan kami telah timbulkan beberapa kali dan sekiranya kita tidak ambil berat terhadap mengadakan *minimum wage* maka kita menggalakkan penindasan kerana kalau tidak ada *minimum wage* bergantung kepada majikan untuk melakukan apa sahaja yang dia kehendakkan. Maka itulah mereka bermasalah dari segi Along dan berbagai lagi. Masalah kesatuan, adakah kita rapat dengan kesatuan pekerja? Bagaimana kita nak bersama ya mengatasi masalah kerana pada kami rakyat adalah pekerja mereka yang bekerja adalah rakyat dan pekerja adalah tulang belakang pada ekonomi negara dan mereka selalu terabai dalam perkara ini juga kadang-kadang, kerap kali juga kesatuan mengatakan bahawa pekerja tidak patut menjadi *political, e-political*. Masalahnya adalah mereka harus ada kesedaran politik, *political consignees* walaupun mereka tidak mahu memasuki parti apa pun *they should be politicizes* supaya mereka tahu bahawa akhirnya Undang-undang sampai ke Parlimen dan seterusnya dan mereka harus tahu bagaimana mereka ditindas dan apa harus mereka lakukan.

Tuan Speaker. Berkenaan dengan anak syarikat Kerajaan Negeri JLC, pernah juga di Dewan ada Usul berkenaan dengan CRC, *Corporate Social Responsibility* dengan izin ya menceritakan bahawa JLC ini patut menjadi teladan ya. Kenapakah *minimum wage* tidak dilaksanakan dalam syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan. Saya ada keluarkan soalan dalam Dewan juga saya lihat Dewan ini juga ada soalan yang di tolak. Alasannya adalah kita terpaksa tunggu kepada Federal punya ketetapan. Isunya, syarikat ini adalah syarikat kita? Tidak kisah, walaupun ini syarikat kita, maka kita boleh tentukan gaji mana yang kita hendak. Letakkanlah *two thousand five hundred* mungkin seribu lima ratus. Semua dah ada seribu lima ratus tapi kita memulakannya, bermakna kita menggalakkan supaya syarikat lain meletakkan seribu lima ratus sebagai gaji minima. Selagi kita tidak buat begitu macam mana syarikat swasta nak ikut kita walhal syarikat yang kita miliki sendiri kita tidak ada *minimum wage*. So itu juga telah kami utarakan dalam kempen pilihan raya juga kita menyebut *minimum wage* seribu lima ratus kenapa kita tidak laksanakan? Dan kita tidak mahu berbagai-bagai alasan. *They must be political will* dengan izin ketegasan politik.

Tuan Speaker, berkenaan dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Ini juga ditimbulkan dalam Usul. Negeri Pulau Pinang telah jalan, kita mengikutinya. Saya dengar satu ceramah oleh seorang Peguam yang terkemuka menunjukkan, dia mengatakan ada Undang-undang yang membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Ini menjadi hak kepada mereka yang duduk dalam bandar kerana mereka juga bayar *tax*, cukai. So, saya memang mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri harus memikirkan perkara ini kerana kita ingin memperkasakan rakyat, tidak kira siapa mereka memilih. Selagi kalau mereka diperkasakan mereka akan menjadi lebih tajam, lebih mengetahui, lebih matang memilih pemimpin-pemimpin mereka. Dengan itu juga Kota Damansara menyokong Usul DYMM Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** *Bismillahi rahmani rahim*, Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang bagi saya untuk memberi ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor. Saya ingin merujuk kepada teks ucapan muka surat 22 di mana Tuanku mahu kualiti perancangan taman dan kawasan kegiatan masa lapang atau rekreasi memperlihatkan ketinggian budaya dan masyarakat. Ini menunjukkan satu wawasan yang cukup jelas, satu wawasan Baginda Tuanku tentang kualiti hidup rakyat Negeri Selangor sekali gus menunjukkan keyakinan Tuanku tentang ketelusan, kewibawaan dan keupayaan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan apabila kita teliti perancangan taman dan kawasan melibatkan PBT, Pihak Berkuasa Tempatan jadi sekali gus menunjukkan komitmen tentang demokrasi kerana apa yang telah ditegaskan dalam mana-mana pembangunan bandar Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara adalah tentang penghayatan dan penerapan *Local Agenda 21* dan sebagaimana yang telah dijelaskan pagi tadi oleh EXCO yang berkenaan program ini sepatutnya mendapat komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dan kalau kita melihat *website* dengan izin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang ada kegiatan, melancarkan, mengerakkan program-program, majlis-majlis perasmian, pakej-pakej program, *Local Agenda 21* tetapi hanya pada tahun pertama sebanyak 15 program telah dilancarkan. 4 buah PBT termasuk Petaling Jaya di Selangor telah dipilih sebagai Pilot Projek tetapi apa yang malangnya program ini tidak diteruskan. Pada tahun 2001 hanya 5 program 2002 3 program dan tiada program pada 2004 dan 2005 dan kesannya adalah kerana *Local Agenda 21* menuntut kepada penghayatan amalan demokrasi tulen di mana pembabitian NGO, masyarakat, kesatuan penduduk diperlukan dalam merancang pembangunan bandar dan kehidupan sekitar. *Local Agenda 21* bermakna memberi peluang kepada rakyat, kepada NGO, kepada industri, kepada swasta untuk memberi idea, memberi pandangan, memberi input, memberi maklum balas dalam pembangunan kawasan setempat dan kita yakin inilah satu kelemahan yang tidak dapat diatasi oleh Barisan Nasional kerana dasar mereka yang tidak dapat menyelami hati budi, akal budi rakyat dalam menyuarakan pendapat dan pandangan dalam konteks demokrasi dan dengan ini cukup mendalam ucapan Tuanku yang mahukan kualiti perancangan taman dan kawasan kegiatan masa lapang dan rekreasi menunjukkan akal budi yang cukup tinggi dalam memberi keyakinan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat menghayati demokrasi tulen. Demokrasi tulen juga bererti sistem penyampaian dan sistem penyampaian berkaitan dengan satu proses bagaimana satu perancangan yang teliti dari akar umbi dapat didengar ke atas. Sistem penyampaian juga berkaitan dengan *bottom-up budgeting* dengan izin dengan penggubalan belanjawan yang bersepadu dan *Local Agenda 21* menuntut bahawa proses *budgeting* dilakukan dengan izin secara *bottom up budgeting* secara *grass root budgeting* dan dengan ini saya Hulu Kelang mencadangkan bahawa komitmen Kerajaan Pakatan Rakyat pada demokrasi yang tulen hendaklah dilebarkan lagi dalam melaksanakan *Local Agenda 21* walaupun tadi dinyatakan kita perlu mempunyai bajet kita sendiri, bagi saya

dia adalah satu usaha yang amat berbaloi kerana kita tidak dapat berharap dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi peruntukan kerana dia berkaitan dengan demokrasi dan demokrasi yang tulen hanya didokong oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dan saya mengesyorkan bahawa proses *bottom up budgeting* dengan izin hendaklah digerakkan kerana kita sudah ada *structure*. Kita sudah ada struktur di peringkat Kerajaan Tempatan. Kita ada PBT, kita ada *zoning*, kita ada JKP, kita ada PeBT, kita ada JMB di tempat-tempat perumahan berstrata kita ada COB dan sebagainya dan kita memperkasakan rakyat dengan dialog dan interaksi dan dengan ini saya mencadangkan dari Hulu Kelang dengan pengalaman yang telah kami laksanakan di Hulu Kelang kita mengakar umbi kan proses *bottom-up budgeting* dan dengan ini saya mendesak dan meminta Kerajaan untuk mewujudkan satu penyelarasan proses *bottom-up budgeting* kerana kita pada ujung tahun ini pada bulan November akan meluluskan bajet dan saya sebagai ADUN Hulu Kelang masih tidak dapat untuk menyelesaikan masalah apabila saya berdepan dengan kerendah rakyat, hendak rakyat, tuntutan rakyat di peringkat PBT atau pun yang berkaitan dengan Pejabat Daerah dan Tanah jawapannya tidak ada peruntukan. Kalau tahun 2008 itu saya boleh terima, tahun 2009 mungkin susah untuk saya terima dan untuk tahun 2010 sukar saya terima kerana jawapan yang sama oleh kerana itu saya mengesyorkan bahawa Kerajaan Negeri merancang satu proses dan program untuk menyelaraskan, mewujudkan satu proses *budgeting* di peringkat PBT agar kesemua 12 PBT, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah mewujudkan proses *budgeting* yang mengumpulkan maklumat daripada akar umbi. Semua turun ke bawah. Turun untuk mengadakan dialog, memahami keperluan penduduk dari segi keselamatan kalau kawasan keselamatan itu perlu jalan yang ada lampu trafik dirangkakan, dimasukkan dalam satu bentuk peruntukan kalau perlu *bumb*, contohnya bonggol, detail-detail itu kerana ini adalah satu perkara yang kita tidak mampu lagi mengurus keselesaan rakyat cara yang *ad hoc*. Kita mesti masukkan dalam proses *budgeting* kita termasuk dengan yang berkaitan dengan cantas pokok, tebang pokok, gelanggang futsal, seliaan dewan, *repair* dewan semua benda-benda ini berulang balik lepas dua tahun kita menjadi wakil rakyat kita tidak dapat penyelesaian kerana tidak ada usaha bersepadu dalam pembangunan penyampaian sistem penyampaian dengan sistem *budgeting*. Jadi saya mengesyorkan pada Kerajaan bermula daripada sekarang sehingga nanti kami ADUN di Dewan yang mulia ini hendak luluskan bajet kita tidak mahu lagi nanti bajet diluluskan pada bulan November tahun ini bila sampai tahun 2011 kita berhadapan dengan masalah tidak cukup peruntukan dan oleh kerana itu semangat yang sama hendaklah kita wujudkan kerana Tuanku juga bertitah dalam muka surat 8.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa sudah sampai pukul 9.00 malam.

**YB TUAN HAJI SAARI BI SUNGIB:** Ok terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadi dengan itu berakhirlah perbahasaan ke atas Usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Pada hari esok Pihak Kerajaan akan menggulung dan dengan itu saya menangguhkan dewan ini sehingga hari esok 14 April 2010 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 9.00 malam**